



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
**LAPORAN TAHUNAN**  
**2014**

# ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT	PERUTUSAN
3 - 6	Menteri Pertahanan
7 - 10	Ketua Setiausaha
11 - 14	Panglima Angkatan Tentera
	<b>MAKLUMAT KORPORAT</b>
16 - 17	Carta Organisasi
18	Maklumat Korporat
18 - 22	Piagam Pelanggan
	<b>SEKTOR KETUA SETIAUSAHA</b>
23 - 26	Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am
27 - 30	Bahagian Undang-Undang
31 - 36	Unit Komunikasi Korporat
37 - 42	Urusetia Majlis Angkatan Tentera
43 - 48	Cawangan MinDef Sabah
49 - 54	Cawangan MinDef Sarawak
	<b>SEKTOR PEMBANGUNAN</b>
55 - 60	Bahagian Pembangunan
61 - 64	Bahagian Perolehan
65 - 72	Penguasa Katalog ATM
	<b>SEKTOR DASAR</b>
73 - 82	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
83 - 90	Bahagian Industri Pertahanan
91 - 96	Depot Simpanan Pertahanan

<b>MUKA SURAT</b>	<b>SEKTOR PENGURUSAN</b>
97 - 106	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
107 - 116	Bahagian Pengurusan Maklumat
117 - 128	Bahagian Akaun
129 - 136	Bahagian Kewangan
137 - 144	Bahagian Pentadbiran
	<b>AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN</b>
145 - 156	Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE)
157 - 166	Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN)
167 - 178	Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)
179 - 186	Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT)
187 - 212	Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia
	<b>ANGKATAN TENTERA MALAYSIA</b>
213 - 224	Markas Angkatan Tentera Malaysia
225 - 234	Markas Tentera Darat
235 - 246	Markas Tentera Laut
245 - 258	Markas Tentera Udara
259 - 266	Markas Angkatan Bersama
	<b>KELAB DAN PERSATUAN BERDAFTAR</b>
267 - 284	Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia
285 - 290	Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP)



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***PERUTUSAN***



Menteri Pertahanan





## PERUTUSAN MENTERI PERTAHANAN



### YB. DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN

Menteri Pertahanan Malaysia  
Kementerian Pertahanan Malaysia

*Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia*

Saya merakamkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Kementerian Pertahanan Malaysia kerana berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2014. Dengan penerbitan Laporan Tahunan 2014 ini, pencapaian dan kecemerlangan Kementerian Pertahanan Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dapat dikongsi bersama warga Kementerian Pertahanan dan ATM khususnya dan rakyat Malaysia umumnya. Dokumentasi ini penting untuk rujukan pelbagai pihak. Sekalung penghargaan diucapkan kepada tim penerbitan yang bertungkus-lumus bagi menerbitkan naskhah utama Kementerian Pertahanan ini.

Secara umumnya, pencapaian setiap aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2014 amat membanggakan. Kejayaan ini terhasil daripada usaha dan semangat kerjasama berpasukan oleh warga Kementerian Pertahanan. Aktiviti utama pada tahun 2014 ialah penganjuran *Defence Services Asia 2014* (DSA) oleh Kementerian Pertahanan. Penyertaan syarikat pada DSA kali ini adalah sebanyak 1057 buah syarikat, 19.6% peningkatan berbanding dengan penganjuran sebelumnya iaitu sebanyak 850 buah syarikat sahaja. Sewaktu berlangsungnya Pameran DSA 2014 ini, turut diadakan ialah Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU)/kontrak di antara Kerajaan Malaysia dan syarikat-syarikat pertahanan tempatan dan antarabangsa. DSA 2014 melakar sejarahnya tersendiri apabila Dewan ASEAN pertama kalinya diperkenalkan.

Agensi-agensi di bawah Kementerian Pertahanan turut berjaya menjalankan pelbagai aktiviti yang telah dirancang seperti seminar dan dialog anjuran *Malaysia Institute of Defence and Security* (MiDAS) – MiDAS Talk Siri 7, 8 dan 9. MiDAS juga menganjurkan Forum Putrajaya, ‘National Airspace Management Seminar’ dan ‘Cyber Security Incident Institute of Germany’. Penganjuran ini turut memberikan idea-idea bernas dalam mengukuhkan pertahanan negara.

ATM turut melaksanakan lebih daripada 350 inisiatif di bawah Program Jiwa Murni (PJM) antaranya kejayaan pembinaan jalan sejauh 214.1 km di Sarawak oleh Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) serta pembinaan dan penyelenggaraan jambatan dan jalan raya dengan kos keseluruhan mencecah RM252 juta. Kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dengan menggunakan kaedah *grafity feed system* di bawah NBOS-3 telah dapat menjimatkan perbelanjaan negara sebanyak RM620.17 juta. Tahniah dan syabas kepada warga MINDEF yang telah berjaya menyumbang kepada pencapaian 100% KPI bagi tahun 2014.

Kecemerlangan Mindef diteruskan lagi melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) khususnya dalam membantu dan berkhidmat kepada veteran ATM yang telah banyak berjasa dalam mempertahankan kedaulatan negara. Bantuan-bantuan yang disediakan bagi veteran ATM melalui program dan aktiviti seperti membaikpulih Rumah Veteran 1Malaysia dan Program Penempatan Kerja untuk Veteran diteruskan dengan jayanya pada tahun ini. JHEV juga telah mengadakan Majlis Penyampaian Kunci Rumah kepada penerima Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia dan Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan JHEV ATM kepada anak-anak veteran.

Mengambil pengajaran dari insiden serangan Lahad Datu pada 2013, aspek keselamatan terus menjadi agenda utama Kementerian Pertahanan pada tahun 2014 dan seterusnya dipertingkatkan pada tahun 2015. Pemantapan keselamatan termasuk kerjasama serantau melalui latihan dan operasi bersama seperti *Eyes in the Sky* antara Malaysia, Indonesia, Thailand dan Singapura di Perairan Selat Melaka serta operasi persempadanan Malaysia-Indonesia dan Malaysia-Thailand.



Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Kementerian Pertahanan yang bersungguh-sungguh melaksanakan tugas masing-masing di samping menjayakan semua aktiviti yang dirancangkan dan dianjurkan. Semoga kerjasama padu daripada semua pihak dapat diteruskan bagi memastikan kecemerlangan Kementerian Pertahanan dan ATM pada tahun 2015, Insya Allah.

Sekian, Wassalam.



**YB. DATO' SERI HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN**

Menteri Pertahanan Malaysia  
Kementerian Pertahanan Malaysia





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***PERUTUSAN***

Ketua Setiausaha



## PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA



**DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Terlebih dahulu, ingin saya merakamkan ucapan terima kasih kepada warga kerja Kementerian Pertahanan Malaysia yang telah bertungkus lumus menyiapkan Laporan Tahunan 2014 Kementerian Pertahanan. Penerbitan ini banyak membantu umum untuk mengetahui lebih lanjut tentang program-program, aktiviti serta pencapaian yang diperolehi oleh Kementerian Pertahanan sepanjang tahun 2014. Semoga dengan penerbitan Laporan Tahunan 2014 ini kita dapat mengekalkan segala kejayaan yang telah diperolehi dan menambahbaik segala kekurangan sepanjang tahun 2014. Adalah menjadi matlamat Kementerian untuk memastikan warga Kementerian Pertahanan sentiasa menjadi warga yang berdisiplin tinggi dan berdaya saing sama ada untuk pencapaian diri mahupun organisasi. Maka, dengan matlamat tersebut, Kementerian telah menggandakan usaha dengan mengadakan pelbagai pembaharuan melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang mampu menambah baik keperluan warga kementerian sejajar dengan hasrat dan matlamat kerajaan.

Bagi mencetuskan serta menggilap bakat dan nilai kreatif di kalangan warga kerja Kementerian Pertahanan, pelbagai program inovasi serta kempen telah dilaksanakan oleh kementerian. Selain itu, turut diadakan Hari Inovasi Kementerian Pertahanan 2014 serta Majlis Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan pada tahun 2014 bagi menghargai anggota serta pekerja yang telah menyumbang kepada kemajuan dan inovasi dalam Kementerian Pertahanan.

Selain mengadakan program-program berbentuk inovasi, Kementerian turut menekankan kepentingan ruang kerja yang teratur dan selesa serta berkesan dengan menganjurkan program-program berkaitan pemantapan amalan 5S seperti Bengkel Pemantapan Amalan 5S. Selain itu, Kementerian berbangga kerana telah menjadi salah satu organisasi contoh dalam amalan 5S dan hal ini dibuktikan dengan lawatan yang dijalankan oleh organisasi luar. Bagi memantapkan lagi amalan 5S, kempen secara menyeluruh di kalangan penjawat awam Kementerian Pertahanan diadakan melalui Majlis Perasmian Gotong-Royong Perdana 5S dan Pelancaran logo *Go Green MinDef*. Diharapkan kempen seperti ini mampu membawa kepada persekitaran yang lebih kondusif kepada ruang kerja warga Kementerian Pertahanan itu sendiri.

Program yang turut mendapat sambutan warga kerja awam Kementerian pertahanan antara lainnya ialah program bersempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan. Sambutan ini bertujuan untuk mendaulatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu dalam masa yang sama menyahut seruan kerajaan yang mengangkat kedaulatan Bahasa Melayu itu sendiri. Malah sambutan ini telah diterima baik oleh umum dan diharap dapat memperkasakan penguasaan Bahasa Melayu oleh warga kerja awam di Kementerian Pertahanan.

Selain itu, bagi memantapkan hubungan antara Malaysia dan negara luar, kita telah menerima serta mengalu-alukan kedatangan lawatan oleh Ketua Setiausaha dan Pemimpin Kementerian Pertahanan dari negara luar. Diharapkan hubungan antara negara ini akan terus terjalin melalui persefahaman yang telah dibina dan seterusnya mengukuhkan hubungan demokrasi antara Malaysia dan negara luar. Akhir kata daripada saya, diharapkan segala usaha yang telah dijalankan oleh kementerian sepanjang tahun 2014 mampu memberikan kesan positif dalam membangunkan prasarana serta membawa kemajuan kepada negara secara amnya dan kepada Kementerian Pertahanan secara khususnya.



Saya ingin juga merakamkan ucapan tahniah kepada warga kerja yang telah berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2014 dan diharap segala pencapaian yang telah dikecapi pada tahun 2014 menjadi inspirasi kepada kejayaan tahun-tahun seterusnya.

Semoga Kementerian Pertahanan menjadi lebih cemerlang bagi tahun 2015.

*Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*



**DATO' SRI ABDUL RAHIM BIN MOHAMAD RADZI**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia







**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***PERUTUSAN***

Panglima Angkatan Tentera Malaysia





## PERUTUSAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA



### JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN

Panglima Angkatan Tentera  
Angkatan Tentera Malaysia

*Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala serta berselawat dan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Aallallahu Alaihi Wasallam. Dengan berkat keizinan dan limpahan rahmat-Nya jua, dapat kita mengecapi nikmat keamanan sepanjang tahun 2014. Sesungguhnya, kenikmatan itu merupakan keberhasilan dari kesiagaan Angkatan Tentera Malaysia yang sentiasa komited dan bersepadu dalam mendepani pelbagai cabaran dan ancaman terhadap Negara. Kecemerlangan ATM yang sentiasa konsisten dalam mengambil tindakan, telah meningkatkan imej kita dan keyakinan rakyat serta Kerajaan.*

Tahun 2014 yang dikenang sebagai tahun yang penuh dengan tragedi telah melabuhkan tirainya. Mengimbau kembali insiden kehilangan pesawat MH 370 dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac 2014 yang membawa 239 penumpang termasuk 12 anak kapal telah mencetuskan suasana panik di peringkat global dan kekal misteri sehingga ke hari ini tanpa sebarang petunjuk. Belum pun kering air mata dengan insiden ini, dunia sekali lagi dikejutkan dengan kejadian pesawat MH17 dari Amsterdam ke Kuala Lumpur yang ditembak jatuh ketika melalui ruang udara Ukraine pada 17 Julai 2014. Pelbagai spekulasi telah merebak menerusi media antarabangsa mengenai tragedi ini.

Berikutan daripada tragedi-tragedi tersebut, ATM selaku Perisai Negara telah mengambil tanggungjawab dengan mengatur gerak aset ketenteraan untuk membantu merungkai misteri yang menimpa pesawat-pesawat tersebut. Usaha itu telah diperkasakan lagi dengan bantuan daripada negara-negara luar yang berkolaborasi dalam misi mencari dan menyelamatkan. Dalam hal ini, diplomasi ketenteraan ternyata cukup berkesan dalam menyatukan pelbagai negara dan agensi, ke arah mendukung misi kemanusiaan yang semakin menjadi tuntutan dunia sejagat pada hari ini. Sebagai satu penghormatan kepada semua mangsa pesawat MH17, ATM telah diberi mandat untuk menyempurnakan istiadat penerimaan dan pengebumian jenazah semua mangsa. Atas semangat 1Malaysia, setiap ratapan dan kesedihan para waris serta ahli keluarga mangsa turut dirasai oleh seluruh warga tentera dan rakyat Malaysia.

Tidak sekadar itu sahaja, Negara juga telah dilanda bencana banjir terburuk yang membadai kebanyakan negeri di Pantai Timur Semenanjung pada penghujung tahun 2014. Amarah kuasa alam ini telah banyak menjejaskan infrastruktur serta mengakibatkan kemusnahan. Natijah daripada musibah ini, telah menimbulkan kesedaran dan menyatukan seluruh rakyat Malaysia untuk tampil menghulurkan bantuan tanpa mengira batasan agama, bangsa, mahupun kepercayaan. ATM dengan segala aset yang sentiasa siaga telah memberi bantuan terutamanya bagi melancarkan proses pemindahan mangsa-mangsa banjir dan pengagihan bantuan kepada semua mangsa yang terjejas. Warga ATM telah melaksanakan sesuatu “beyond their duties and responsibilities”. Dalam hal ini, ternyata faktor cuaca bukanlah menjadi penghalang kepada kita untuk menyempurnakan tanggungjawab, demi kesejahteraan rakyat jelata dan kepentingan Negara.

ATM sebagai sebuah institusi yang professional, sentiasa fokus dalam membangunkan angkatannya sejajar dengan peranan sebagai *Nation's Shield*. Berpegang kepada cogan kata ‘ATM Perkasa, Kedaulatan Terpelihara’; maka manifestasi ungkapan ini harus diterjemahkan ke dalam *trilogy Men, Machine and Method* yang menjadi nadi kepada keunggulan organisasi kita. Namun begitu, perubahan yang berlaku dalam lanskap geo-strategik global telah menuntut ATM agar lebih condong kepada kesediaan menghadapi cabaran baharu dengan spektrum tanggungjawab yang lebih besar dan dinamik. Dalam hal ini, sinergi kebersamaan dengan agensi-agensi awam yang lain merupakan formula yang berkesan dalam mengekalkan kestabilan nasional. Justeru, ATM akan terus komited dan mendukung sepenuhnya segala usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan demi kelangsungan kestabilan dan keamanan nasional.



Kerjasama padu antara ATM dan agensi-agensi keselamatan serta penguatkuasaan lain telah mewujudkan keadaan keselamatan persempadanan Negara yang kekal aman dan terkawal. Kesepakatan yang serupa juga telah diterjemahkan menerusi platform *National Blue Ocean Strategy* dalam mendukung Pelan Transformasi Kerajaan. Perkongsian pintar ini membuktikan bahawa ATM terus komited dalam menjayakan agenda pembangunan negara bangsa tanpa mengabaikan fungsi utamanya. Apa yang pasti ialah tugas menjaga kedaulatan dan keselamatan negara akan tetap menjadi fokus utama dan ATM harus sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Menjengah perspektif pengurusan organisasi pula, ATM sentiasa konsisten dan fokus dalam merencana bidang keberhasilan utamanya agar seiring dengan petunjuk utama prestasi (KPI) yang digariskan. Bagi melestarikan kesinambungan peranan ATM yang kredibel, relevan dan kompeten, maka Pelan Strategik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (PSTM 2011), Panduan Kesiagaan ATM, Pelan Integriti ATM dan Sistem Pengurusan Strategik ATM sentiasa dikemas kini sejajar dengan perancangan *Forth Dimension Malaysian Armed Forces* (4D MAF). Langkah ini penting untuk membolehkan ATM berfungsi sebagai satu ketumbukan tempur yang mampu menampilkan kesan sinergi dan cegah-rintang yang cekap serta memastikan ATM terus bergerak di atas landasan dengan momentum yang unggul.

Sesungguhnya kemajuan yang telah dilakarkan oleh ATM sepanjang tahun 2014 tidak mungkin tercapai tanpa komitmen jitu daripada pelbagai pihak. Justeru, saya bagi pihak seluruh warga ATM mengucapkan jutaan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, TB Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Kementerian-Kementerian, Kerajaan-Kerajaan Negeri, agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan, media massa dan semua pihak atas segala bentuk sokongan dan kerjasama padu yang telah dihulurkan kepada ATM. Semoga permuafakatan ini akan terus terjalin dan menjana keutuhan demi memartabatkan aspirasi Gagasan 1Malaysia dan 1ATM, Insya Allah.

“SENTIASA BERSEPADU”



**JENERAL TAN SRI DATO' SRI ZULKIFELI BIN MOHD ZIN**

Panglima Angkatan Tentera  
Angkatan Tentera Malaysia




**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***MAKLUMAT KORPORAT***



Carta Organisasi  
Maklumat Korporat  
Piagam Pelanggan



# CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA



TIMBALAN MENTERI  
DEPUTY DEFENCE MINISTER  
**Y.B. DATUK ABDUL RAHIM BAKRI**

BAHAGIAN UNDANG-UNDANG  
LEGAL DIVISION  
**PN. ASLIZA BINTI ALI**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT  
**TUAN HAJI JOHARI BIN MOHD**

UNIT INTEGRITI  
INTEGRITY UNIT  
**DATO' HAJI JALIL BIN JAAFAR**

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA  
CHIEF OF ARMED FORCES  
**JENERAL TAN SRI DATO' SRI  
ZULKIFELI BIN MOHD ZIN**

INSTITUT PERTAHANAN DAN  
KESELAMATAN MALAYSIA  
MALAYSIAN INSTITUTE AND DEFENCE  
SECURITY (MIDAS)  
**LT JEN DATO' PAHLAWAN DR. WILLIAM R.**

INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS DAN  
TEKNOLOGI (STRIDE)  
SCIENCE AND TECHNOLOGY RESEARCH  
INSTITUTE FOR DEFENCE (STRIDE)  
**DR. ROSLAN BIN ABDUL AZIZ**

JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA  
NATIONAL SERVICE TRAINING DEPARTMENT  
**DATO' MOHD MED ASRI BIN YUSOF**

JABATAN HAL EHWAL VETERAN  
MALAYSIAN ARMED FORCES  
VETERANS AFFAIR DEPARTMENT  
**MEJ JEN DATO' WIRA  
HAJI MOHD NOOR BIN HAJI DAUD**

JABATAN KETUA HAKIM PEGUAM  
DEPARTMENT OF THE CHIEF  
JUSTICE LAWYERS  
**EN. AMIR BIN NASRUDDIN**

CAWANGAN MINDEF SABAH  
MINDEF SABAH BRANCH  
**EN. NOR AKMAL BIN ABDUL MANAP**

CAWANGAN MINDEF SARAWAK  
MINDEF SARAWAK BRANCH  
**TUAN HAJI ZAKARIA BIN MUSTAPHA**

PANGLIMA TENTERA DARAT  
CHIEF OF ARMY  
**YM JEN DATUK RAJA MOHAMED AFFANDI  
BIN RAJA MOHAMED NOOR**

PANGLIMA TENTERA LAUT  
CHIEF OF NAVY  
**LAKSAMANA TAN SRI  
ABDUL AZIZ BIN HAJI JAAFAR**

PANGLIMA TENTERA UDARA  
CHIEF OF AIR FORCE  
**JENERAL DATO' SRI ROSLAN BIN SAAD**

KETUA STAF MARKAS ANGKATAN BERSAMA  
JOINT FORCE COMMANDER  
**LT JEN DATO' ABU BAKAR  
BIN MOHD SAID TUDM**

KETUA PENGARAH PERISIKAN PERTAHANAN  
DIRECTOR GENERAL OF DEFENCE INTELLIGENCE  
**LT JEN DATO' ABDUL HADI  
BIN HAJI HUSSIN**

KETUA STAF MARKAS ATM  
CHIEF OF STAFF OF THE ARMED  
FORCES HEAD QUARTERS  
**LAKSAMANA MADYA DATO' NASARUDDIN  
BIN OTHMAN**



## MAKLUMAT KORPORAT

### KEMENTERIAN PERTAHANAN SEPINTAS LALU

Kementerian Pertahanan telah ditubuhkan pada 31 Ogos 1957 dan memulakan operasi rasminya di sebuah bangunan yang terletak di Brockman Road (sekarang Jalan Dato' Onn), Kuala Lumpur. Bangunan ini turut menempatkan pejabat Menteri Pertahanan yang pertama iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussien yang berkhidmat dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970.

Bangunan Kementerian Pertahanan yang pertama telah dibina oleh Kerajaan Persekutuan dengan kos bernilai RM122,000.00 dan telah dirasmikan oleh Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein pada 18 Mac 1960. Bangunan yang dibina di Jalan Padang Tembak ini juga menempatkan pejabat.

Kementerian Pertahanan diterajui oleh Menteri Pertahanan dan dibantu oleh seorang Timbalan Menteri. Organisasi Kementerian Pertahanan pula mengandungi dua perkhidmatan utama iaitu Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh Ketua Setiausaha manakala Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diketuai oleh Panglima Angkatan Tentera.

#### Visi

Menjadi sebuah organisasi pertahanan yang berwibawa bertaraf dunia berteraskan Dasar Pertahanan Negara.

#### Misi

Memastikan Pengurusan Pertahanan Negara sentiasa cemerlang dan kompetitif.

#### Objektif

Mengurus pertahanan negara secara cekap dan berkesan.

### PIAGAM PELANGGAN

**MENGURUSKAN PERTAHANAN NEGARA DENGAN CEKAP DAN BERKESAN SUPAYA KEPENTINGAN STRATEGIK, KEDAULATAN DAN KEUTUHAN NEGARA SENTIASA TERJAMIN**

#### Pengurusan Dasar & Perancangan Strategik

- 1.1 Menyediakan nota percakapan dan ikhtisar pertahanan untuk dimajukan ke Kementerian/ Agensi/ Organisasi Antarabangsa/ Organisasi Tempatan yang berkaitan dalam tempoh tujuh (7) hari selepas tarikh permohonan lengkap diterima.
- 1.2 Memajukan draf nota bantahan diplomatik dalam tempoh dua (2) hari bekerja mulai tarikh penerimaan laporan yang lengkap kepada Kementerian Luar Negeri.
- 1.3 Memberi pandangan kepada Kementerian Luar Negeri mengenai permohonan untuk kelulusan diplomatik bagi pesawat-pesawat dan kapal-kapal tentera asing dalam tempoh dua (2) hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.
- 1.4 Jawapan kepada pertanyaan jawab lisan Parlimen disiapkan dan dimajukan ke Pejabat Menteri atau Timbalan Menteri selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum tarikh menjawab di Parlimen.



### **PEMBANGUNAN INDUSTRI PERTAHANAN (BIP)**

- 1.1 Menganjurkan sekurang-kurangnya 3 program setahun berkaitan industri pertahanan dan keselamatan seperti penyertaan pameran pertahanan tempatan dan antarabangsa, seminar serta bengkel industri.
- 1.2 Menyediakan surat kelulusan *credit offset* (credit claim) dalam tempoh 2 minggu setelah dokumen lengkap diterima dan diperakui oleh *beneficiary*.
- 1.3 Mengkoordinasikan aktiviti / penyertaan syarikat industri pertahanan ke pameran pertahanan antarabangsa empat (4) bulan sebelum pameran berlangsung.

### **PENYELIDIKAN PERTAHANAN DAN PERKHIDMATAN TEKNIKAL (STRIDE)**

- 1.1 Permohonan penyelidikan, penyiasatan dan kajian berkaitan teknologi pertahanan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permohonan.
- 1.2 Menyelesaikan pengujian dan mengeluarkan laporan dalam tempoh tidak melebihi:
  - i) 1 bulan dari tarikh permohonan untuk item bukan tender perolehan; dan
  - ii) 3 bulan dari tarikh permohonan untuk item tender perolehan.
- 1.3 Pengesahan Spesifikasi Perolehan Pertahanan
  - i) Melaksanakan pengesahan Spesifikasi Perolehan Pertahanan dalam tempoh tidak melebihi 2 bulan dari tarikh permohonan untuk spesifikasi yang lengkap; dan
  - ii) Mengeluarkan Sijil Spesifikasi Perolehan Pertahanan dalam tempoh tidak melebihi 3 hari.

### **PENGAUDITAN (BADSA)**

- 1.1 Mengeluarkan Pemerhatian Audit terhadap Pengauditan Prestasi yang bebas dan seimbang dalam tempoh 30 hari selepas pengauditan selesai dilaksanakan.
- 1.2 Melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan secara manual pada tahun semasa berdasarkan pusingan 3 tahun sekali terhadap 106 Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 1.3 Menyediakan dan mengemukakan Pemerhatian Audit bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan kepada Auditi dalam tempoh 20 hari bekerja dari tarikh pengauditan selesai dijalankan.
- 1.4 Melaksanakan Pengauditan Pengurusan Kewangan secara On-Line terhadap sekurang-kurangnya 100 Pusat Tanggungjawab (PTJ).





### PENGURUSAN ADUAN PELANGGAN (UKK)

- 1.1 Memperakui penerimaan aduan kepada pengadu dalam tempoh 24 jam selepas penerimaan aduan.
- 1.2 Memberikan maklumbalas tentang status aduan yang diambil tindakan sama ada telah selesai atau memerlukan siasatan lanjut dalam tempoh 15 hari berkerja dari tarikh penerimaan aduan.

### MELAYANI DENGAN PENUH ILTIZAM SEGALA KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN KEUPAYAAN DAN KESIAPSIAGAAN

#### PENGURUSAN PEROLEHAN KELENGKAPAN DAN PERKHIDMATAN

- 1.1 Segala proses perolehan bagi bekalan dan perkhidmatan Kementerian Pertahanan bermula dari tarikh ia dipersetujui oleh Jawatankuasa Penapisan Perolehan (JKPP) Kementerian Pertahanan sehingga Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa seperti berikut:

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	JENIS PEROLEHAN	KAEDAH PENILAIAN	TEMPOH MASA (HARI BEKERJA)
1	Sebut harga	-	Harga	55
			Harga dan Teknikal	65 (tidak termasuk tempoh laporan dari STRIDE)
2	Tender	Terbuka dan Terhad	Harga	70
			Harga dan Teknikal	80 (tidak termasuk tempoh laporan dari STRIDE)
		Antarabangsa	Harga	177
			Harga dan Teknikal	267

- 1.2 Semua kontrak bekalan dan perkhidmatan akan diperbaharui dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum kontrak semasa tamat tertakluk kepada permohonan lengkap diterima dari pihak pengguna 6 bulan sebelum kontrak tamat.
- 1.3 Perolehan di bawah peruntukan 'Dasar Baharu' dan 'One-Off' akan diproses dalam tempoh tahun semasa tertakluk kepada penerimaan permohonan sebelum 31 Mac tahun semasa.

## PENGURUSAN PROJEK INFRASTRUKTUR (PEMBANGUNAN)

- 1.1 Proses pengurusan tender atau sebut harga bagi kontrak kerja daripada tarikh tender atau sebut harga ditutup sehingga tarikh Surat Setuju Terima (SST/LOA) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:
- 1.2 Dokumen kontrak disediakan untuk ditandatangani dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran surat tawaran.

BIL	KAEDAH PEROLEHAN	TEMPOH MASA (HARI BEKERJA)
1	Sebut harga	60 hari
2	Tender	90 hari

## MELAYANI DENGAN PENUH ILTIZAM SEGALA KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA, KEWANGAN DAN INFORMATION COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT)

### PENGURUSAN KEWANGAN

- 1.1 Semua program menerima Waran Peruntukan Am (WPA) dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja dari tarikh penerimaan waran daripada Perbendaharaan melalui Pegawai Pengawal.
- 1.2 Permohonan kelulusan kewangan diproses dan diputuskan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.

### PENGURUSAN BAYARAN (AKAUN)

- 1.1 Memastikan semua bil bayaran dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil lengkap diterima.
- 1.2 Memproses gaji penjawat awam dan menghantar maklumat gaji ke bank 3 hari bekerja sebelum tarikh gaji bagi memastikan pembayaran gaji dibuat kepada penjawat awam pada tarikh yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- 1.3 Mengakaunkan terimaan dan mengeluarkan resit rasmi kepada pembayar dalam tempoh 1 hari bekerja.
- 1.4 Melakukan naziran ke atas semua PTJ eSPKB di Lembah Klang sekurang-kurangnya sekali setahun bagi setiap PTJ.



### **BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (BPSM)**

- 1.1 Cadangan penambahbaikan dan permohonan elaun, kemudahan dan syarat-syarat perkhidmatan serta faedah persaraan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dikaji dan dipertimbangkan untuk dikemukakan ke Agensi Pusat dalam tempoh:
  - i) dua puluh satu (21) hari bekerja dari tarikh cadangan lengkap diterima bagi cadangan yang kompleks; dan
  - ii) tujuh (7) hari bekerja dari tarikh cadangan lengkap diterima bagi cadangan yang tidak kompleks.
- 1.2 Dokumen persaraan yang lengkap dikemukakan kepada JPA tidak lewat daripada empat (4) bulan sebelum tarikh persaraan.
- 1.3 Sesi intervensi kaunseling dilaksanakan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.

### **BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ICT (BPM)**

- 1.1 Memastikan rangkaian dan sistem aplikasi mencapai tahap ketersediaan capaian tidak kurang 99% sepanjang tempoh waktu bekerja dalam operasi normal.
- 1.2 Menyelesaikan 100% insiden keselamatan ICT dalam tempoh 24 jam.





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR KETUA SETIAUSAHA***



Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am



## BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN SIASATAN AM

### RANCANGAN AUDIT TAHUNAN

Rancangan Tahunan 2014 BADSA adalah merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Pengurusan Kewangan Secara *Online - Accountability Index Monitoring System (AIMS)*, Pengauditan Prestasi/Kajian Audit, Penampilan Audit, dan Siasatan Am. Garis Panduan Pengauditan Audit Dalam (GPPAD) dan Garis Panduan Audit Prestasi telah digunapakai bagi melaksanakan pengauditan mengikut *standard* dan menghasilkan laporan yang berkualiti.

### PENCAPAIAN KERJA

Pada tahun 2014, BADSA telah berjaya melaksanakan Rancangan Audit Tahunan yang telah ditetapkan hasil dari komitmen dan kerjasama pasukan Audit berdasarkan kemahiran serta pengalaman pegawai audit. Jadual berikut menunjukkan Ringkasan Rancangan dan Pencapaian Audit bagi tahun 2014.

BIL	JENIS PENGAUDITAN	2014	
		RANCANGAN TAHUNAN	PENCAPAIAN SEBENAR
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan	37 PTJ	37 PTJ
2.	Pengauditan Pengurusan Kewangan Secara Online (AIMS)	106 PTJ	106 PTJ
3.	Pengauditan Prestasi	17 Kajian	16 Kajian/ 1 digugurkan
4.	Penampilan Audit i. Pejabat Penasihat Pertahanan (PPP) ii. ICT	5 PPP 2 PTJ	1 PPP 2 PTJ
5.	Siasatan Am	14 Aduan*	7 Aduan*/ 2 digugurkan

Nota: \*Berdasarkan Bilangan Aduan Yang Diterima Tahun 2014

### PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan bertujuan bagi menentukan wujudnya kawalan dalaman terhadap sesebuah organisasi dan pematuhan peraturan serta pekeliling yang berkuat kuasa. Tumpuan diberikan terhadap enam (6) aspek kawalan dalaman iaitu Kawalan Pengurusan, Bajet, Terimaan/Hasil, Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah dan Deposit serta Pengurusan Aset, Inventori dan Stor.

Pada tahun 2014, BADSA telah merancang untuk mengaudit di 37 Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi memastikan Kementerian dapat mengekalkan 4 Bintang dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara (JAN). BADSA telah berjaya mengaudit 37 PTJ.

## PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN SECARA ONLINE (AIMS)

AIMS berjaya menempa nama ke persada antarabangsa dengan merangkul johan CAPAM pada tahun 2012. Kesenambungan AIMS diteruskan pada tahun 2014 melibatkan 106 PTJ sebagaimana dirancang. Pelaksanaan AIMS telah dibuat pada bulan Julai 2014 dan penyemakan AIMS dilaksanakan pada bulan Ogos hingga November 2014. Hasil dari pemantauan tersebut, sebanyak 85 PTJ sahaja yang telah mendapat penarafan 4 Bintang.

AIMS adalah kawalan dalaman yang berkesan di dalam pengurusan kewangan menggunakan pendekatan *self audit* bagi mewujudkan kesedaran, integriti dan akauntabiliti di kalangan auditi untuk mengamalkan tadbir urus yang baik. Jadual berikut adalah keputusan AIMS bagi tahun 2014.

### Keputusan AIMS Bagi Tahun 2014

BIL	PENARAFAN BINTANG	PERATUSAN (%)	PRESTASI PTJ	
			SEBELUM SEMAKAN	SELEPAS SEMAKAN
1.	★★★★	95 - 100	101	85
2.	★★★	85 - 94.99	5	20
3.	★★	65 - 84.99	0	1
4.	★	0 - 64.99	0	0
		<b>JUMLAH</b>	<b>106</b>	<b>106</b>

## PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan Prestasi yang dilaksanakan adalah berdasarkan aktiviti/program di Kementerian. Pengauditan ini dijalankan bagi memastikan Kementerian dapat mengurus dan menggunakan sumber dengan cara yang cekap, ekonomi dan berkesan selaras dengan perbelanjaan berhemat dalam mencapai objektif yang ditetapkan.

Sebanyak 17 pengauditan prestasi telah dirancang untuk dilaksanakan. Bagaimanapun, Mesyuarat Kajian Semula memutuskan hanya 16 kajian dilaksanakan. Pemilihan tajuk kajian dibuat berdasarkan Perancangan Strategik melibatkan tujuh (7) kriteria utama iaitu materialiti, auditabiliti, visibiliti, liputan, impak, signifikan dan risiko.

## **PENAMPILAN AUDIT**

Pada tahun 2014, BADSA telah merancang untuk menjalankan dua (2) penampilan Audit iaitu:

### **i. PENAMPILAN AUDIT DI PEJABAT PENASIHAT PERTAHANAN (PPP)**

Lima (5) PPP ditetapkan dalam Rancangan Tahunan Audit 2014 iaitu di PPP New York, Moscow, London, Brunei dan Hanoi. Bagaimanapun, pengauditan hanya dilaksanakan di PPP London, United Kingdom.

### **ii. PENAMPILAN ICT**

BADSA telah merancang untuk menjalankan penampilan ICT di dua (2) Jabatan/Bahagian yang terpilih. 2 PTJ berjaya dilaksanakan penampilan ICT iaitu di Bahagian Komunikasi dan Elektronik Pertahanan (KOMLEK) dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).

## **SIASATAN AM**

BADSA telah menerima lapan (14) aduan daripada individu dan jabatan termasuk arahan daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Audit Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tujuh (7) aduan telah dilaksanakan manakala satu (2) aduan tidak disiasat kerana tiada asas.







**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR KETUA SETIAUSAHA***

Bahagian Undang-Undang





## BAHAGIAN UNDANG-UNDANG

### PENDAHULUAN

- Bahagian Undang-Undang (BBU) bertanggungjawab terhadap perkara-perkara perundangan yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan Malaysia;
- Fungsi Bahagian Undang-Undang adalah memberikan perkhidmatan perundangan kepada Kementerian Pertahanan Malaysia pada menjalankan fungsi atau peranan Peguam Negara di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan;
- Antara skop utama perkhidmatan perundangan yang diberikan ialah:
  - a) Perkara-perkara nasihat  
ia meliputi penyediaan pandangan undang-undang, nasihat perundangan, penyediaan dan semakan dokumen perjanjian atau memorandum persefahaman dan lain-lain.
  - b) Perkara-perkara gubalan  
ia meliputi penggubalan dan semakan dokumen-dokumen perundangan iaitu:
    - i) Perundangan utama;
    - ii) Perundangan subsidiari; dan
    - iii) Lain-lain instrument perundangan seperti Warta atau Pemberitahuan Kerajaan.
  - c) Guaman sivil  
ia meliputi tindakan-tindakan guaman dalam mewakili Kerajaan Malaysia dalam apa-apa klausa tindakan oleh dan bagi pihak Kerajaan atau terhadap Kerajaan.

### AKTIVITI BAHAGIAN UNDANG-UNDANG TAHUN 2014

- i) Kursus Pemahaman Undang-Undang Secara Komprehensif siri I dan siri II telah dianjurkan oleh Bahagian Undang-Undang pada 12 hingga 14 Jun 2014 dan 27 hingga 29 November 2014 masing-masing bertempat di Akademi JPJ Wilayah Utara Langkawi, Kedah dan Akar Beach Resort Port Dickson. Kursus ini bertujuan :
  - memberikan hala tuju yang jelas dan bimbingan pemahaman kepada semua pegawai dan kakitangan mengenai undang-undang secara komprehensif agar dapat memantapkan perkhidmatan perundangan di Kementerian Pertahanan; dan
  - meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang undang-undang yang berkaitan dengan bidang tugas Bahagian ini dari sudut perundangan di Kementerian Pertahanan kepada semua kakitangan.



GAMBAR KETIKA KURSUS SIRI I



KENANGAN SEMUA PESERTA KURSUS TERSEBUT



GAMBAR KETIKA KURSUS SIRI II



CERAMAH OLEH PENOLONG PENASIHAT UNDANG-UNDANG KETIKA KURSUS TERSEBUT

- ii) Sepanjang tahun 2014, Bahagian Undang-Undang telah menyediakan dan memuktamadkan dua (2) templat Kontrak iaitu Kontrak Perkhidmatan Dobi Dan Jahitan yang telah dikeluarkan kepada pelanggan pada 18 Jun 2014 dan templat Kontrak Perkhidmatan *Housekeeping* pada 3 Disember 2014. Penyediaan templat kontrak ini bertujuan untuk mempercepatkan proses semakan draf kontrak dan memudahkan proses kerja di bahagian-bahagian lain yang berkaitan. Setakat tahun 2014, terdapat lapan (8) templat kontrak telah dimuktamadkan untuk kegunaan Kementerian Pertahanan.
- iii) Pada 20 Mei 2014, Bahagian Undang-Undang dengan kerjasama Cawangan Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menganjurkan Bengkel Pemahaman dan Penyediaan Kontrak Kerajaan yang telah diadakan di Pusat Latihan Awam Kementerian Pertahanan Fraser Hill, Pahang. Bengkel ini bertujuan untuk memberikan hala tuju yang jelas dan bimbingan kepada semua pegawai/kakitangan yang berkaitan dalam penyediaan draf kontrak kerajaan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran semua pegawai/kakitangan yang terlibat dalam penyediaan draf perjanjian tersebut serta sebagai wadah perkongsian ilmu kepada bahagian-bahagian lain yang terlibat.
- iv) Bahagian Undang-Undang dan Jabatan Ketua Hakim Peguam juga telah sama-sama menganjurkan “Majlis Tahlil” pada 20 Jun 2014 sempena kedatangan bulan Ramadhan selain sebagai wadah untuk mengeratkan silaturrahim antara pegawai dan kakitangan kedua-dua Bahagian tersebut dan seterusnya meningkatkan semangat kerja antara semua.



- v) Pada 29 November 2014, Bahagian Undang-Undang telah menganjurkan hari sukaneka Bahagian Undang-Undang bertempat di Port Dickson dan dihadiri oleh kesemua pegawai dan kakitangan. Tujuan sukaneka ini diadakan adalah untuk meningkatkan semangat kerja di kalangan warga BUU dan untuk memupuk semangat kerjasama dan kekitaan di kalangan pegawai dan kakitangan.





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR KETUA SETIAUSAHA***



Unit Komunikasi Korporat





## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

### PENDAHULUAN

Unit Komunikasi Korporat telah distrukturkan semula melalui Waran Perjawatan Bil K41/09 Kementerian Pertahanan Malaysia–Perjawatan bagi Unit Komunikasi Korporat bertarikh 7 April 2009. Sehubungan itu, 14 perjawatan awam dan 30 tentera diwujudkan dan diselaraskan di bawah bahagian baharu iaitu Unit Komunikasi Korporat (UKK) bagi menggantikan Cawangan Perhubungan Awam (CPA) yang diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran. Melalui pembentangan Kertas Kerja oleh Kementerian Pertahanan (semasa) yang bertajuk “Kertas Cadangan Pemantapan Perhubungan Awam Kerajaan”, telah dipersetujui agar Unit Perhubungan Awam Kementerian diletakkan terus di bawah Ketua Setiausaha (Perkara (5)(b)(iii)). Ini adalah bagi merealisasikan peranan para pegawai perhubungan awam sebagai penasihat kepada pengurusan tertinggi dalam pengurusan media dan perhubungan awam bukan setakat mengumpul media tertentu. Secara langsung tindakan ini dapat melancarkan proses penyampaian maklumat kepada umum.

### FUNGSI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Antara fungsi utama Unit Komunikasi Korporat ialah dalam memberikan perkhidmatan perhubungan awam serta keperluan hal ehwal korporat unit iaitu melalui:

- Mewujudkan khidmat pengurusan pentadbiran yang cekap bagi mendukung objektif, misi dan visi Unit Komunikasi Korporat.
- Menguruskan sumber-sumber komunikasi melalui pendekatan rujukan dan penerbitan yang efektif dan komprehensif.
- Menentukan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan MinDef sejajar dengan keperluan dan seiring dengan garis panduan pengurusan pelanggan oleh MAMPU.
- Memberikan maklum balas tentang status aduan yang diambil tindakan sama ada telah selesai atau memerlukan siasatan lanjut dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan.
- Menguruskan program promosi khususnya ke arah mencapai objektif Unit Komunikasi Korporat dan sekaligus membangunkan imej Kementerian Pertahanan.
- Merakam acara-acara / program rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan serta Angkatan Tentera Malaysia untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.
- Memberi perkhidmatan dalam memantau portal rasmi Kementerian Pertahanan serta menerbitkan program-program video berbentuk treler untuk tayangan berbentuk promosi di stesen-stesen TV.
- Membina kredibiliti dan meningkatkan imej MinDef dengan publisiti yang membina serta mengekalkan hubungan baik bersama pihak media.



## AKTIVITI UTAMA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2014, Unit Komunikasi Korporat memberi tumpuan aktiviti-aktiviti utama iaitu:

- i. Memperakukan penerimaan aduan dalam tempoh 1 hari bekerja dan memberikan maklum balas tentang status aduan yang diambil tindakan sama ada telah selesai atau memerlukan siasatan lanjut dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan. Sepanjang tahun 2014, Unit Komunikasi Korporat telah berjaya menyelesaikan aduan dalam tempoh 15 hari sebanyak 668 kes dan menjadikan peratus penyelesaian dalam tempoh 10 hari ialah 85.02%. Pecahan adalah berdasarkan jadual dibawah.

BIL	SUMBER ADUAN	TERIMA	PERATUS %
1.	Laman Web	436	65.2
2.	Hari Bertemu Pelanggan	-	-
3.	SMS	-	-
4.	Telefon	22	3.2
5.	Emel	149	22.3
6.	Surat	6	0.89
7.	Hadir Sendiri	-	-
8.	Borang Aduan	-	-
9.	Surat Khabar	14	2.09
10.	Biro Pengaduan Awam	39	5.8
11.	Lain-lain	2	0.29
	<b>JUMLAH</b>	<b>668</b>	<b>100</b>

Jadual 1: Peratusan penyelesaian Aduan MinDef sepanjang tahun 2014

- ii. Unit ini juga telah melaksanakan Program Hari Bertemu Pelanggan. Program turun padang ini bertujuan untuk meningkatkan usaha berinteraksi secara terus kepada pelanggan-pelanggan MinDef. Program ini merangkumi khidmat nasihat, penerangan berkaitan fungsi MinDef, menerima aduan dan permasalahan, cadangan serta pandangan daripada pelanggan MinDef. Semua maklumat yang disampaikan dan diterima ini adalah untuk kebaikan bagi meningkatkan tahap perkhidmatan MinDef kepada tahap yang terbaik. Hari Bertemu Pelanggan yang telah dirancang bagi tahun 2014 adalah sebanyak 4 program namun telah dilaksanakan sebanyak 8 program seperti berikut:
- iii. Penyediaan Pelan Media untuk semua aktiviti teras Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia seperti berikut:
  - Hari Angkatan Tentera Malaysia.
  - Hari Tentera Darat Malaysia.
  - Hari Tentera Laut Diraja Malaysia.
  - Hari Tentera Udara Diraja Malaysia.
  - Hari Pahlawan.
  - Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa (LIMA).
  - Pameran Defence Services Asia (DSA).
- iv. Mengukuhkan hubungan kerjasama dengan pihak media dengan mengadakan Lawatan Editor-Editor Kanan dan Hari Bersama Media.
- v. Karnival 1MinDef dan Hari Terbuka MinDef atau sebelum ini juga dikenali sebagai Ekspo Kerjaya, Pendidikan dan Inovasi Kementerian Pertahanan. Ianya merupakan aktiviti tahunan yang menyediakan pameran statik dan kaunter khidmat pelanggan sebagai salah satu promosi kepada orang ramai berkenaan fungsi dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan kepada negara. Selain itu, program lain yang turut dilaksanakan bersama ialah demonstrasi oleh ATM dan pemeriksaan kesihatan percuma kepada orang awam. Objektif ekspo ini diadakan adalah seperti berikut:
  - Memberi pendedahan dan menarik minat orang ramai khususnya belia untuk menyertai perkhidmatan ATM atau merebut peluang pendidikan di institusi yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan.
  - Memberi pendedahan berkenaan peranan ATM dalam aspek sumbangan terhadap pertahanan dan keselamatan negara.
  - Memupuk dan menyemai semangat serta cintakan negara dan kesedaran tentang tanggungjawab bersama mempertahankan negara.
  - Menyalurkan maklumat semasa kepada masyarakat terutamanya tentang fungsi dan peranan agensi-agensi yang terletak di bawah Kementerian Pertahanan.
  - Menjadi medium untuk masyarakat menyalurkan cadangan dan aduan menerusi kaunter khidmat pelanggan.

- vi. MinDef juga telah menerbitkan bahan-bahan penerbitan iaitu Buletin PATRIOT dan Laporan Tahunan MinDef bagi tahun 2013. Ini bagi memastikan penyaluran maklumat yang maksimum kepada pihak pentadbiran dan pengurusan Kementerian Pertahanan, lain-lain Kementerian, agensi awam dan Pusat Pengajian Tinggi Awam. Selain itu, Unit Komunikasi Korporat juga menyelaras dalam penerbitan sisipan-sisipan khas bagi aktiviti utama di MinDef.
- vii. Sepanjang tahun 2014, Unit Komunikasi Korporat telah menerbitkan video korporat MinDef, Sambutan-sambutan Hari Ulang Tahun perkhidmatan serta video sorotan bulanan yang ditayangkan kepada umum melalui TV Info MinDef.

## PENUTUP

Sepanjang tahun 2014, pencapaian demi pencapaian yang diperolehi menjadi satu lakaran sejarah kepada setiap perkhidmatan yang disumbangkan oleh Unit Komunikasi Korporat kepada Kementerian Pertahanan serta Angkatan Tentera Malaysia. Unit Komunikasi Korporat amat fokus serta sentiasa bersedia bertugas di luar waktu pejabat serta di luar pejabat. Semangat dan kerjasama serta kerjasama yang diamalkan selama ini akan menjadikan pendorong kepada pelaksanaan aktiviti-aktiviti Unit Komunikasi Korporat secara khususnya dan amnya kepada Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia.



KARNIVAL 1 MINDEF DI PLKN TLDM LUMUT



MINI KARNIVAL MINDEF DI SARAWAK







KARNIVAL 1 MINDEF DI PLKN TLDM LUMUT



LAWATAN KE BERNAMA



JELAJAH HARI BERTEMU PELANGGAN ZON UTARA



HARI MEDIA BERSAMA MINDEF DAN TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR KETUA SETIAUSAHA***

Urusetia Majlis Angkatan Tentera



## SEKRETARIAT MAJLIS ANGKATAN TENTERA KEMENTERIAN PERTAHANAN

### MAJLIS ANGKATAN TENTERA

1. Majlis Angkatan Tentera (MAT) telah ditubuhkan pada 26 Julai 1956, bersempena dengan usul Persidangan Perlembagaan di London pada Januari 1956. Tugas utama AFC pada masa itu adalah untuk mentadbir Angkatan Tentera Persekutuan Tanah Melayu, yang sebelum ini ditadbir oleh Kerajaan British di Kuala Lumpur.

2. Majlis ini ditubuhkan di bawah **Perkara 137 (1) Perlembagaan Persekutuan** yang menyatakan, "(1) Maka hendaklah ada suatu Majlis Angkatan Tentera yang hendaklah bertanggungjawab di bawah kuasa am Yang di-Pertuan Agong bagi pemerintahan, tata tertib dan pentadbiran angkatan tentera dan segala perkara lain yang berhubungan dengannya selain perkara yang berhubungan dengan penggunaan angkatan tentera bagi maksud operasi". MAT juga melaksanakan kuasanya yang diberikan di bawah **Akta Angkatan Tentera, 1972**.

### KEAHLIAN MAJLIS ANGKATAN TENTERA

#### 3. Ahli Tetap

- a. Menteri Pertahanan - Pengerusi.
- b. Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan - Setiausaha.
- c. Wakil Raja-Raja.
- d. Panglima Angkatan Tentera.
- e. Panglima Tentera Darat.
- f. Panglima Tentera Laut.
- g. Panglima Tentera Udara.
- h. Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (Pembangunan).
- i. Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia.
- j. Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Peribadi, HQ Angkatan Tentera.

#### 4. Ahli Turut Hadir

- a. Timbalan Menteri Pertahanan.
- b. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan).
- c. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).
- d. Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar).
- e. Ketua Peguambela Hakim (Penasihat Undang-undang).

#### 5. Urusetia Majlis Angkatan Tentera

- a. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Angkatan Tentera.
- b. Pegawai Staf Majlis Angkatan Tentera.





## 6. Pelantikan Ahli Majlis

Pada tahun 2014, terdapat 8 ahli yang baru dilantik iaitu:

- a. Dato 'Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi (Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan) sebagai Setiausaha MAT menggantikan Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Haji Ahmad berkuat kuasa mulai 14 Disember 2014 .
- b. Dato 'Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad (Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai Ahli MAT menggantikan Dato 'Dr Ismail bin Alias berkuat kuasa mulai 14 Januari 2014.
- c. Ketua Dato'Sri Hj Roslan bin Saad TUDM (Panglima Tentera Udara) sebagai Ahli MAT menggantikan Jeneral Tan Sri Dato 'Sri Rodzali bin Daud TUDM berkuat kuasa 12 September 2014.
- d. Dato 'Dr Rothiah binti Hj Omar (Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)) sebagai AFC Dalam Kehadiran Ahli menggantikan Dato' Mohamad Khalid bin Hj Mohd Shariff berkuat kuasa mulai 2 Januari 2014.
- e. Dato 'Mohammad Foad bin Haji Abdullah (Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)) sebagai AFC Dalam Kehadiran Ahli menggantikan Dato' Jalil bin Marzuki berkuat kuasa mulai 14 November 2014.
- f. Puan Suriani binti Ahmad (Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)) sebagai AFC Dalam Kehadiran Ahli menggantikan Datuk Zulkafli bin Abdul Karim berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2014.
- g. Mr. Amir bin Nasruddin (Hakim Peguambela Umum) sebagai AFC Dalam Kehadiran Ahli menggantikan Encik Mohd Zulbahrin bin Zainuddin berkuat kuasa mulai Januari 2014.
- h. Leftenan Kolonel Mohd Sobirin bin Hj Mohd Yusof sebagai Pegawai Staf Majlis Angkatan Tentera menggantikan Leftenan Kolonel Muhammad Huzaimi bin Hj Sabri berkuat kuasa mulai Januari 6, 2014.

## MESYUARAT MAJLIS ANGGARAN TENTERA

7. Pada tahun 2014, sejumlah 7 mesyuarat telah diadakan dengan sewajarnya seperti berikut:

BIL	SIRI MESYUARAT	TARIKH
1.	MAT 530	6 Januari 2014
2.	MAT 531	28 Januari 2014
3.	MAT 532	8 April 2014
4.	MAT 533	23 Mei 2014
5.	MAT 534	12 Julai 2014
6.	MAT 535	26 Ogos 2014
7.	MAT 536	20 Oktober 2014

8. Jumlah Kertas Kerja Lembaga, Kertas Kerja Ahli dan Memorandum. Jumlah Kertas Kerja Lembaga, Kertas Kerja Ahli dan Memorandum yang telah dibentangkan sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak 821 kertas cadangan. Butiran terperinci adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	<b>KERTAS KERJA LEMBAGA TERTINGGI, NO.1,2 DAN 3</b>	
	<b>ANGKATAN TETAP</b>	
	a. Persaraan	261
	b. Tamat Tauliah	35
	c. Kenaikan Pangkat	123
	d. Penganugerahan Tauliah Tetap/TJP	28
	e. Menyambung Tauliah TJP	32
	f. Pembatalan Tauliah/Membersarakan Pegawai	19
	g. Pelantikan Penasihat dan Penolong Penasihat Pertahanan	7

BIL	PERKARA	JUMLAH
	h. Menghadiri Kursus / Pengajian Tinggi di Luar Negara	47
	i. Pinjaman Pegawai	52
	j. Pertukaran Kor dan Cawangan	9
	k. Pelantikan dan Pembatalan Pegawai Kadet	23
	l. Latihan Pegawai Kadet di Luar Negara	5
	m. Cuti Tanpa Gaji	13
	n. Pertukaran Perkhidmatan	1
	o. Lampiran	2
	p. Gred Gaji (Peningkatan Gred)	7
	<b>ASKAR WATANIAH</b>	
	a. Kenaikan Pangkat	19
	b. Menyambung Tempoh Tauliah	46
	c. Penganugerahan Tauliah	15
	d. Penganugerahan Tauliah (Kehormat)	17
	e. Pembatalan Tauliah (Kehormat)	18
	f. Penyerapan	7

BIL	PERKARA	JUMLAH
2.	KERTAS KERJA AHLI	31
3.	LAPORAN	4
	<b>JUMLAH</b>	<b>821</b>

9. **Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT).** Sepanjang tahun 2014, sebanyak 2 PMAT telah dibentangkan dan diluluskan seperti berikut:

BIL	PMAT	PERKARA
1.	2/2013 (A)	Pindaan 1 kepada MAT No.2 tahun 2013 (A) - Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Kepada Anggota Angkatan Tentera Malaysia
2.	2/2013 (A)	Pindaan 3 Kepada MAT No. 6 tahun 2004 (C) - Terma Dan Syarat Cuti Perjalanan Dan Kemudahan Pada Perbelanjaan Kerajaan Bagi Angkatan Tentera Malaysia.





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR KETUA SETIAUSAHA***

Cawangan MinDef Sabah



## CAWANGAN MinDef SABAH

### KEMENTAH CAWANGAN SABAH

#### 1. Pengurusan sumber manusia

- 1.1 KEMENTAH Cawangan Sabah mempunyai 631 perjawatan kakitangan awam yang ditempatkan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- 1.2 Pada tahun 2014, KEMENTAH Sabah telah melaksanakan kursus kompetensi sebanyak 16 siri dengan melibatkan seramai 631 kakitangan awam di Sabah dan WP Labuan

#### 2. Pengurusan Kewangan, Aset dan Logistik

- 2.1 KEMENTAH Cawangan Sabah bertindak sebagai sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Bayaran Baucer kepada PTJ-PTJ Kementah yang memusatkan bayarannya di Sabah.
- 2.2 Pada Tahun 2014, PTJ Kementah Cawangan Sabah menerima peruntukan sebanyak RM2,839,400.00 dan perbelanjaan sebanyak RM2,588,119.13 (91.15%). Manakala peruntukan keseluruhan WPK yang diterima dari PTJ- PTJ lain sebanyak RM77,220,191.72 dan perbelanjaan sebanyak RM80,320,719.37 (104.05%) (Peruntukan bagi Gaji & Elaun tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sehingga hujung tahun 2013). Prestasi perbelanjaan adalah seperti Jadual 1.

#### 3. Terimaan Hasil dan Deposit Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP)

- 3.1 Terimaan Hasil dari jualan borang tender, jualan barang-barang pelupusan, bayaran sewa bangunan dan bayaran-bayaran balik adalah sebanyak RM 226,482.62
- 3.2 Baki WJP yang masih dalam pegangan PTJ Kementah Cawangan Sabah berjumlah RM110,125.91 (satu pendeposit)

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%
Tuntutan	613,500.00	555,965.87	90.62
Bil-bil Pejabat	32,800.00	25,563.39	77.94
Sewaan	1,604,920.00	1,514,933.75	94.39
Senggaraan	689,000.00	676,850.00	98.24
Rangsum ATM	11,559,498.00	11,559,374.54	100.00
Gaji/Elaun	10,379,767.67	10,425,727.75	100.44
Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Yg Dibeli	1,094,164.00	1,021,556.48	93.36
JLKN	33,701,671.05	33,701,671.05	100.00
Harta Modal	24,580.00	24,539.00	99.83
Utiliti	17,520,291.00	20,838,685.54	118.94
<b>JUMLAH</b>	<b>77,220,191.72</b>	<b>80,344,867.37</b>	<b>104.05</b>

Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan KEMENTAH Cawangan Sabah

#### 4. Pemeriksaan dan Pelupusan aset

4.1 Lembaga Pemeriksaan Pasukan (LPP) telah bersidang sebanyak 34 kali dengan nilai aset yang dilupuskan sebanyak RM1,804,351.18 manakala Lembaga Pemeriksaan Am telah bersidang sebanyak 6 kali dan aset dilupuskan bernilai RM3,741,514.05

#### 5. Pemantauan projek-projek pembangunan dan pengurusan tanah di Sabah

5.1 KEMENTAH Cawangan Sabah dipertanggungjawabkan memantau dan menyelaraskan pelaksanaan projek Kementerian di Sabah dan W.P Labuan serta isu-isu yang berkaitan tanah. KEMENTAH Cawangan Sabah akan membantu Bahagian Pembangunan KEMENTAH dalam menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan projek serta agensi-agensi negeri.

5.2 Projek terlibat ialah seperti berikut:-

- i. Projek Pembangunan KD SRI SANDAKAN Fasa III di Sandakan.
- ii. Projek Perumahan Tentera Darat di Sandakan.
- iii. Projek pembinaan Kem 7 RAMD di Kem Kubota, Tawau.
- iv. Projek Pemulihan dan Peningkatan Kem Tentera Darat di Kem Lok Kawi (ARMY CARE).
- v. Cadangan membina dan menyiapkan Projek Pusat Pemulihan dan Pemasarakatan di Kem Paradise, Kota Belud.
- vi. Projek Pemulihan dan Peningkatan Kem Tentera Darat di 22 RAMD, Kem Kinabatangan, Sandakan.
- vii. Cadangan Menaiktaraf dan Ubahsuai 50 unit teres satu tingkat untuk kakitangan KEMENTAH Sabah serta kerja-kerja lain yang berkaitan di Taman Pantai Lok Kawi, Papar, Sabah.

5.3 KEMENTAH Cawangan Sabah turut membantu memantau serta menguruskan isu-isu berkaitan tanah yang melibatkan Kementerian Pertahanan seperti Isu Pewartaan Zon Keselamatan Pangkalan TLDM, Teluk Sepanggar

#### 6. Pentadbiran dan Perhubungan Awam

6.1 Sebagai sebuah cawangan Kementerian Persekutuan di peringkat negeri, KEMENTAH Cawangan Sabah sering terlibat dengan pelbagai aktiviti anjuran Setiausaha Persekutuan Sabah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, Kerajaan Negeri, Markas serta Formasi ATM. Antara aktiviti / mesyuarat tersebut adalah seperti:-

- i. Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Negeri Sabah
- ii. Mesyuarat Penyelarasan Projek Pembangunan Negeri Sabah
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan Sabah

#### 7. Lain-lain aktiviti

- 7.1 Program 5'S – gotong royong bulanan
- 7.2 Sambutan Hari Raya Aidilfitri
- 7.3 Majlis APC dan Penganugerahan Pingat Jasamu Dikenang
- 7.4 Karnival Sukan Mindef 2014
- 7.5 Perhimpunan Penjawat Awam peringkat KEMENTAH Sabah
- 7.6 Ceramah Agama
- 7.7 Malam Media Mindef Sabah 2013
- 7.8 Program Bulanan-Senamrobik

## 8. Pencapaian

8.1 Penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2008 pada 15 Januari 2011

8.2 Persijilan 5'S kali ke-tiga (MAMPU).

8.3 Mendapat 4 Bintang dalam pengauditan pengurusan kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti-AIMS bagi tahun 2014.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



EKSA







LAWATAN DARI MINDEF SARAWAK



LAWATAN KSU KE KOTA BELUD DAN TELUK SEMANGGAR



SEMINAR





KARNIVAL SUKAN MINDEF 2014







**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR KETUA SETIAUSAHA***



Cawangan MinDef Sarawak



## CAWANGAN MinDef SARAWAK

### PENGENALAN

Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak telah ditubuhkan pada 16 Jun 1964 dan dikenali sebagai Jabatan Khidmat Negara. Pada tahun 1967, nama tersebut telah diubah kepada Pejabat Penolong Setiausaha Pertahanan Sarawak. Pada tahun 1982, nama pejabat ini telah ditukar lagi kepada Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak dan diketuai oleh seorang Ketua Penolong Setiausaha yang melapor terus kepada Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pentadbiran).

Pada tahun 1988, Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak diletakkan di bawah Setiausaha Bahagian, Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan setelah jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Pentadbiran dimansuhkan. Bermula tahun 1997, Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak ditempatkan di bawah tanggungjawab Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan). Akhir sekali, mulai tahun 1998, Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak telah ditempatkan di bawah Sektor Ketua Setiausaha sehingga hari ini.

### PERANAN DAN FUNGSI

Secara amnya, MinDef Sarawak memainkan peranan yang utama dalam menyokong fungsi Kementerian Pertahanan Malaysia secara keseluruhan di Sarawak di dalam tiga aspek yang berikut:

#### a. Pengurusan Sumber Manusia

Menguruskan perkhidmatan sebanyak 818 perjawatan kakitangan awam (HRMIS, latihan, persaraan, pertukaran, tatatertib dll.) di 21 pasukan di seluruh Sarawak.

#### b. Kewangan dan Bil

- i. Menguruskan emolumen, elaun dan tuntutan kakitangan MinDef Sarawak.
- ii. Menguruskan belanja mengurus MinDef Sarawak (latihan, mesyuarat, penyelenggaraan kuarters, bekalan, perolehan dll.).
- iii. Menyelesaikan bil yang dipertanggungjawabkan ke atas MinDef Sarawak (sewaan, utiliti, rangsum, perkhidmatan dll.) dari 21 pasukan dan 8 Kem JLKN.

#### c. Pentadbiran dan Pembangunan

- i. Menguruskan pejabat, stor, aset (kuarters, kenderaan, harta modal dll.) MinDef Sarawak dan pejabat Pegawai Tadbir Awam (PTA) di 21 pasukan.
- ii. Menguruskan hal ehwal sewaan dan perjanjian premis ATM (tanah, rumah, pejabat).
- iii. Menyokong Bahagian Pembangunan dalam urusan pemantauan projek di Sarawak.
- iv. Urus setia proses pelupusan aset/stok (awam dan tentera) di pasukan.



Selain daripada itu, sebagai salah sebuah agensi persekutuan di negeri Sarawak, MinDef Sarawak juga sering terlibat dalam pelbagai aktiviti di peringkat Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak, Markas serta formasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) seperti:

- i. Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan Negeri Sarawak
- ii. Mesyuarat Penyelaras Projek Pembangunan Negeri Sarawak
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan Sarawak
- iv. Lain-lain mesyuarat/aktiviti anjuran Pejabat Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak atau Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak.

## SOROTAN 2014 MINDEF SARAWAK



Lawatan Kerja Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, YB Datuk Rahim bin Hj Bakri ke Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Puncak Permai, Bau, Sarawak pada 14 Februari 2014



Festival Tari Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan Malaysia (KAKEP) Sarawak di Dewan Kelulut, KPAMS pada 14 Mac 2014.



"Program Jelajah Sehari Bersama Pelanggan Kementerian Pertahanan Malaysia di Sarawak" di Kem Penrissen dan Pangkalan Udara, Kuching pada 18 Mac 2014 dan Kem RASCOM di Sibul pada 20 Mac 2014.







Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2013 dan Jasamu Dikenang yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, YBhg Dato' Sri Dr. Ismail bin Hj Ahmad di Dewan Kelulut pada 13 Jun 2014.



Kunjungan Hormat Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, YBhg Dato' Sri Dr. Ismail bin Hj Ahmad kepada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem bertempat di Wisma Bapa Malaysia, Kuching pada 24 Julai 2014.



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pertahanan Malaysia Cawangan Sarawak di Bilik Mesyuarat Mawar, Pejabat MinDef Sarawak pada 22 Ogos 2014.



Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia, YBhg Dato' Sri Dr. Ismail bin Hj Ahmad ke Projek 'Army Care' di Kem Sri Miri (20 RAMD) 17 September 2014.





Acara Derma Darah sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang Ke-88 di Dewan Bukavu, Kem Penrissen pada 24 September 2014.



Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Rahim bin Bakri merasmikan Karnival Sukan PLKN Zon J di Kem Puncak Permai, Bau, Sarawak pada 1 November 2014.



Majlis Penganugerahan Pingat Panglima Negara Bintang Sarawak (P.N.B.S) yang membawa gelaran Dato' Sri oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud kepada Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussien di Astana Negeri, Kuching pada 10 November 2014.



## PENGIKTIRAFAN

MinDef Sarawak pada tahun 2014 telah mendapat beberapa pengiktirafan daripada kementerian dan agensi luar di atas beberapa pencapaian dalam aspek kualiti, inovasi dan kecemerlangan dalam perkhidmatan serta pengurusan. Dan pada tahun ini, MinDef Sarawak telah sekali lagi dianugerahkan penarafan 4 bintang oleh kementerian dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AIMS) selepas merangkul anugerah yang sama pada tahun sebelumnya.



## PENUTUP

MinDef Sarawak secara kesuruhan telah mempamerkan prestasi yang konsisten dan memberangsangkan bagi tahun 2014 sama ada dari segi pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan mahupun pentadbiran. Ini semua adalah hasil komitmen dan dedikasi keseluruhan kakitangan MinDef Sarawak yang sentiasa berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan terbaik dalam menyokong Dasar Pertahanan Negara. MinDef Sarawak akan terus komited melalui transformasi dan inovasi untuk memartabatkan aspirasi keselamatan dan kedaulatan negara di bawah gagasan 1Malaysia dan 1ATM.





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR PEMBANGUNAN***

Bahagian Pembangunan



## BAHAGIAN PEMBANGUNAN

### PENDAHULUAN


Bahagian Pembangunan yang dahulunya dikenali sebagai Cawangan Pembangunan telah ditubuhkan di Kementerian Pertahanan pada 1 Mac 1978 dan diletakkan di bawah Bahagian Kewangan.

Selaras dengan perkembangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Cawangan Pembangunan Kementerian telah ditingkatkan tarafnya kepada Bahagian Pembangunan.

### OBJEKTIF

- Objektif umum Bahagian Pembangunan ialah untuk merancang, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Awam.

**PERUNTUKAN KESELURUHAN**  
= RM 3,152,732,210.00



Carta 1  
Agihan Peruntukan Belanja Pembangunan (DE) Bagi  
Infra dan Kelengkapan Tahun 2014

### FUNGSI

- Fungsi Bahagian Pembangunan adalah seperti berikut:
  - Menyediakan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Kementerian Pertahanan dan Agensi-agensinya;
  - Menyediakan Anggaran Belanjawan Pembangunan;
  - Mengurus, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek yang diluluskan supaya selaras dengan skop serta mengikut jadual.

### BELANJA PEMBANGUNAN (DE)

Peruntukan Belanja Pembangunan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2014 adalah sebanyak **RM3,152,732,210.00**. Dari segi prestasi perbelanjaan, Kementerian telah membelanjakan sebanyak **RM3,152,726,081.99** iaitu, **100%**.

Agihan Peruntukan Belanja Pembangunan bagi Infra dan Kelengkapan tahun 2014 adalah seperti di Carta 1 di atas.

### PRESTASI BELANJA PEMBANGUNAN (DE) - (INFRA DAN KELENGKAPAN)

Jumlah peruntukan Belanja Pembangunan (DE) bagi tahun 2014 ialah sebanyak **RM3,152,732,210.00** dan daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM3,152,726,081.99** telah dibelanjakan dengan pencapaian **100%**. Butir perbelanjaan bagi projek infra dan kelengkapan masing-masing adalah **RM166,128,651.08 (100%)** dan **RM2,986,597,430.91 (100%)**.

Bagi Projek Perumahan, terdapat peruntukan yang dibiayai menggunakan peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi penutupan akaun Projek Perumahan ATM di Lembah Kelang yang meliputi 3 pakej. Ketiga-tiga pakej ini telah dimuktamadkan pada bulan Disember 2014 dengan peruntukan sebanyak **RM15,293,584.48** dan telah dibelanjakan sepenuhnya pada tahun 2014.

Jumlah keseluruhan peruntukan dibawah RM Ke-10 sehingga tahun 2014, adalah sebanyak **RM12,495,099,150.00** dan sehingga **31 Disember 2014**, Kementerian Pertahanan telah membelanjakan **RM12,480,285,624.47** atau **99.88%** dari peruntukan yang disediakan.

## PROJEK JIWA MURNI

Kementerian Pertahanan terlibat secara aktif dalam pembangunan infrastruktur dan sosio ekonomi tempatan melalui inisiatif di bawah Projek Jiwa Murni yang dilaksanakan oleh Rejimen Askar Jurutera DiRaja dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Inisiatif pelaksanaan Projek Jiwa Murni telah bermula pada tahun 2011 dengan pelaksanaan projek di luar bandar seperti menaik taraf jalan dan jambatan dari Long Lopeng ke Ba'kelalan di Sarawak. Projek ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh 2 tahun sebagaimana dijadualkan. Bagi tahun 2014, satu (1) Projek Pembinaan Jambatan di Terengganu, satu (1) Projek Pembinaan Jalan di Negeri Sarawak dan satu (1) Projek Pembinaan Tiga (3) Buah Jambatan di Sarawak telah berjaya dilaksanakan. Projek Jiwa Murni yang siap pada tahun 2014 adalah seperti Jadual 1.

### SENARAI PROJEK JIWA MURNI YANG SIAP PADA TAHUN 2014

BIL	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM)	STATUS PROJEK
1.	Pembinaan Jambatan Kampung Pasir Raja, Dungun, Terengganu	1,440,000.00	Tarikh Mula: 21 Mac 2014 Tarikh Siap: 28 Feb 2014
2.	Membina 3 Buah Jambatan di Bario, Sarawak	3,000,000.00	Tarikh Mula: 13 Feb 2014 Tarikh Siap: 13 Ogos 2014
3.	Kerja-Kerja Pembaikan Cerun di Jalan Long Lopeng-Ba'kelalan, Sarawak	9,510,000.00	Tarikh Mula: 8 Mei 2014 Tarikh Siap: 16 Dis 2014

Jadual 1  
 Projek Jiwa Murni yang siap pada tahun 2014

## IMPAK PROJEK JIWA MURNI

- ▶ Projek Jiwa Murni telah memberi impak yang besar kepada masyarakat tempatan terutama dari segi sosio ekonomi, sistem perhubungan dan antaranya adalah seperti berikut:
  - Penjimatan dari segi kos pembinaan berbanding dengan kaedah konvensional yang melibatkan kos yang tinggi;
  - Melalui pelaksanaan Projek Jiwa Murni, perhubungan di kawasan pedalaman dapat dihubungkan dengan kawasan bandar dan ini memudahkan akses kepada bantuan perubatan serta menjana ekonomi bagi pengeluaran hasil pertanian dan hutan. Pendapatan penduduk tempatan dapat ditingkatkan kerana hasil pertanian dapat dipasarkan dengan mudah ke kawasan bandar. Ini membolehkan golongan muda tidak perlu berhijrah ke kawasan bandar kerana peluang pekerjaan boleh diwujudkan di kawasan pedalaman;
  - Penduduk di kawasan pedalaman akan menikmati kos sara hidup yang lebih rendah berbanding sebelum pelaksanaan projek kerana pengangkutan melalui jalan darat telah dapat digunakan berbanding laluan sungai dan pengangkutan udara;
  - Merapatkan hubungan di antara rakyat dan juga tentera dan bukti keperihatinan kerajaan terhadap kehidupan masyarakat di luar bandar.

## PEMBINAAN JAMBATAN KAMPUNG PASIR RAJA, DUNGUN, TERENGGANU (GAMBAR 1 – 4)



GAMBAR 1



GAMBAR 2



GAMBAR 3



GAMBAR 4



### MEMBINA 3 BUAH JAMBATAN DI BARIO, SARAWAK (GAMBAR 5 – 8)



GAMBAR 5



GAMBAR 6



GAMBAR 7



GAMBAR 8





## KERJA-KERJA PEMBAIKAN CERUN DI JALAN LONG LOPENG – BA'KELALAN, SARAWAK (GAMBAR 9-12)



GAMBAR 9



GAMBAR 10



GAMBAR 11



GAMBAR 12





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR PEMBANGUNAN***

Bahagian Perolehan



## BAHAGIAN PEROLEHAN

### PENGENALAN

Bahagian Perolehan telah ditubuhkan pada tahun 1966 dengan nama asalnya sebagai Bahagian Bekalan dan Kewangan. Nama bahagian ini telah ditukarkan kepada 'Bahagian Perolehan' bagi disesuaikan dengan peranan yang telah dilaksanakan.


Peranan utama Bahagian Perolehan adalah menyelaras dan menguruskan perolehan secara sebut harga, tender dan rundingan terus bagi peralatan, kelengkapan dan perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan berlandaskan peraturan perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. Bahagian Perolehan juga perlu memastikan setiap perolehan dibuat dengan baik serta mendapat keperluan dengan konsep *Best Value for Money*.

Dengan kekuatan seramai 156 orang pegawai dan staf, Bahagian Perolehan diketuai oleh Setiausaha Bahagian, gred JUSA C. Fungsi-fungsi unit di Bahagian Perolehan adalah seperti berikut:

<b>Unit Perolehan 1</b>	Melaksanakan perolehan senjata, peluru, kenderaan, stor teknikal dan peralatan-peralatan darat
<b>Unit Perolehan 2</b>	Melaksanakan perolehan kapal, alat ganti dan penyelenggaraan kapal serta peralatan berkaitan dengan laut
<b>Unit Perolehan 3</b>	Melaksanakan perolehan kapal terbang, alat ganti dan penyelenggaraan kapal terbang serta peralatan berkaitan dengan udara
<b>Unit Perolehan 4</b>	Melaksanakan perolehan rangsum pukal, ubat-ubatan, peralatan perubatan, pakaian dan aksesori
<b>Unit Perolehan 5</b>	Melaksanakan perolehan berkaitan peralatan komunikasi, ICT, sistem komputer, peralatan pejabat, mesin woksyp, barangan besi/bukan besi, bahan percetakan, perabot dan peralatan berek
<b>Unit Perolehan 6</b>	Menguruskan perolehan berkaitan kenderaan pengangkutan, perkhidmatan dobi dan jahitan, perkhidmatan kantin ATM, perkhidmatan pengurusan pembuangan sisa klinikal dan kimia untuk ATM, dan perkhidmatan sektor awam
<b>Unit Perolehan 7</b>	Menjadi Urusetia bagi Lembaga Tender A dan B, Urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga, menguruskan pendaftaran syarikat, proses pengiklanan, dokumen ISO, dan Urusetia pelaksanaan e-Perolehan dan <i>e-Bidding</i>
<b>Unit Perolehan 8</b>	Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan pengurusan kewangan Bahagian Perolehan
<b>Cawangan Teknik dan Pemeriksaan (CT&amp;P)</b>	Melaksanakan pemeriksaan teknikal dan kualiti barang yang telah dibuat perolehan

## PENCAPAIAN TAHUN 2014

Bilangan perolehan tahun 2014 yang telah diproses pada 1 Januari hingga 31 Disember adalah sebanyak 529 mengikut pecahan seperti Rajah 1.



Rajah 1  
 Bilangan perolehan yang telah diproses pada tahun 2014

Bagi tempoh Januari hingga 31 Disember 2014, sebanyak 55 siri Mesyuarat Lembaga Perolehan dan Sebut Harga telah diadakan. Bilangan mesyuarat mengikut pecahan bulan adalah seperti berikut:

- |                               |                                |
|-------------------------------|--------------------------------|
| • Januari : 3 kali mesyuarat  | • Julai : 6 kali mesyuarat     |
| • Februari : 3 kali mesyuarat | • Ogos : 5 kali mesyuarat      |
| • Mac : 4 kali mesyuarat      | • September : 6 kali mesyuarat |
| • April : 4 kali mesyuarat    | • Oktober : 7 kali mesyuarat   |
| • Mei : 3 kali mesyuarat      | • November : 5 kali mesyuarat  |
| • Jun : 5 kali mesyuarat      | • Disember : 4 kali mesyuarat  |

Kutipan Denda Pecah Kontrak sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

Denda Pecah Kontrak (RM)	Pelarasan / Kutipan (RM)	Baki Akaun Belum Terima (RM)
18,844,840.68	15,636,821.09	3,208,019.59

Mesyuarat-mesyuarat pemantauan perolehan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN (PEROLEHAN)	TARIKH
1	Bil.2/2014	27/2/2014
2	Bil.4/2014	22/5/2014
3	Bil.6/2014	17/6/2014
4	Bil.8/2014	12/8/2014
5	Bil.10/2014	13/10/2014

Kursus-kursus yang telah diadakan oleh Bahagian Perolehan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA KURSUS & TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PESERTA & GRED
1	Kursus Rundingan Berkesan	19-21 Jun 2014	40 orang (JUSA, P&P dan Kumpulan Sokongan 1)
2	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod	6-8 Mei 2014	30 orang (Kumpulan Sokongan)
3	Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan	18-20 November 2014	40 orang (Kumpulan Sokongan)
4	Taklimat Arahan Keselamatan Penggunaan ICT dan Dokumen Terperingkat	2 Disember 2014	40 orang (JUSA, P&P dan Kumpulan Sokongan 1)



Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan 1



Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan



Kursus Rundingan Berkesan



Kursus Rundingan Berkesan 1



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR PEMBANGUNAN***

Penguasa Katalog ATM





## PENGUASA KATALOG ATM

### SEJARAH PENUBUHAN MAFCA

Penguasa Katalog ATM (*Malaysian Armed Forces Cataloguing Authority* - MAFCA) telah ditubuhkan pada 7 April 1981 berdasarkan:

- Arahan Jawatankuasa Ketua Turus Angkatan Tentera (JK TAT) 147 Bertarikh 20 Oktober 1977.
- Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT 1982).

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Febuari 1983 telah meluluskan ATM untuk menyertai *NATO Codification System* (NCS). MAFCA telah dilantik sebagai Biro Kodifikasi National (NCB) untuk mewakili negara dalam pertukaran data katalog dan maklumat kodifikasi dengan negara-negara luar.

### PERANAN & FUNGSI

- Menyelaras dan mengamalkan Sistem kodifikasi
- Mewujud dan menjaga fail induk data kodifikasi
- Mengkoordinasikan pertukaran data-data katalog dengan NATO dan negara – negara luar
- Mengawal dan memberi kod pengilang dan pembekal tempatan
- Penganjurkan kursus-kursus katalog

### BAHAGIAN RANCANG, PROJEK DAN LATIHAN

#### KURSUS - KURSUS KATALOG DI DALAM NEGARA

MAFCA berperanan sebagai pusat maklumat dalam membantu sistem logistik melalui bahasa perbekalan bersama untuk menghasilkan sistem pengurusan logistik yang efisien kepada ATM serta agensi lain yang melaksanakan perkhidmatan kodifikasi melalui kursus - kursus katalog yang dianjurkan.

BIL	KURSUS	TARIKH	TEMPAT	PESERTA
1.	Pengenalan Sistem Katalog (LLP) Siri 26/2014	03.11.14 - 07.11.14	Kuala Lumpur	25
2.	Pengenalan Sistem Katalog (PEG) Siri 24/2014	10.11.14 - 14.11.14	Kuala Lumpur	25

Kursus – Kursus Katalog di Dalam Negara



Pengenalan Sistem Katalog (LLP) Siri 26/2014



Pengenalan Sistem Katalog (PEG) Siri 24/2014

## KURSUS, SEMINAR DAN MESYUARAT KATALOG

Sebagai negara berstatus Tier 2, MAFCFA bertindak sebagai National Codification Bureau (NCB) bagi negara Malaysia dalam proses pertukaran data maklumat dengan negara-negara yang menggunakan National Codification System (NCS) dan berpeluang menghadiri kursus, seminar dan mesyuarat di peringkat antarabangsa selaras kemajuan teknologi di dalam kodifikasi.

BIL	KURSUS / SEMINAR / MESYUARAT	TARIKH	TEMPAT	KEHADIRAN
1.	Mesyuarat Kumpulan Utama ke 105	17.05.14 - 29.05.14	Luxembourg	1
2.	Kursus Kodifikasi untuk NSC	29.08.14 - 19.09.14	Rep. Czech	1
3.	Mesyuarat AC 135 Panel A ke 124	27.09.14 - 03.10.14	Luxembourg	1
4.	Latihan Pelanggan Tahunan (IHS)	20.10.14 - 26.10.14	U.S.A	2

Kursus, Seminar dan Mesyuarat di Peringkat Antarabangsa



Mesyuarat Kumpulan Utama ke 105



Mesyuarat AC 135 Panel A ke 124



Kursus Kodifikasi untuk NSC



Latihan Pelanggan Tahunan (IHS)



## BAHAGIAN PERKHIDMATAN



Majlis Pemakaian Tanda Nama Baru MAFCA telah disempurnakan oleh Pengarah MAFCA pada 22 Ogos 2014



Pada 20 Oktober 2014, MAFCA telah menerima Kujungan Lawatan Kerja Rasmi dari TKSU(Pembangunan) YBhg. Dato' Rothiah bte Hj Omar. Lawatan tersebut telah disaksikan oleh Pengarah dan Staf MAFCA.



Audit EKSA Siri 02/2014 oleh Kementerian Pertahanan telah dilaksanakan di MAFCA untuk memperbaharui persijilan EKSA.





Pada 15 Mei 2014 MAFCA telah melaksanakan Latihan menembak pistol di Pangkalan Udara Sungai Besi yang melibatkan seramai 9 pegawai dan 40 LLP.



Majlis penyampaian sijil Kursus Sistem N-CORE telah dilaksanakan pada 15 Disember 2014 oleh YBhg Pengarah MAFCA.



Upacara Serah Terima Tugas Pengarah MAFCA pada 06 Januari 2015 diantara Lt Kol Jemaat bin Atan TUDM dan Lt Kol Abd Wahab bin Enok TUDM. Lt Kol Jemaat bin Atan TUDM telah memegang jawatan Pengarah MAFCA Selama 1 tahun 5 bulan.





## PROGRAM EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAFCA sekali lagi telah berjaya dianugerahkan persijilan EKSA pada tahun 2014 , MAFCA telah meneruskan program EKSA bagi memastikan pencapaian Program EKSA dapat dikekalkan. Kejayaan MAFCA dalam memperolehi sijil EKSA anjuran kementerian Pertahanan adalah merupakan kerjasama dan dorongan dari semua warga MAFCA.






## KOD PROJEK

Merupakan kod panduan untuk setiap alatan induk, bagi satu alatan induk diberi satu Kod Projek, yang perlu dibuat apabila proses kodifikasi dijalankan. Berakhir Disember 2014, sebanyak 398 Kod Projek telah dikeluarkan mengikut perkhidmatan seperti berikut:

Tentera Darat	: 260
Tentera Laut	: 82
Tentera Udara	: 46
Data Dictionary Sektor Awam (DDSA)	: 10

## KURSUS LANJUTAN N-CORE NG OLEH MR HERBERT

Pada 1 hingga 5 Dis 2014, MAFCA telah menerima kunjungan dari Mr Herbert. Kelas tersebut telah dihadiri seramai 3 pegawai, 3 LLP dan 2 Awam. Tujuan Kursus ini dilaksanakan adalah untuk mengemaskini data yang terdapat didalam TIR dan menaiktaraf versi terbaru kepada 1.2.1.



### Sistem eSKN v2 dan NCORE


eSKNv2 dan NCORE adalah satu sistem kodifikasi yang berlandaskan kepada Sistem Kodifikasi NATO yang diubahsuai untuk memenuhi aspirasi dan keperluan Kementerian Pertahanan serta Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Sistem eSKNv2 dan NORE membolehkan satu proses kodifikasi yang sistematik dilaksanakan dan mewujudkan satu pangkalan data bagi penyimpanan data-data catalog yang mengandungi maklumat lengkap barang-barang inventori Angkatan Tentera Malaysia.

Data-data tersebut diasingkan mengikut kumpulan dan kelas inventori serta diakaitkan dengan pengguna, pengilang dan pembekal sehingga ke aspek pengurusan katalog inventori yang berkenaan. Sistem NCORE yang digunakan oleh MAFCA adalah versi 1.2.1 yang baru dinaiktaraf. Diantara ciri-ciri terbaru sistem tersebut dapat melihat paparan profil pengguna dan tugas semasa pada paparan antaramuka over-view, juga dapat membandingkan sesuatu nombor stok NATO (NSN), menghantar maklumat NSN untuk dianalisa serta dapat membuat carian ringkas transaksi kodifikasi.

## BAHAGIAN PENGENALAN BARANG

### Pencapaian Kodifikasi MAFCA Tahun 2014

Sepanjang tahun 2014, MAFCA telah melaksanakan proses kodifikasi pelbagai alatan bagi Perkhidmatan ATM sebanyak 41,169 baris alatan. Graf pencapaian adalah seperti dibawah:



GRAF PENCAPAIAN KODIFIKASI JAN HINGGA DIS 2014

## PROSEDUR PENDAFTARAN PERMOHONAN DAN KEMASKINI BAGI KOD NCAGE

### LATARBELAKANG

Mesuarat Jemaah Menteri telah meluluskan supaya ATM menyertai Sistem Kodifikasi NATO pada 23 Feb 1983. Negara Malaysia melalui MAFCA kini telah berjaya menaiktaraf status NCB Malaysia dari Tier 1 kepada Tier 2 pada bulan Disember 2010. Secara rasminya keupayaan MAFCA kini terbukti dapat memenuhi kehendak dan keperluan AC/135 dan negara-negara NATO kepada pengilang, pembekal, pertubuhan tempatan serta organisasi yang lain khususnya dalam pemberian Kod NCAGE bagi memudahkan rantaian bekalan.

- Proses pendaftaran bermula dengan 2 elemen penting:
  - a) Lokasi fizikal perniagaan / organisasi.
  - b) Dengan siapa perniagaan / organisasi ingin melakukan perniagaan.
- Bagaimana cara untuk mendapatkan Kod NCAGE ?
  - 1) Permohonan boleh dibuat melalui laman web NATO NCAGE Tool : <https://eportal.nspa.nato.int/AC135Public/scage/CageList.aspx>

atau

- 2) Datang sendiri Ke MAFCA di alamat :

Penguasa Katalog ATM (MAFCA)  
 Kementerian Pertahanan 2  
 Blok B, Ground Floor Bangunan ZETRO  
 Jalan 9/27C Seksyen 5 Wangsa Maju  
 53300 Kuala Lumpur  
 Tel : 03 – 40274440  
 Faks : 03 – 40274374  
 Emel : azura.atan@mod.gov.my atau mafca.dir@mod.gov.my





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR DASAR***

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik



## BAHAGIAN DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

### PENGENALAN

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) merupakan salah satu Bahagian yang penting di Kementerian Pertahanan. Bahagian ini terdiri dari dua komponen iaitu Dasar dan Hubungan Antarabangsa serta Perancangan Strategik. Tanggungjawab utama BDPS ialah menguruskan hal ehwal antarabangsa seperti kerjasama pertahanan pelbagai hala, dua hala, mengendalikan isu-isu keselamatan, organisasi antarabangsa/tempatan serta peneraju Dasar Pertahanan Negara (DPN). Tanggungjawab ini terletak di bawah Cawangan Dasar dan Hubungan Antarabangsa. Di samping itu, Bahagian ini juga mengendalikan program-program peningkatan kualiti, inovasi, Strategi Lautan Biru Nasional, urusan Parlimen dan mengurussetiakan mesyuarat-mesyuarat pengurusan tertinggi Kementerian dan menguruskan semua kertas kabinet bagi Kementerian Pertahanan. Tanggungjawab ini terletak di bawah Cawangan Perancangan Strategik. Sepanjang 2014, BDPS telah melaksanakan dan terlibat dalam pelbagai mesyuarat antarabangsa, forum, ekksesais dan aktiviti termasuk beberapa kejayaan penting kementerian.

### Aktiviti/Program 2014

#### Hubungan Antarabangsa

Malaysia yang merupakan anggota pengasas ASEAN telah memainkan peranan penting dalam usaha bagi menjamin keamanan dan kemajuan serantau. Melalui kerjasama serta interaksi dengan negara-negara ASEAN yang lain, rasa tanggungjawab untuk menjaga kepentingan serantau dapat dipupuk secara bersama. Malaysia turut menyedari kepentingan untuk menjalinkan hubungan pertahanan dengan negara-negara di rantau Asia Timur, Australasia, Asia Selatan, Eropah dan Amerika demi peningkatan keupayaan ATM, kesediaan pertahanan bersama dan keamanan serta keselamatan sejagat.

Malaysia menyedari bahawa diplomasi pertahanan merupakan usaha yang penting untuk menghalang konflik dari tercetus, meningkat atau merebak yang mana akan menjejaskan keamanan dan kestabilan. Justeru itu usaha bagi mengeratkan lagi hubungan pertahanan dan mewujudkan rangkaian kerjasama dengan negara-negara jiran yang terdekat serta negara-negara rantau Asia Pasifik dan negara-negara lain adalah penting.

#### Sidang kelapan ASEAN Defence Ministers' Meeting (8<sup>th</sup> ADMM)

Mesyuarat ke-8 ADMM telah diadakan pada 20 Mei 2014 di Nay Pyi Taw, Myanmar. Delegasi Malaysia diketuai oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Beliau turut diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Angkatan Tentera. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Liutenant General Wai Lwin, Menteri Pertahanan Myanmar.

Sidang ke-9 ADMM turut dihadiri oleh semua Menteri Pertahanan dari kalangan negara-negara ahli ASEAN. Semasa mesyuarat tersebut, sebanyak tiga kertas konsep berhubung inisiatif baru ADMM dan ADMM-Plus telah diluluskan iaitu ADMM Three-Year Work Programme 2014-2016, Establishing a Direct Communications Link in the ASEAN Defence Ministers' Meeting Process dan Additional Protocol to the Concept Papers for the Establishment of an ASEAN Defence Ministers' Meeting and the ASEAN Defence Ministers' Meeting Plus.




## Sidang Kelapan Five Power Defence Arrangements [FPDA] Defence Ministers' Meeting (8th<sup>th</sup> FDMM)

Mesyuarat kelapan Five Power Defence Arrangements (FPDA) Defence Ministers' Meeting (8th FDMM) telah diadakan di Johor Bahru, Johor Darul Takzim pada 1 Jun 2014. Delegasi Malaysia telah diketuai oleh oleh YB Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Delegasi Malaysia turut disertai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera serta pegawai-pegawai kanan kementerian dan Angkatan Tentera. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y.B. Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein dan dihadiri oleh Menteri-Menteri Pertahanan serta Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Negara-negara FPDA iaitu Singapura, Australia, New Zealand dan United Kingdom. Headquarters Integrated Area Defence System (HQIADS) yang berpejabat di Butterworth selaku pelaksana aktiviti-aktiviti FPDA turut hadir.

Mesyuarat tersebut diadakan setiap tiga tahun dan dipengerusikan secara bergilir di antara Malaysia dan Singapura.

## Mesyuarat/Forum/Lawatan Kerja Pertahanan Dua Hala Tahun 2014



## Isu Isu Perbincangan Dua Hala Tahun 2014

PERINCIAN	FAEDAH KEPADA NEGARA
<b>Fokus: Kepentingan Negara</b>	
Kawasan Utama (wilayah daratan, perairan wilayah dan ruang angkasa)	Kedaulatan dan keutuhan wilayah Negara dapat dipertahankan dari pencerobohan dan ancaman luar
Kawasan Ekonomi Luar Pesisir	Perlindungan kepada sumber perikanan, minyak mentah dan gas asli
Laluan strategik perairan dan ruang udara	Menjamin rangkaian perhubungan dan keutuhan wilayah
<b>Fokus: Perspektif strategik serantau</b>	
Peranan kuasa besar	Menjamin kestabilan dan keamanan di rantau Asia Pasifik
Konflik serantau	Meningkatkan imej Negara dalam menyokong usaha – usaha perdamaian
<b>Fokus: Isu isu keselamatan bukan tradisional</b>	
Anti - keganasan	Mencegah ancaman-ancaman bukan ketenteraan atau ancaman asimetrik
Anti - pelanunan	Menyumbang kepada keselamatan perairan
Keselamatan dalam negeri	Membantu keamanan dalam Negara
<b>Fokus: Peningkatan Keupayaan ATM</b>	
Latihan dan Ekseis	Meningkatkan tahap profesionalisme ATM
Perolehan aset pertahanan	Menjamin keupayaan dan kesiagaan ATM
Industri pertahanan	Menyokong keupayaan dan kesiagaan ATM serta menyumbang ke arah ekonomi negara

## ADMM PLUS EXPERT WORKING GROUP ON HADR

Penglibatan Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) dalam ADMM PLUS EWG on HADR dan latihan-latihan HADR yang berkaitan menunjukkan komitmen Kementerian Pertahanan dalam usaha meningkatkan persefahaman dan kerjasama di antara Angkatan Tentera di rantau ini.

Pada tahun 2014, mesyuarat ADMM PLUS EWG on HADR telah diterajui oleh Laos dan Jepun sebagai Pengerusi Bersama untuk tempoh 2014-2017. Rangka kerja kepimpinan bagi tempoh ini akan memberi tumpuan terhadap pengalaman daripada bencana Taufan Haiyan yang melanda Negara Filipina pada tahun 2013. Sesi seminar telah diadakan sebagai perkongsian maklumat dan pengalaman daripada tindakan pemulihan dan bantuan kemanusiaan yang dihulurkan oleh Negara-negara ADMM Plus. Hasil daripada perkongsian maklumat tersebut, EWG ini akan membuat cadangan penambahbaikan terhadap isu berikut:

- a. Masalah perundangan terhadap kehadiran tentera asing dan peralatan ketenteraan.
- b. Membangunkan tatacara operasi bagi HADR untuk penggunaan ADMM Plus atau SOP ADMM PLUS on HADR.
- c. Mewujudkan satu panduan “best practices” terutama ketika fasa “withdrawal” setelah tamat misi bantuan kemanusiaan.
- d. Membangunkan satu “ADMM Plus HADR portal website” bagi tujuan storan dan perkongsian maklumat mengenai operasi HADR.

## Rejim Persenjataan

Unit Rejim Persenjataan (Non-Proliferation and Disarmament) bertanggungjawab dalam isu-isu berkaitan konvensyen dan perjanjian persenjataan global serta aturgerak Operasi Pengaman PBB seperti berikut:

- a. Anti Personnel Land Mines Convention (APLM).
- b. Chemical Weapons Convention (CWC).
- c. Biological & Toxin Weapons Convention (BWC).
- d. Convention Cluster Munitions (CCM).
- e. Convention on Certain Conventional Weapons (CCW).
- f. Small Arms and Light Weapons (SALW).
- g. Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons (NPT).
- h. Comprehensive Test Ban Treaty (CTBT).
- i. Arms Trade Treaty (ATT).
- j. Treaty on the South East Asia Nuclear Weapons Free Zone (Bangkok Treaty).

Malaysia hanya menjadi Negara Ahli dan meratifikasi konvensyen dan perjanjian berikut:

- a. Anti Personnel Land Mines Convention (APLM).
- b. Chemical Weapons Convention (CWC).
- c. Biological & Toxic Weapons Convention (BWC).
- d. Small Arms and Light Weapons (SALW).
- e. Treaty on the Non-Proliferation of Nuclear Weapons (NPT).
- f. Comprehensive Test Ban Treaty (CTBT).
- g. Arms Trade Treaty (ATT) (Dalam proses meratifikasi).



Arms Trade Treaty (ATT) merupakan perjanjian terakhir yang ditandatangani pada 26 September 2013 oleh Menteri Luar Negeri di Markas PBB New York. Kementerian Luar Negeri kini masih memperhalusi perjanjian tersebut untuk diratifikasi oleh Malaysia dengan pengubalan Rang Undang-Undang dan peraturan berkaitan ATT.

Dalam membantu usaha PBB dan masyarakat antarabangsa mengekalkan keselamatan dan keamanan global, Malaysia telah melibatkan diri dalam pelbagai misi pengaman di bawah panji-panji PBB melibatkan pelbagai penugasan sejak tahun 1960. Penglibatan ATM dalam Operasi Pengaman PBB merangkumi sebagai Pemerintah Angkatan, Pemerhati Tentera, Kumpulan Batalion, Staf di Markas PBB dan Pakar Teknikal. Pada masa ini, ATM masih terlibat dalam 7 misi pengaman dan pemerhati misi PBB dan Bukan PBB. Penglibatan ini selaras dengan Dasar Luar Negara dan Dasar Pertahanan Negara. Ianya melibatkan hampir 1000 orang anggota di serata dunia.

Pada tahun 2014, Kementerian Pertahanan telah menghantar wakil dalam bengkel dan mesyuarat konvensyen persenjataan seperti berikut:

- a. ARF Cross-Sectorial Security Cooperation On Bio-Preparedness And Response Workshop di Manila, Philippines pada 26-28 Ogos 2014.
- b. ADMM PLUS EWG on Peacekeeping Operations di Seoul, Republic of Korea (ROK) pada 24- 26 September 2014.

Di bawah ADMM PLUS EWG PKO, Kementerian telah terlibat dalam perbincangan untuk menubuhkan Jaringan Pusat-Pusat Pengaman ASEAN. Kolaborasi di kalangan Pusat-Pusat Pengaman ASEAN meliputi aspek perkongsian Maklumat, amalan terbaik dan pertukaran jurulatih.

### **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)**

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) telah terlibat dalam penyediaan Kertas Strategi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) berdasarkan Surat Arahan RMKe-11 bertarikh 29 Oktober 2013 oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang memutuskan bahawa Bahagian Dasar setiap Kementerian dipertanggungjawabkan dalam penyediaan dokumen RMKe-11.

Kementerian Pertahanan diletakkan di bawah Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Keselamatan Awam, Teras 2, RMKe-11 dan mengetuai Kumpulan Fokus (FG) Pertahanan. BDPS terlibat dalam semua aktiviti TWG Keselamatan Awam termasuk mesyuarat dan Bengkel Penyediaan Kertas Strategi serta menghadiri siri Mesyuarat Inter Agency Planning Group (IAPG) bagi Teras 2 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral), Unit Perancang Ekonomi (UPE).

Ahli FG Pertahanan termasuklah Markas ATM, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia (BHEPMM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Eastern Sabah Security Command (ESSCOM), Bahagian Perancangan Strategik, KDN, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Sektor Keselamatan, Unit Perancang Ekonomi (UPE) sebagai Penasihat.

Hasil daripada kerjasama semua pihak yang terlibat, Kertas Strategi ini telah berjaya disiapkan dan dikemukakan kepada pihak UPE pada 22 September 2014. Pihak UPE menerima Kertas Strategi Kementerian Pertahanan tanpa sebarang pindaan dan akan digunakan sebagai rujukan untuk pengagihan bajet RMKe-11 bagi sektor keselamatan.



## Jawatankuasa Strategik Perolehan

Jawatankuasa Strategik Perolehan (JKSP) adalah antara mandat awal YB Menteri Pertahanan yang bertujuan untuk melihat secara menyeluruh berkaitan perolehan aset ketenteraan dengan mengambil aspek yang lebih makro dan komprehensif. BDPS telah dipertanggungjawabkan sebagai sekreteriat JKSP dan Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar).

Jawatankuasa ini berperanan untuk menentukan dan memastikan perolehan yang dilaksanakan mengambil kira Dasar Pertahanan Negara, mengambil kira keperluan hubungan dan kerjasama serta kepentingan strategik negara dan boleh membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Mesyuarat ini telah berjaya dilaksanakan sebanyak empat kali seperti yang ditetapkan dalam Key Performance Index (KPI) Tahun 2014. Antara sumbangan Jawatankuasa ini adalah memberi panduan dalam penyediaan Kertas Strategi Kumpulan Fokus Pertahanan, Kumpulan Kerja Teknikal Keselamatan Awam, Teras 2, RMKe-11.

Di bawah portfolio ini, BDPS terlibat dengan lawatan ke pameran pertahanan luar negara dan kapal-kapal yang singgah di pelabuhan serta menyaksikan latihan ketenteraan bagi mendapatkan maklumat berkaitan teknologi/aset pertahanan terkini. Antara aktiviti yang terlibat ialah Singapore Air Show 2014, lawatan ke kapal ROKS Choi Young (DDH-981) dan latihan Bersama Lima 2014 di Singapura.



F-15SG di Singapore Air Show 2014



ROKS Choi Young (DDH-981) di Pelabuhan Klang

## Seminar on Capacity Building in Maritime Security and Disaster Relief

BDPS (D9) mewakili Kementerian Pertahanan telah menyertai Seminar on Capacity Building in Maritime Security and Disaster Relief anjuran Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pertahanan Jepun pada 24 hingga 26 September 2014 di Tokyo, Jepun. Seminar tersebut turut dihadiri oleh 16 peserta daripada negara-negara ASEAN yang terdiri daripada pegawai awam dan tentera yang ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Jepun.

Tujuan seminar ini adalah untuk menerangkan Dasar Keselamatan Negara Jepun yang telah ditambah baik bersesuaian dengan persekitaran strategik semasa, menerangkan kaedah-kaedah bantuan yang boleh disalurkan oleh Kerajaan Jepun kepada ASEAN serta memperkenalkan peralatan/teknologi pertahanan yang dikeluarkan oleh syarikat Jepun. Pada masa yang sama, pihak Jepun mengambil peluang mendapatkan input daripada peserta berhubung keperluan negara masing-masing dari perspektif keselamatan maritim dan bantuan bencana.

## Eastern Sabah Security Command

Kementerian Pertahanan terlibat secara langsung dengan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) dari aspek dasar (BDPS) dan operasi (ATM). BDPS telah terlibat dengan mesyuarat penyelarasan serta lawatan ke pulau-pulau/lokasi kejadian kes penculikan bagi mendapatkan gambaran sebenar dan menyediakan laporan/input bagi meningkatkan tahap keselamatan di Pantai Timur Sabah. BDPS juga terlibat dengan pelaksanaan Sea Basing dalam Jawatankuasa Induk yang kini dipengerusikan oleh Ketua Staf Markas ATM.



Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan ke Pulau Baik



Lawatan YB Timbalan Menteri Pertahanan ke Pulau Pom-Pom



Lawatan ke Pos Kawalan di Pulau Danawan



Lawatan ke Pos Kawalan di Pulau Padanan



Mesyuarat Jawatankuasa Induk Sea Basing di Kota Kinabalu, Sabah

### **Bengkel Kajian Semula Pelan Transformasi MinDef**

Bengkel Kajian Semula Pelan Transformasi MinDef telah dianjurkan untuk memperkasakan lagi Pelan Transformasi MinDef sedia ada agar ianya selaras dengan perkembangan semasa di peringkat kementerian. Bengkel ini telah diadakan pada 8 hingga 10 Mei 2014 di Cheringin Hills Convention & SPA Resort, Janda Baik, Pahang dan dihadiri oleh semua ketua jabatan/bahagian di bawah kementerian termasuk pegawai-pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

### **Bengkel Halatujju Strategik, Pencapaian Dan Sasaran Kerja Tahunan 2014/2015 Kementerian Pertahanan Malaysia**

Bengkel Halatujju Strategik, Pencapaian dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2014/2015 Kementerian Pertahanan telah dilaksanakan pada 18 hingga 20 Disember 2014 di Hotel Avillion Legacy, Melaka. Bengkel ini telah dipengerusikan oleh Ybng Dato' Sri Abdul Rahim bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan dihadiri oleh semua ketua jabatan/bahagian di bawah kementerian. Bengkel ini menganalisa pencapaian keseluruhan pelaksanaan sasaran kerja tahunan untuk tahun 2014 dan merangka pendekatan serta strategi pelaksanaan bagi tahun 2015.

### **Program Strategi Lautan Biru Nasional**

Program NBOS Kementerian bermula dengan pelancaran Program Pemulihan Pemasarakatan (PPP) oleh YAB Perdana Menteri di Kem Mahkota, Kluang pada bulan Mac 2011. Sehingga Disember 2014, terdapat lima buah Pusat Pemulihan Pemasarakatan yang beroperasi di lima Kem TD (Tentera Darat) seperti berikut:

- a) PPP Kem Mahkota, Kluang, Johor (250 ODS);
- b) PPP Kem Batu 10, Kuantan, Pahang (245 ODS);
- c) PPP Kem Desa Pahlawan, Kelantan (195 ODS);
- d) PPP Kem Sultan Abdul Halim Mu'azam Shah, Jitra, Kedah (250 ODS); dan
- e) PPP Kem Syed Sirajuddin, Gemas, Negeri Sembilan (350 ODS).

PPP adalah merupakan dua siri projek utama di bawah NBOS2 dengan jalinan kerjasama daripada 3 Kementerian/Agensi seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri (Jabatan Penjara Malaysia), dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sehingga tahun 2014, program ini telah mendapat maklumbalas yang baik daripada Orang Diselia (ODS) dan kadar residivis sehingga 31 Disember 2014 adalah pada kadar 0%. Selain daripada PPP, NBOS2 turut merangkumi penglibatan anggota TD dalam Program Rondaan Bersama Pasukan PDRM di bandar-bandar utama seluruh Malaysia termasuk KLIA. Objektif pelaksanaan NBOS2 oleh Kementerian Pertahanan adalah bagi membantu menurunkan indeks kadar jenayah di bawah NKRA Nasional.







Aktiviti pertanian Di PPP Kem Syed Sirajuddin, Gemas

Kementerian Pertahanan juga secara aktif turut melaksanakan program 1Malaysia Veteran Recognition Programme (1MVRP) yang menggariskan 7 inisiatif berkesan merangkumi pelbagai usaha dan peluang bagi membantu warga veteran ATM dalam menjaga kebajikan mereka selepas bersara. Program ini telah dirasmikan dengan jayanya oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Disember 2012 di Kuala Kangsar, Perak. Program ini juga telah mendapat maklumbalas yang positif dari kalangan rakyat Malaysia.

## Inovasi

Sepanjang tahun 2014, Unit Inovasi telah berjaya melaksanakan beberapa program Kualiti dan Inovasi yang melibatkan warga awam dan ATM. Program dan aktiviti yang telah dilaksanakan termasuklah Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2014, Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2014, Program Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) dan Program MS ISO 9001:2008. Antara pencapaian terbaik yang diperolehi melalui program-program yang diadakan adalah seperti berikut:-

- Penerimaan Sijil MS ISO 9001:2008 Kementerian Pertahanan; dan
- Persembahan Terbaik (Kategori Teknikal) Konvensyen KIK Kebangsaan 2014

Selain daripada NBOS2, Kementerian Pertahanan turut terlibat secara aktif dalam beberapa siri projek NBOS yang lain seperti berikut:

- NBOS3 [Projek Bantuan Rumah (PBR), Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Penggunaan Tanah Kosong ATM];
- NBOS4 (University Ambassador Programme);
- NBOS5 (1Malaysia For Youth);
- NBOS6 (My Beautiful Neighbourhood);
- NBOS7 (1Malaysia Veterans Recognition Programme); dan
- NBOS8 (Military Community Transformation Centre, 1Malaysia Training Centre, Second Wave of Blue Ocean Policing)



1MVRP: Rumah Veteran yang telah selesai dan siap untuk diduduki



Majlis Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR DASAR***

Bahagian Industri Pertahanan



## BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN

### MAJLIS INDUSTRI PERTAHANAN, PENGUATKUASAAN DAN KESELAMATAN MALAYSIA (MIDES)

Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) merupakan satu platform bagi pelbagai Agensi dan Jabatan Kerajaan yang terlibat dalam sektor pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan untuk berinteraksi dan membincangkan isu-isu semasa berkaitan industri pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan. MIDES juga bertindak sebagai pemudah cara dan perantara antara industri dan Kerajaan berhubung dengan dasar-dasar yang berkaitan serta memformulasikan pelan tindakan untuk membangunkan industri ke satu tahap yang berdikari dan berdaya saing di peringkat global.

Sepanjang tahun 2014, beberapa aktiviti utama MIDES telah diadakan, antaranya;

1. Defence Services Asia 2014 (DSA'14) pada 14 - 17 April 2014 di Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur;



1. Sesi bergambar bersama Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Seri Dr. Hj. Ismail bin Ahmad dan ahli-ahli MIDES

#### a) Korea – Malaysia Defence Industrial Cooperation Day di Pameran DSA'14



Ucapan perasmian oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan, Dato' Dr. Rothiah binti Hj. Omar



Sesi Temuramah Setiausaha Bahagian Industri Pertahanan, En. Wan Mohd. Asraf bin Wan Salleh bersama pihak media Korea Pertahanan, Dato' Dr. Rothiah binti Hj. Omar

b) Malaysia – EU Business Talk 2014 bersama Poland, Slovakia dan Czech Republic di Pameran DSA'14



2. 3<sup>rd</sup> Malaysia – France Defence & Dual Use SME Partnership Seminar 2014 pada 19 & 20 Mei 2014 di Ballroom, Wisma Perwira



3. Pameran Indo Defence 2014 Expo & Forum pada 5 – 8 November 2014 di Jakarta International Exhibition (JIE), Indonesia



*Kehadiran Menteri Pertahanan Indonesia di 1Malaysia Pavilion*



*Majlis Perasmian booth 1Malaysia Pavilion Kehadiran Menteri Pertahanan Indonesia di 1Malaysia*






Kunjungan hormat ke atas Tuan Yang Terutama Duta Besar Malaysia di Indonesia



Majlis Menandatangani MoU Malaysia dan Indonesia



Majlis Penyerahan Kontrak Defence Services Asia 2016 (DSA'16)



Program rangkaian

## HUBUNGAN DUA HALA DAN PELBAGAI HALA INDUSTRI PERTAHANAN

Ke arah memperkasakan industri pertahanan serta mengukuhkan lagi hubungan diplomatik dengan negara-negara luar, Bahagian Industri Pertahanan telah menganjurkan dan menghadiri lima Mesyuarat Kumpulan Kerja Industri Pertahanan sepanjang tahun 2014. Daripada lima Mesyuarat Kumpulan Kerja tersebut, dua mesyuarat telah dianjurkan oleh Malaysia sebagai tuan rumah iaitu:



i. Mesyuarat Kumpulan Kerja antara Malaysia-Italy pada Julai 2014; dan







ii. Mesyuarat Kumpulan Kerja Ke-2 antara Malaysia-Republik Rakyat China (PRC) (DIWG) pada Ogos 2014.



Manakala tiga lagi Mesyuarat telah diadakan di luar negara, iaitu Mesyuarat Kumpulan Kerja Ke-10 Sweden-Malaysia yang diadakan di Stockholm, Sweden pada April 2014; Mesyuarat Kumpulan Kerja Ke-12 Pakistan-Malaysia di Rawalphindi, Pakistan pada Ogos 2014; dan Mesyuarat Kumpulan Kerja Ke-13 Perancis-Malaysia di Paris, Perancis pada Disember 2014.

Mesyuarat yang berlangsung diadakan telah menjadi platform bagi meneruskan perbincangan mengenai perkara-perkara berbangkit daripada Mesyuarat-Mesyuarat lepas serta meneroka keupayaan sedia ada, terutamanya dalam memperkasakan industri pertahanan tempatan. Mesyuarat ini juga telah membantu membuka lebih banyak peluang untuk industri pertahanan tempatan menjalinkan kerjasama industri dengan negara luar serta membincangkan perkara-perkara berbangkit yang melibatkan perolehan peralatan ketenteraan di antara Malaysia dan juga negara luar.

## **PAMERAN DEFENCE SERVICES ASIA (DSA) 2014**

Pameran Defence Services Asia (DSA) yang ke-14 telah diadakan selama empat hari bermula dari 14 hingga 17 April 2014. Pameran ini dianjurkan oleh DSA Exhibition and Conference Sdn. Bhd. bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur dengan kerjasama dan sokongan penuh daripada Kementerian Pertahanan, Malaysia. Pameran DSA melibatkan pameran statik peralatan, sistem persenjataan serta teknologi pertahanan dan keselamatan terkini untuk memenuhi keperluan keperluan ATM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia serta pasukan pertahanan dan keselamatan khususnya bagi negara-negara di rantau Asia Pasifik.

Pameran DSA 2014 telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Pameran DSA 2014 merekodkan jumlah penyertaan syarikat sebanyak 1,057 buah, peningkatan sebanyak 19.6% berbanding 850 buah syarikat pada DSA 2012. Keluasan tapak pameran DSA 2014 adalah sebanyak 41,300 meter persegi, peningkatan sebanyak 3.25% berbanding 40,000 meter persegi pada DSA 2012.



YB Menteri Pertahanan merasmikan pameran DSA 2014  
(Mohon pihak UKK bekalkan gambar semasa perasmian DSA 2014)

Penyertaan syarikat industri pertahanan tempatan pada DSA 2014 adalah sebanyak 263 syarikat yang terdiri daripada syarikat induk serta anak syarikat tempatan telah meningkat sebanyak 3.14% berbanding DSA 2012. Penyertaan terbesar adalah daripada DRB-HICOM Defence Technologies (DEFTECH) dengan keluasan 1,700 meter persegi. Antara syarikat tempatan utama yang turut menyertai pameran ini adalah Amdac (M) Sdn Bhd, Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC), Destini Berhad, SME Ordnance, SAPURA Group, System Consultancy Services (SCS), National Aerospace and Defence Industries (NADI) dan Zetro Aerospace.

Penyertaan syarikat industri pertahanan antarabangsa pada DSA 2014 menunjukkan peningkatan sebanyak 33.45% iaitu 794 buah syarikat berbanding 595 buah syarikat. Sebanyak 28 Kumpulan Pavillion Negara telah berjaya dibentuk semasa pameran DSA 2014. Pavillion Turki merupakan pavillion yang terbesar dengan keluasan 1,672 meter persegi.

Seramai 346 tetamu dari 53 buah negara yang telah dijemput ke Pameran DSA 2014 yang terdiri daripada rakan sejawatan Menteri Pertahanan, Timbalan Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, Panglima-panglima Perkhidmatan, Ketua Pengarah Kastam dan Ketua Pengarah Imigresen, Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan. Daripada jumlah itu, seramai 172 tetamu dari 45 buah negara telah hadir berbanding 162 tetamu dari 41 buah negara pada DSA 2012. Jumlah keseluruhan kehadiran tetamu jemputan luar negara adalah seramai 342 orang termasuk pegawai pengiring. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang di-Pertua Negeri Melaka turut hadir mencemar duli ke pameran DSA 2014. Seramai kira-kira 33,544 pelawat perdagangan dari 77 buah negara telah mengunjungi Pameran DSA 2014 sepanjang 4 hari pameran berlangsung.



Satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU)/Kontrak telah diadakan pada hari ketiga pameran DSA 2014 yang menyaksikan sebanyak 25 MOU/Kontrak bernilai RM 1.86 billion yang melibatkan Kerajaan Malaysia, syarikat pertahanan tempatan dan antarabangsa. Perjanjian memorandum persefahaman (MOU) yang merupakan salah satu cara bagi sesebuah negara menjaga hubungan diplomatik serta kepentingan kenegaraannya, membuatkan Malaysia menggunakan sepenuh ruang dan peluang pada pameran DSA yang lalu yang dilihat mampu memperkasakan lagi kedudukan negara baik dari segi politik mahupun perniagaan.



Pada pameran kali ini, Dewan ASEAN telah diperkenalkan di mana ianya menampilkan penyertaan negara-negara ASEAN untuk *Defence Procurement Centre* (DPC) dan *ASEAN Defence Industrial Collaboration* (ADIC). Selain itu, Dewan ASEAN juga dimuatkan dengan aktiviti-aktiviti pepadanan perniagaan (B2B Meetings), persidangan dan forum. Pameran DSA juga menyediakan Pusat Inovasi DSA 2014 yang bertujuan memberi peluang kepada syarikat-syarikat pempamer yang terpilih untuk mempromosikan teknologi dan keupayaan produk masing-masing. Di samping itu, penglibatan Kementerian Pelancongan sebagai pempamer juga secara tidak langsung telah berjaya menarik sebahagian pempamer dan delegasi asing untuk bercuti di Malaysia.



## PROGRAM OFFSET

Kerajaan Malaysia amat komited untuk membangun dan mengembangkan pertumbuhan serta peningkatan keupayaan ekonomi dan teknologinya. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggunakan kelebihan daripada Perolehan Kerajaan yang berimpak tinggi untuk menyokong hasrat tersebut melalui pelaksanaan program offset dan program pengukuhan ekonomi (PPE). Program-program ini adalah penting agar mendapat nilai terbaik bagi setiap perolehan pertahanan, iaitu yang bernilai RM 50 juta dan ke atas. Manfaat yang diperolehi Malaysia adalah melalui perkongsian pengetahuan dan perpindahan teknologi dari luar negara kepada institusi pertahanan negara dan juga industri pertahanan negara. Pada tahun 2014, offset dan PPE telah dipantau secara berterusan untuk memberi impak positif kepada Angkatan Tentera Malaysia, syarikat-syarikat industri pertahanan tempatan dan institusi pertahanan terutamanya dari segi kecekapan modal insan.



Pada masa ini, kontrak perolehan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 yang melibatkan program-program offset dan PPE termasuklah perolehan bagi kenderaan perisai AV-8 melalui DRB Hicom Defence Technologies Sdn Bhd (Deftech), Network Centric Operation (NCO) melalui Sapura Holdings Sdn Bhd, Sewaan satelit komunikasi X-Band melalui Astrium SAS France, pembelian senapang Colt M4 Carbine melalui SME Ordnance Sdn Bhd, pembelian 2 unit Kapal Latihan melalui NGV Tech Sdn Bhd, dan pembelian 6 buah kapal Littoral Combat Ship (LCS) melalui Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd. dan 5 perolehan of 5 unit *Training Aircraft PC7 MK II from Pilatus, Switzerland*.



5.56mm Colt M4 Carbine rifle used by the Malaysian Army through the purchase by SME Ordnance Sdn. Limited.



8 x 8 armored cars Armor Personal vehicle (APV) purchase via DRB Hicom Defence Technologies Sdn. Limited. (Deftech).



Vessels Littoral Combat Ship (LCS) acquisition by Boustead Naval Shipyard Sdn. Limited.



PC7 MK II acquisition for Royal Malaysian Air Force.





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR DASAR***



Depot Simpanan Pertahanan



## DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN

Depot Simpanan Pertahanan (DSP) adalah sebuah organisasi yang terletak dibawah Sektor Timbalan Ketua Setiausaha Dasar - TKSU (D) dan ditubuhkan selepas berlakunya peristiwa 13 Mei 1969 apabila pihak ATM menghadapi masalah Stok Bantuan Darurat.

Objektif umum DSP ialah untuk menyimpan peralatan bagi melengkapkan kekuatan dua (2) kumpulan Briged dan memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan siap siaga (Evereadiness) untuk kegunaan negara semasa keadaan darurat dan juga aman.

Pada masa yang sama, DSP juga mempunyai peranan menyimpan dan menguruskan Stok Bantuan Kemanusiaan (SBK) yang akan dikeluarkan ketika keadaan memerlukan dengan kebenaran dari KSU.



### 1. SUMBER MANUSIA DEPOT SIMPANAN PERTAHANAN

Pada 03 Mac 2014, Depot Simpanan Pertahanan telah diketuai oleh pengarah baru iaitu Encik Abdullah Bin Abdul Rahman, Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M54 seterusnya dibantu oleh seorang (1) Timbalan Pengarah Logistik Gred J44. Terdapat enam (6) Cawangan dan satu (1) Unit di bawah organisasi DSP.

#### 1.1 Perjawatan dan Pengisian

Perjawatan di DSP adalah terdiri daripada perjawatan awam dan perjawatan tentera. Jumlah keseluruhan perjawatan di DSP adalah sebanyak 266 perjawatan. Daripada jumlah tersebut, 120 perjawatan adalah perjawatan awam manakala baki 146 perjawatan adalah perjawatan tentera. Kekosongan serta kedudukan semasa perjawatan-perjawatan di DSP adalah seperti di Jadual 1.

JENIS PERKHIDMATAN	PERJAWATAN YANG DILULUSKAN	PERJAWATAN YANG DIISI	KEKOSONGAN	PERATUS PENGISIAN
Pegawai dan kakitangan awam	120	56	64	46.67%
Pegawai dan Lain-lain Pangkat ATM	146	32	114	21.92%
<b>JUMLAH</b>	<b>266</b>	<b>88</b>	<b>178</b>	<b>68.59%</b>

Jadual 1  
Perjawatan DSP Sehingga 31 Disember 2014

## 1.2 Kursus dan Wacana Minda DSP

1.2.1 Sepanjang tahun 2014, DSP secara keseluruhan telah menganjurkan enam siri kursus dan enam wacana minda untuk penjawat awam termasuk mengadakan lawatan kerja ke Penjara Lelaki dan Wanita, Kajang.

## 1.3 Kursus Pembangunan Jati Diri Berpasukan Siri I dan II

Kursus Pembangunan Jati Diri Berpasukan DSP Siri I telah berjaya dilaksanakan pada 12 hingga 14 Ogos 2014 bertempat di Felda Residence Trolak, Perak manakala Siri II pula telah diadakan di Felda Residence Tanjung Leman, Mersing Johor bermula pada 15 hingga 17 Oktober 2014. Kursus ini bertujuan untuk membangunkan kecemerlangan diri peserta di samping mengharmonikan diri dengan alam semulajadi.

1.4 Jumlah Hari Berkursus yang telah dihadiri oleh penjawat awam DSP adalah seperti berikut:

**1.4.1 Lebih 7 hari setahun - 56 orang (100%)**

**1.4.2 Kurang 7 hari setahun - tiada (0%)**



Kursus Pembangunan Jati Diri I - Low Rope



Kursus Pembangunan Jati Diri Siri I - High Rope



Kursus Pembangunan Jati Diri Siri I



Kursus Pembangunan Jati Diri II

### 1.5 Gotong Rotong Perdana dan Memasak Bubur As-Syura

Pada 20 November 2014, Depot Simpanan Pertahanan telah mengadakan Gotong Royong Perdana bertempat di hadapan Kuarters DSP dengan tujuan mewujudkan persekitaran tempat tinggal yang selesa dan selamat. Aktiviti ini melibatkan kesemua anggota tentera dan kakitangan awam diketuai sendiri oleh pengarah DSP. Pada masa yang sama, kakitangan wanita bekerjasama memasak dan menyediakan bubur As-Syura untuk diagihkan kepada semua yang terlibat.



TPL dan kakitangan memotong pokok



Staff DSP mengacau bubur As-Syura

## 2. STOK SIMPANAN PERTAHANAN (SSP)

2.1 Stok Simpanan Pertahanan (SSP) adalah stok keperluan ketenteraan apabila berlakunya darurat. Semasa keadaan aman, DSP berperanan memastikan Stok Simpanan Pertahanan yang berada dalam simpanan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Selain itu, pegawai dan kakitangan DSP perlu sentiasa mahir dengan tatacara pengurusan, penyelenggaraan dan pengeluaran SSP bila diperlukan. Sehingga kini, DSP masih menyimpan 8,738 laras senjata seperti M16 (5897) dan Stayer (2841).

## 3. STOK BANTUAN KEMANUSIAAN (SBK)

3.1 Misi Bantuan Kemanusiaan Bagi Mangsa Banjir di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak.

Pada Disember 2014, negara kita dikejutkan dengan bencana banjir terburuk di negeri-negeri pantai timur seperti Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak yang mengakibatkan kemusnahan harta benda dan juga kehilangan nyawa.

Selaras dengan keperluan kemanusiaan, DSP telah membuat pembelian darurat serta pengeluaran Stok Bantuan Kemanusiaan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan terjejas. Di samping itu, DSP juga menjadi pusat penerimaan dan pengumpulan Stok Bantuan Kemanusiaan yang disumbangkan oleh agensi-agensi swasta.



Pergerakan anggota dan kenderaan yang membawa bantuan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Abdul Rahim Bin Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan pada 26 Disember 2014 bertempat di bangunan Markas DSP. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 108 tan barang bantuan seperti pakaian, air mineral, makanan kering, beras, susu, pampers dan lain-lain telah diagihkan kepada mangsa banjir. Antara kawasan-kawasan yang terlibat dengan misi penghantaran tersebut ialah Manik Urai, Pengkalan Chepa, Jerantut, Kuala Mai, Kuala Lipis, Kampung Gajah, Pasir Salak dan Kuala Krau, Pahang.



*Ketibaan KSU di DSP bagi merasmikan pergerakan bantuan banjir ke Jerantut dan Kuala Lipis, Pahang pada 26 Dis 2014*



*KSU mencuba pakaian kalis air yang akan diagihkan kepada mangsa banjir*



*Bacaan doa sebelum pelepasan anggota dan kenderaan membawa barangan bantuan*



*Perasmian kenderaan pertama membawa bantuan iaitu Iveco 7 Ton*

**Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan merasmikan Misi Bantuan Kemanusiaan ke Jerantut dan Kuala Lipis, Pahang**


#### 4. MAJLIS PERPISAHAN TIMBALAN PENGARAH LOGISTIK DAN STAF DSP

- 4.1 Satu Majlis Perpisahan telah diadakan di Dewan Bestari, Depot Simpanan Pertahanan pada 17 Disember 2014 bagi meraikan Timbalan Pengarah Logistik iaitu Encik Mohd Nizam Bin Mohd Yusoff yang bertukar ke Jabatan Kerja Raya selepas ditawarkan kenaikan pangkat Jurutera Gred J48. Selain itu, majlis turut meraikan Encik Maulud Bin Taieh yang telah bersara dari perkhidmatan dan Encik Samsuri Bin Mohamad yang dinaikan pangkat ke Gred N27.



## 5. LAPORAN PRESTASI KEWANGAN 2014

5.1 DSP telah diberi peruntukan Belanja Mengurus (OE) berjumlah RM 418,000.00 dengan pecahan Objek Am 10000 (Emolumen) RM 43,000.00 dan Objek Am 20000 (Bekalan dan Perkhidmatan) RM 375,000.00. Dari jumlah tersebut DSP telah berjaya membelanjakan sebanyak RM 348,912.78 (83.47%) dan bakinya RM 73,229.50 (17.52%) sahaja.



Carta Pai menunjukkan jumlah perbelanjaan kewangan DSP sehingga 31 Disember 2014



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR PENGURUSAN***

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia



## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah ditubuhkan pada tahun 1969 dengan nama Bahagian Naziran. Pada 1 Ogos 1985, Bahagian ini telah digabungkan dengan Bahagian Perkhidmatan dan dikenali sebagai Bahagian Naziran Perkhidmatan. Berikutan dengan penubuhan Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1968 dan berdasarkan kajian Mesyuarat Khas Ketua Setiausaha Negara pada tahun 2000, semua Bahagian Naziran Perkhidmatan di semua Kementerian telah ditukar kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bagi menyesuaikan dengan peranan yang dilaksanakan pada masa tersebut. Sejak dari itu, peranan BPSM di Kementerian Pertahanan (MinDef) dan di seluruh kementerian telah diselaraskan bagi memainkan peranan sebagai mini JPA.

### PROGRAM-PROGRAM BPSM TAHUN 2014

Sebagai penggerak kepada kecemerlangan warga MinDef, BPSM telah mengadakan beberapa program di sepanjang tahun 2014 dalam usaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam di MinDef. Antara program-program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

#### PENGURUSAN PELANTIKAN, PENEMPATAN/PERTUKARAN, GAJI/ELAUN/KEMUDAHAN, HRMIS DAN PERSARAAN



Rajah 1 : Bidang Perkhidmatan



## PENGURUSAN PELANTIKAN

Perkara pelantikan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014 seperti di Jadual 1.

BIL	PERKARA PERLANTIKAN	BILANGAN
1.	Menguruskan Penempatan Lantikan Baru	318
2.	Pengesahan Pelantikan	291
3.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan	303
4.	Pemberian Taraf Berpencen	159
5.	Pelanjutan Tempoh Percubaan	15
6.	Meletak / Melepas Jawatan	23
<b>JUMLAH</b>		<b>1,109</b>

Jadual 1 : Perkara Pelantikan Sepanjang Tahun 2014

## PENEMPATAN / PERTUKARAN

Pusingan kerja yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014 seperti di Jadual 2.

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	BILANGAN PEGAWAI TERLIBAT
1.	Pengurusan & Profesional	129
2.	Kumpulan Sokongan	1,258
<b>JUMLAH</b>		<b>1,109</b>

Jadual 2 : Pusingan Kerja Sepanjang Tahun 2014



### GAJI, ELAUN DAN KEMUDAHAN GAJI

Penyediaan Penyata Perubahan Pendapatan (Kew.8) untuk Pergerakan Gaji Tahunan telah diselesaikan seperti di Jadual 3.

PGT	TARIKH SELESAI
Januari	15 Mac 2014
April	15 Mac 2014
Julai	15 Jun 2014
Oktober	15 Ogos 2014

Jadual 3 : Pergerakan Gaji Tahun 2014

### ELAUN DAN KEMUDAHAN

BIL	ELAUN / KEMUDAHAN	BILANGAN
1.	Kelulusan Lawatan ke Luar Negeri	1,166
2.	Tuntutan Elaun Pindah / Tukar	86
3.	Kemudahan Rawatan Perubatan	224
4.	Tuntutan Pakaian Istiadat / Rasmi	39
5.	BIPK/BITPS/BITK/EPW/BIW	219
6.	Bayaran Pengurusan Jenazah	30
7.	Kelulusan Cuti Tanpa Gaji	36
8.	Kelulusan Cuti Separuh Gaji	14
9.	Cuti Belajar Bergaji Penuh	16
10.	Cuti Barah / Kusta / Tibi	3
11.	Cuti Sakit Lebih 90 Hari / Cuti Sakit Lanjutan / Cuti Sakit Tanpa Gaji	11
12.	Cuti Kecemasan Am	56
<b>JUMLAH</b>		<b>1,900</b>

Jadual 4: Jumlah elaun dan kemudahan

## SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

MODUL/SUBMODUL	PERATUS PENGEMASKINIAN
Data Perjawatan	100.00%
Rekod Peribadi	98.39%
Profil Perkhidmatan	99.69%
Perisytiharan Harta	91.64%
SKT 2014	100.00%
LNPT 2014	100.00%

Jadual 5 : Pencapaian HRMIS di MinDef sehingga 31 Disember 2014

## PERSARAAN

Sepanjang tahun 2014, statistik persaraan penjawat awam adalah seperti Jadual 6.

BIL	JENIS PERSARAAN	JUMLAH TERLIBAT
1.	Persaraan Paksa	292
2.	Persaraan Pilihan	185
3.	Persaraan Atas Sebab Kesihatan	2
4.	Penswastan	38
5.	Kematian	24
<b>JUMLAH</b>		<b>541</b>

Jadual 6 : Statistik Persaraan Penjawat Awam

## KURSUS / LATIHAN

Sepanjang tahun 2014, Cawangan Latihan BPSM telah melaksanakan sebanyak 203 buah kursus melebihi sasaran daripada 160 yang dirancang dan kehadiran peserta kursus seramai 10,055 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di semua Bahagian/Jabatan/Markas/Briged seluruh negara. Berdasarkan jumlah tersebut, 1,611 orang atau 96.8% (dari Jabatan/ Bahagian) dan 8,444 orang atau 85.41% (dari Markas/ Briged) telah mencapai prestasi tujuh (7) hari berkursus. Selain itu, prestasi perbelanjaan BPSM bagi pelaksanaan kursus/ latihan/seminar/program adalah sebanyak 95.85%.

JUMLAH KESELURUHAN KURSUS



BIL	JUMLAH KESELURUHAN KURSUS 2014	JUMLAH PESERTA
1.	203	10,055

PRESTASI LATIHAN KEMENTERIAN

BIL	KEMENTERIAN PERTAHANAN	JUMLAH PENJAWAT AWAM	> 7 HARI	%	< 7 HARI	%	TIDAK BERKURSUS	%
1	JABATAN / BAHAGIAN	1,664	1,611	96.8	53	3.2	0	0
2	MARKAS / BRIGED	9,887	8,444	85.4	1,443	14.59	0	0
3	JLKN	1,096	684	62	389	35	23	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>12,647</b>	<b>10,739</b>	<b>84.91</b>	<b>1,885</b>	<b>14.91</b>	<b>23</b>	<b>0.18</b>

KAJIAN IMPAK KEBERKESANAN KURSUS

BPSM juga menjalankan Kajian Impak Keberkesanan Latihan bagi kursus fungsian. Penilaian bagi kajian ini diperolehi daripada peserta dan penyelia selepas tiga (3) bulan menghadiri kursus.





## PUSAT LATIHAN KEMENTERIAN PERTAHANAN (PLATIH)

Pusat Latihan Kementerian Pertahanan (PLATIH) di Bukit Fraser, Pahang telah dibuka dan berfungsi sepenuhnya pada tahun 2014. Sepanjang 2014 sebanyak 69 kursus yang melibatkan 3,036 peserta telah dilaksanakan di PLATIH.



## PROGRAM PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

Pada tahun lepas, terdapat 32 program psikologi yang telah dijalankan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Kesemua 32 program ini adalah berdasarkan keperluan yang telah ditetapkan oleh Perkeliling Perkhidmatan No.18/2005 yang menekankan kepada perkembangan modal insan, langkah-langkah pencegahan dan pemulihan. Program-program ini memfokuskan untuk memperkasakan keberkesanan modal insan, motivasi pekerja, memperkasakan nilai-nilai positif dan meningkatkan kerjasama pekerja dalam pekerjaan. Kesemua program yang telah dilaksanakan oleh Pegawai Psikologi adalah seperti berikut :

BIL	PROGRAM	JUMLAH PESERTA
1.	Bengkel Motivasi Kerja (BMK) 1/2014	55
2.	Bengkel Motivasi Kerja (BMK) 2/2014	52
3.	Bengkel Motivasi Kerja (BMK) 3/2014	50
4.	Bengkel Motivasi Kerja (BMK) 4/2014	55
5.	Bengkel Motivasi Kerja (BMK) 5/2014	50
6.	Kursus Kecemerlangan Diri dan Kerjaya (KKDK) 1/2014	55
7.	Kursus Kecemerlangan Diri dan Kerjaya (KKDK) 2/2014	55
8.	Kursus Kecemerlangan Diri dan Kerjaya (KKDK) 3/2014	50
9.	Kursus Kecemerlangan Diri dan Kerjaya (KKDK) 4/2014	55
10.	Kursus Kecemerlangan Diri dan Kerjaya (KKDK) 5/2014	60
11.	Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) Tahap 1	45
12.	Program Peningkatan Kemahiran Kaunseling (PPKK) Tahap 2	45

## **MENJAGA PERKHIDMATAN, PENTADBIRAN & KEBAJIKAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)**

Selain daripada menguruskan perkhidmatan-perkhidmatan pegawai awam di bawah Kementerian Pertahanan, BPSM juga terlibat dalam membangunkan dasar-dasar sumber manusia yang berkaitan dengan ATM serta memainkan peranan yang sangat penting dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan perkhidmatan, pentadbiran dan kebajikan anggota ATM. Di samping itu, BPSM berperanan sebagai perantara antara pihak ATM dengan Agensi Pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan.

Umumnya, peranan yang dimainkan Cawangan Khidmat Tentera, BPSM terbahagi kepada empat (4) perkara utama:

- a) Penambahbaikan skim dan syarat-syarat perkhidmatan ATM;
- b) Semakan semula kadar bayaran gaji, elaun dan kemudahan ATM;
- c) Pindaan dan pemertaaan peraturan-peraturan ATM melibatkan:
  - i. Angkatan tetap ATM,
  - ii. Angkatan sukarela ATM, dan
  - iii. Simpanan angkatan tetap ATM;
- d) Menguruskan kebajikan anggota ATM melalui:
  - i. Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN),
  - ii. Peminjaman anggota ATM ke agensi awam dan swasta, dan
  - iii. Penyambungan tempoh perkhidmatan terdahulu bagi tujuan faedah persaraan.

## **KAJIAN SEMULA PENGUKUHAN ORGANISASI AWAM DI MARKAS/ BRIGED/ FORMASI**

BPSM telah melaksanakan 4 kali Lawatan Naziran di pasukan bawah naungan seperti berikut:

- a. Markas 9 Briged pada 11 hingga 12 Februari 2014
- b. Markas 3 Briged pada 13 hingga 14 Februari 2014
- c. Pangkalan Udara Gong Kedak pada 11 Mac 2014
- d. Markas 8 Briged pada 12 hingga 13 Mac 2014

Objektif utama lawatan adalah:

- a. Menyemak dan mengemaskini penyimpanan rekod perjawatan Awam dan ATM;
- b. Menyemak perjawatan dan pengisian anggota Awam dan ATM secara terperinci supaya selaras dengan struktur organisasi dan beban tugas yang dijalankan oleh organisasi dan individu;
- c. Menyemak urusan perkhidmatan, pentadbiran dan kebajikan kakitangan awam di bawah pasukan ATM; dan
- d. Mengkaji kesesuaian perjawatan Penolong Pegawai Tadbir (PPT) sebagai Pegawai Tadbir Awam (PTA) di Markas/Briged.



Rumusan dari hasil lawatan:

**Perjawatan.** Terdapat banyak penempatan secara pentadbiran dibuat dan Perjawatan tidak selari dengan Waran Perjawatan yang berkuat kuasa serta FED (M) tidak dikemaskini. Ini menyebabkan kesukaran untuk memantau bilangan perjawatan sebenar di Markas/Briged juga Bahagian/Jabatan di Kementerian Pertahanan.

**Perkhidmatan.** Pemerhatian yang dibuat mendapati dokumen rasmi Kerajaan iaitu Buku Rekod Perkhidmatan tidak disimpan mematuhi peraturan semasa yang berkuat kuasa. Buku rekod tidak dikemaskini dan pengurusan rekod perkhidmatan tidak mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.

**Pengurusan Pejabat.** Peralatan dan kemudahan pejabat perlu dipantau dari semasa ke semasa dari segi rekod, kerosakan dan keperluan baharu.

**Modal Insan.** Hasil semakan mendapati terdapat kakitangan awam yang tidak mengikuti kursus dan latihan seperti yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang menetapkan bahawa setiap penjawat awak perlu menghadiri kursus sekurang-kurangnya selama 7 hari setahun bagi tujuan peningkatan kerjaya dan pembinaan sahsiah diri.

Warga awam dan tentera perlu mempunyai perhubungan yang harmoni agar kelancaran kerja dapat berjalan dengan baik. Hasil naziran mendapati terdapat Pegawai Tadbir Awam (PTA) yang mempunyai bidang kuasa yang besar dan luas serta tidak bersesuaian dengan jawatan dan kelayakannya.

BPSM juga telah mengadakan 3 Bengkel Perjawatan iaitu dua (2) Bengkel Perjawatan Pertahanan Darat pada 26 hingga 28 Ogos 2014 dan Bengkel Perjawatan Pertahanan Laut dan Pertahanan Udara pada 25 hingga 27 November 2014 bagi membincangkan dengan lebih mendalam hasil daripada lawatan naziran yang telah diadakan di samping menyelesaikan masalah sedia ada.

BPSM juga dalam perancangan mewujudkan 4 Mini Mindef di Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Tengah yang dirancang untuk diketuai oleh seorang PTD Gred 54. Tujuan pewujudan Mini Mindef ini adalah untuk menyelaraskan pentadbiran kakitangan awam di setiap negeri di bawah zon masing-masing agar lebih teratur dan berkesan.

## **ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)**

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Peringkat Kementerian Pertahanan telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, YB Datuk Abdul Rahim Bakri pada 7 April 2014 di Auditorium Wisma Pertahanan. Seramai 184 penerima APC telah hadir untuk menerima insentif yang ditetapkan.



## SAMBUTAN HARI KEBESARAN ISLAM

BPSM juga dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan sambutan Hari Kebesaran Islam. Antara Hari Kebesaran Islam ialah Maulidur Rasul, Israk dan Mikraj, Nuzul Al Quran dan Maal Hijrah. BPSM telah melaksanakan semua Hari Kebesaran Islam dengan mengadakan ceramah di Auditorium Wisma Pertahanan. Sambutan yang diberi oleh warga Wisma Pertahanan sangat menggalakkan.



Maal Hijrah 2014



Maulidul Rasul 2014







**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR PENGURUSAN***

Bahagian Pengurusan Maklumat



## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Selaras dengan visi Kementerian untuk menjadi sebuah organisasi pertahanan yang berwibawa bertaraf dunia, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah melaksanakan beberapa program dan projek Information Communication Technology (ICT) di sepanjang tahun 2014 seperti berikut :

- A. Pemantapan Perkongsian Dan Keselamatan Maklumat
- B. Pemantapan Infrastruktur ICT Secara Bersepadu Dan Selamat
- C. Pemantapan Dasar Dan Prosedur ICT
- D. Peningkatan Kesedaran Dan Kemahiran Ke Arah Pembudayaan ICT

### A. PEMANTAPAN PERKONGSIAN DAN KESELAMATAN MAKLUMAT

1. Pertandingan Laman Web/Portal MinDef

Pertandingan Laman Web/Portal MinDef dikendalikan oleh Jawatankuasa yang dilantik dan dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat. Ia melibatkan 10 buah Agensi/Perkhidmatan ATM di bawah MinDef yang dinilai oleh Multimedia Development Corporation (MDeC). Pertandingan ini telah berlangsung sebanyak dua (2) kali iaitu pada 17-26 Mac 2014 dan 11-14 November 2014. Pertandingan yang pertama adalah berdasarkan dua (2) kategori iaitu kategori portal dan kategori laman web. Manakala pertandingan yang kedua berdasarkan jumlah bintang yang diperolehi. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut :-

KEPUTUSAN	KATEGORI	
	PORTAL	LAMAN WEB
Tempat Pertama	MinDef	JLKN
Tempat Kedua	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	STRIDE
Tempat Ketiga	Tentera Darat Malaysia	JHEV

*Keputusan Pertandingan Laman Web/Portal Kementerian Pertahanan 2014 (Pertama)*

BIL	AGENSI/PERKHIDMATAN ATM	BINTANG	JUMLAH KRITERIA YANG DIPATUHI (31 KRITERIA)
1	Portal MinDef	5	30
2	Tentera Darat Malaysia	5	29
3	Jabatan Latihan Khidmat Negara	5	29
4	Tentera Udara Diraja Malaysia	5	28
5	Jabatan Hal Ehwal Veteran	5	28
6	Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan	5	28
7	Markas Angkatan Tentera Malaysia	5	27
8	Tentera Laut Diraja Malaysia	5	26
9	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	4	26
10	Pusat Hidrografi Nasional	4	25

Keputusan Pertandingan Laman Web/Portal Kementerian Pertahanan 2014 (Kedua)

2. Pemantapan Portal MinDef


Portal MinDef <http://www.mod.gov.my> merupakan gerbang utama dan saluran rasmi yang memperkenalkan Kementerian serta menyediakan perkhidmatan atas talian kepada orang awam terutama warga Malaysia. Ianya juga menyediakan pautan kepada Media Sosial rasmi MinDef. Portal MinDef dibina berdasarkan garis panduan dan pekeliling yang telah ditetapkan iaitu :-

- Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2006 (Pengurusan Laman Web/Portal Sektor Awam)
- *Standard, Policies and Guidelines*, MAMPU
- *Malaysia Government Portals and Websites Assessment*, MDeC





3. Perluasan Akaun Emel Kepada Semua Perkhidmatan Di Kementerian Pertahanan

Pada tahun berakhir 2014, pengguna keseluruhan akaun emel rasmi Kementerian Pertahanan telah mencecah sebanyak 6,809 akaun di mana 2,700 merupakan pengguna di perkhidmatan awam manakala sebanyak 4,109 akaun bagi perkhidmatan ATM telah diwujudkan. Pelaksanaan ini adalah untuk menyokong usaha Kementerian Pertahanan dalam mewujudkan *Connected MinDef* bagi menyediakan sistem komunikasi yang lebih cekap dan berkesan. Inisiatif ini secara langsung telah membolehkan surat rasmi kerajaan diuruskan secara elektronik selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan *paperless government* di samping memudahkan capaian ke atas maklumat yang secara langsung membolehkan proses membuat keputusan dilaksanakan dengan pantas oleh pihak pengurusan.



4. Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem Aplikasi di MinDef

NAMA SISTEM	KETERANGAN
<p><b>Sistem Tempahan Premis (ePremis)</b></p> 	<p>Sistem Tempahan Premis membolehkan semua pengguna Mindef membuat tempahan premis di Kementerian Pertahanan secara online. Tujuan utamanya adalah untuk memudahkan pengurusan tempahan premis yang diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran.</p>
<p><b>Sistem Permohonan Kuarters (eKuarters)</b></p> 	<p>Sistem Permohonan Kuarters membolehkan semua penjawat awam Mindef membuat permohonan kuarters secara online. Sistem ini telah dibangunkan pada tahun 2014 untuk memudahkan proses pemilihan pemohon yang layak oleh Bahagian Pentadbiran.</p>



NAMA SISTEM	KETERANGAN
<p style="text-align: center;"><b>Sistem Maklumat Prestasi Syarikat (SMPS)</b></p> 	<p>Sistem Maklumat Prestasi Syarikat (SMPS) dibangunkan untuk menyimpan maklumat kontraktor-kontraktor yang pernah menjalankan projek di Kementerian Pertahanan bagi mengenalpasti prestasi syarikat berdasarkan penilaian yang dibuat oleh bahagian. Seterusnya, membantu pihak pengurusan membuat keputusan dalam tawaran projek-projek di MinDef.</p>
<p style="text-align: center;"><b>Sistem Pengurusan Aduan ICT (eAduanICT)</b></p> 	<p>Sistem Pengurusan Aduan ICT adalah satu sistem pengurusan <i>helpdesk</i> yang dibangunkan secara <i>in house</i> oleh BPM. Sistem ini bertujuan untuk menguruskan aduan-aduan berkaitan ICT oleh pengguna-pengguna sistem, perkakasan dan rangkaian ICT di MinDef sahaja. Tujuan penggunaan sistem adalah untuk membantu pihak <i>helpdesk</i> di Unit Teknikal BPM dalam pengurusan harian penerimaan aduan ICT daripada warga MinDef.</p>
<p style="text-align: center;"><b>eINOVASI</b></p> 	<p>e-Inovasi merupakan sistem berasaskan web yang mengurus pendaftaran secara online bagi penyertaan Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIKP) dan juga pemarkahan oleh Panel Penilaian AIKP. Sistem ini dimiliki oleh Unit Inovasi, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS), dan telah dilancarkan pada 2 September 2014.</p>
<p style="text-align: center;"><b>ePPISA</b></p> 	<p>e-Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (ePPISA MinDef) merupakan sistem berasaskan web yang mengurus projek ICT berasaskan kepada metodologi Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPISA) oleh MAMPU. ePPISA dilancarkan pada 17 Jun 2014 yang merangkumi lapan (8) projek ICT di BPM.</p>

## B. PEMANTAPAN INFRASTRUKTUR ICT SECARA BERSEPADU DAN SELAMAT

### 1. Pemasangan *Metal Detector* Dan *Luggage Scanner* Di Pintu Masuk Wisma Pertahanan

Tujuan projek ini adalah bagi memantapkan tahap pemeriksaan fizikal bagi pelawat yang memasuki perkarangan Wisma Pertahanan. Pemasangan *metal detector* jenis *walkthrough* dan *handheld* serta *luggage scanner* melibatkan perkakasan mengikut lokasi seperti berikut :-

BIL	PERALATAN	KUANTITI
<b>A</b>	<b>Kaunter D</b>	
1	Mesin Pengimbas Beg	1
2	Mesin Pengesan Logam - <i>Walkthrough</i> - <i>Handheld</i>	1 2
<b>B</b>	<b>Lobi Wisma Pertahanan</b>	
1	Mesin Pengesan Logam - <i>Walkthrough</i> - <i>Handheld</i>	1 2
2	Rak storan barang terlarang	1

Pemasangan perkakasan telah dilaksanakan pada 18 Oktober 2014 dan pengoperasian adalah melibatkan pihak 104 Kompeni KPTD. Pihak Kementerian Pertahanan telah mendapatkan Lesen Kelas C (Radas Penyinaran) daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) bagi tujuan pemasangan *luggage scanner* di Kaunter D (lihat gambar).



2. Sasaran Nisbah Pegangan PC Bagi Kumpulan Pelaksana 1:5 Kepada 1:4


Nisbah pengagihan PC bagi kumpulan pelaksana pada masa kini adalah 1:5 (9,972 orang / 2,180 PC). Pegangan PC bagi kategori awam di MinDef buat masa ini adalah sebanyak 3,611 unit berbanding keperluan sebenar sebanyak 3,924 unit untuk menjadikan 1:4 (9,972 orang / 2,493 PC) bagi kumpulan pelaksana. Nisbah PC sebanyak 1:4 akan tercapai sekiranya perolehan sebanyak 313 PC dilaksanakan secara berperingkat.

PERKARA	BILANGAN PEGAWAI	BILANGAN PC SEDIA ADA	KEPERLUAN SEBENAR	JURANG KEPERLUAN
Pegawai Gred 27 ke atas	1,431	1,431	1,431 ( 1 : 1 )	0
Kumpulan Pelaksana / Automasi Pejabat	9,972	2,180 ( 1 : 5 )	2,493 ( 1 : 4 )	313
<b>JUMLAH</b>	<b>11,403</b>	<b>3,611</b>	<b>3,924</b>	<b>313</b>

Jadual 1 : Keperluan PC Bagi Pegawai/Kakitangan Awam MinDef

3. Inspektorat Aset ICT BPM

Inspektorat bagi peralatan ICT 2014 bagi agihan Bahagian / Cawangan serta Briged-Briged di dalam kawasan Lembah Klang telah diadakan pada 11 Ogos - 30 September 2014. Inspektorat ini melibatkan 30 lokasi dan berikut adalah statistik jumlah peralatan ICT di setiap bahagian / cawangan dan briged-briged.




STATISTIK INSPEKTORAT PERALATAN ICT BPM 2014

4. Pelupusan Aset ICT

Sepanjang tahun 2014, sebanyak empat (4) sesi pelupusan telah dilaksanakan bagi peralatan ICT yang berusia melebihi tujuh (7) tahun. Senarai sesi pelupusan adalah seperti jadual di bawah :

BIL	SESI PELUPUSAN	BILANGAN ITEM	AMAUN (RM)	TARIKH PELUPUSAN
1	Sesi 1/2014	120	604,755.00	16 Oktober 2014
2	Sesi 2/2014	88	207,342.40	
3	Sesi 3/2014	240	836,585.84	20 Januari 2015
4	Sesi 4/2014	129	509,815.10	



C. PEMANTAPAN DASAR DAN PROSEDUR ICT

1. Information Security Management System (ISMS)

Pelaksanaan ISMS di MinDef bermula pada tahun 2012 dan telah berjaya dipersijilkan oleh *Cyber Security Malaysia* pada tahun 2013. Pelaksanaan ISMS ini melibatkan empat (4) agensi di bawah MinDef iaitu BPM MinDef, BPM Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), BPM Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan Cawangan Pengurusan Maklumat (CPM) Institut Penyelidikan Sains Dan Teknologi Pertahanan (STRIDE). Skop persijilan ISMS MinDef adalah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Data.

Sepanjang tahun 2014, MinDef telah diaudit sebanyak dua kali iaitu:

- Audit Dalam dilaksanakan oleh Pasukan Audit Dalam MinDef bertarikh 5 hingga 9 Mei 2014 (BPM MinDef, JHEV dan JLKN) dan 14 Mei 2014 (STRIDE)
- Audit Luar dilaksanakan oleh Cyber Security Malaysia bertarikh 22 hingga 23 Mei 2014 (BPM MinDef, JHEV dan JLKN) dan 28 Mei 2014 (STRIDE)

Pasukan ISMS MinDef telah berjaya memperbaharui Persijilan ISMS pada 27 Jun 2014.



2. Dasar Keselamatan ICT (DKICT)

Dasar Keselamatan ICT MinDef diwujudkan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada staf, pelawat dan kontraktor mengenai peraturan, tanggungjawab dan peranan yang perlu dipatuhi dalam menggunakan aset ICT MinDef. Dasar ini mengandungi 11 bidang selaras dengan keperluan Malaysian Standard MS ISO 27001 ISMS. Pada tahun 2014, sebanyak dua (2) sesi taklimat yang telah diadakan dengan kehadiran seramai 208 kakitangan awam di MinDef yang juga telah menandatangani Surat Akuan Pematuhan DICKT MinDef.

3. Kajian Semula Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) MinDef 2011 – 2015

Mesyuarat Kerja Kajian Semula PSTM MinDef 2011 - 2015 telah diadakan di Pusat Latihan Pengaman Malaysia (PLPM) Port Dickson pada 9 hingga 12 Mac 2014. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk menilai status pelaksanaan projek yang telah dirancang dalam PSTM MinDef sepanjang 2011 hingga 2013 di samping mengkaji keperluan baru yang tidak dinyatakan dalam PSTM MinDef tetapi perlu dilaksanakan dalam tahun 2014 sehingga 2015. Sesi ini juga merupakan satu sesi percambahan fikiran bagi mengenalpasti permasalahan serta penyelesaian yang sesuai di dalam pelaksanaan ICT di MinDef.



Kajian Semula PSTM



4. Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2014 Kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi - Sistem Verifikasi Stor Secara Maya (VSSM).

Sistem Verifikasi Stor Secara Maya (VSSM) adalah sistem yang menjalankan auditan ke atas pematuhan pasukan/depot terhadap peraturan pengurusan stor, aset alih dan aset hidup kerajaan serta memberi maklumat prestasi pengurusan stor. Sistem VSSM ini menyertai Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2014 dan telah diumumkan mendapat tempat kedua bagi kategori Pengurusan Maklumat dan Komunikasi. BPM telah berjaya membawa pulang sebuah Piala Pusingan, Sijil Penghargaan dan Wang Tunai bernilai RM3000.00.



Anugerah Inovasi VSSM

## D. PENINGKATAN KESEDARAN DAN KEMAHIRAN KE ARAH PEMBUDAYAAN ICT

### 1. Perkhidmatan Kepakaran Multimedia dan Kepakaran Teknikal

Perkhidmatan Kepakaran Multimedia dan Kepakaran Teknikal merupakan antara perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). Perkhidmatan ini banyak membantu melancarkan majlis-majlis rasmi Kementerian Pertahanan. Sepanjang tahun 2014, sebanyak lebih dari 12 majlis rasmi kementerian telah dijayakan oleh Tim Multimedia dan Tim Teknikal, Bahagian Pengurusan Maklumat. Antaranya ialah Majlis Menandatangani Bajet 2014 Peringkat Kementerian Pertahanan, Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2014 Kementerian Pertahanan, Putrajaya Forum 2014, Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan (AIKP) 2014, MiDas *Talk* Anjuran MiDas dan lain-lain majlis kementerian.



Khidmat Kepakaran Multimedia

### 2. Perkhidmatan Tenaga Pengajar

Sepanjang tahun 2014, BPM telah menyediakan tenaga pengajar bagi kursus perisian ICT seperti *Microsoft Office*, *Open Office* dan *Adobe Photoshop* yang dianjurkan oleh BPSM serta Pejabat Tadbir Awam Markas dan Briged. BPM juga telah menganjurkan beberapa kursus bagi sistem aplikasi dalaman MinDef seperti Sistem MySPATA, HRMIS, Sistem VSSM, Sistem GOE EGDMS, Sistem *My Mesyuarat*, Sistem Fail Meja *Online* dan lain-lain. Seramai 950 orang peserta yang terdiri dari warga awam dan tentera telah berjaya menghadiri 59 sesi latihan dalam tahun 2014.



Khidmat Tenaga Pengajar



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR PENGURUSAN***



Bahagian Akaun



## BAHAGIAN AKAUN

### A. MAKLUMAT PENGURUSAN

Bahagian Akaun (BA) diketuai oleh Ketua Akauntan Gred JUSA C dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan iaitu Timbalan Ketua Akauntan (O) Gred W52 yang mengetuai Cawangan Operasi dan Timbalan Ketua Akauntan (P) Gred W52 yang mengetuai Cawangan Pengurusan. Terdapat dua (2) Seksyen utama di bawah kedua-dua Cawangan iaitu Seksyen Perundingan dan Seksyen Pentadbiran & Kewangan di bawah Cawangan Pengurusan manakala Seksyen Akaun dan Seksyen Bayaran di bawah Cawangan Operasi.

### B. VISI

Menjadi Pejabat Perakaunan terbilang dalam memberi perkhidmatan perakaunan yang cemerlang demi mencapai Visi Kementerian.

### C. MISI

Mengurus bayaran dan memberi perkhidmatan perakaunan dan kewangan serta maklumat pengurusan yang berkualiti bagi mencapai Visi Bahagian.

### D. OBJEKTIF BAHAGIAN AKAUN

- Memberi perkhidmatan pembayaran, terimaan dan perakaunan yang teratur, cekap dan tepat pada masanya
- Memastikan akaun dan rekod-rekod perakaunan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
- Menyediakan Penyata Akaun Awam dan laporan perakaunan/kewangan dengan tepat, teratur, cekap dan berkesan berdasarkan peraturan/tatacara yang berkuatkuasa untuk dikemukakan kepada *stakeholder* dan pelanggan
- Memastikan pelaksanaan sistem perakaunan dan kewangan kerajaan yang cekap seiring dengan perkembangan teknologi semasa
- Memberi khidmat nasihat perakaunan dan kewangan yang berkesan kepada warga kementerian yang memerlukannya dan
- Melaksanakan naziran ke atas Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagai satu langkah membantu PTJ menguruskan kewangan mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

### E. PRESTASI PEMBAYARAN BIL KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bahagian Akaun melalui Unit Maklumat Pengurusan berperanan sebagai pemantau/pelapor Prestasi Pembayaran Bil di peringkat Kementerian. Maklumat ini dilaporkan secara tetap kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebanyak dua (2) kali sebulan iaitu bagi tempoh 1 hingga 15 haribulan dan 1 hingga 28/30/31 hari bulan melalui sistem eLaporan. Laporan ini turut dipanjangkan kepada Ketua Setiausaha dan Pengurus Program serta dibuletinkan untuk makluman PTJ.

Pada tahun 2014, sejumlah 269,507 bil telah diproses dan pecahannya mengikut tempoh memproses adalah seperti di **Jadual 1**.



BILANGAN HARI	BILANGAN BIL	AMAUN (RM)	%
0 - 3 Hari	242,608	6,649,494,008.89	90.02
4 - 7 Hari	25,834	746,310,531.34	9.59
8 - 14 Hari	1,032	30,732,674.51	0.38
Lebih 14 Hari	33	1,521,611.60	0.01
<b>0 - 3 Hari</b>	<b>269,507</b>	<b>7,428,058,826.34</b>	<b>100.00</b>


Jadual 1: Jumlah Bil Mengikut Pecahan Tempoh Memproses

Manakala prestasi memproses bil mengikut program adalah seperti di **Jadual 2**.

BILANGAN HARI	JUMLAH BIL	JUMLAH (RM)	0 - 3 HARI		4 - 7 HARI		8 - 14 HARI		>14 HARI	
			BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%
Bahagian Pertahanan	25,502	3,021,129,002	23,884	90.12	2,566	9.68	49	0.18	3	0.01
Bantuan Bersama	38,908	612,029,796	34,235	87.99	4,509	11.59	159	0.41	4	0.01
Pertahanan Darat	81,446	1,088,610,533	76,477	93.90	4,834	5.94	123	0.15	12	0.01
Pertahanan Laut	43,232	1,073,511,595	40,975	94.78	2,242	5.19	9	0.02	6	0.01
Pertahanan Udara	49,866	1,158,896,883	41,083	82.39	8,298	16.64	478	0.96	7	0.01
Latihan Khidmat Negara	29,553	473,881,018	25,954	87.82	3,385	11.45	214	0.72	-	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>269,507</b>	<b>7,428,058,826</b>	<b>242,608</b>	<b>90.02</b>	<b>25,834</b>	<b>9.59</b>	<b>1,032</b>	<b>0.38</b>	<b>32</b>	<b>0.01</b>

Jadual 2: Prestasi Memproses Bil mengikut Tempoh Bagi Setiap Program

Seterusnya prestasi memproses bil secara perbandingan antara tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Carta 1**.



Carta 1: Perbandingan Prestasi Memproses Bil Bagi tahun 2013 dan 2014

Pada tahun 2014, sebanyak tujuh (7) PTJ telah berjaya mencapai 100% pembayaran bil dalam tempoh tiga (3) hari bagi setiap bulan dan telah dianugerahkan Sijil Kecemerlangan Bayaran Tahun 2014 sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Program Bajet Mengurus 2015 Kementerian Pertahanan bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan pada 16 Januari 2015. PTJ tersebut adalah seperti berikut:

1. PTJ 310801 Markas TD – Cawangan Perancangan & Pembangunan
2. PTJ 330801 Pusat Latihan Askar Wataniah, Ipoh
3. PTJ 340301 Markas 2 Divisyen, Pulau Pinang
4. PTJ 340901 Markas 5 Briged, Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu
5. PTJ 430201 KD PELANDOK, Pangkalan TLDM Lumut
6. PTJ 440601 KD SRI SEMPORNA, Pangkalan TLDM Semporna
7. PTJ 440801 Markas Angkatan Kapal Selam, Pangkalan TLDM, Kota Kinabalu

#### F. AKAUN BELUM TERIMA

Baki Akaun Belum Terima (ABT) bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM75,398,862.69 berbanding dengan tahun 2013 sebanyak RM8,237,943.55. ABT sebanyak RM54,226,475.29 telah berjaya dikutip sepanjang tahun 2014 melalui usaha dan inisiatif yang dilaksanakan di peringkat PTJ/Pemungut serta pemantauan Bahagian Akaun melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Kutipan Hasil (JPKH) dan Mesyuarat Pemantauan Tunggakan Hasil. Manakala sebanyak RM57,212.46 telah diluluskan untuk hapuskira. Ini menjadikan baki kemaskini ABT Kementerian Pertahanan pada 31 Disember 2014 berjumlah RM21,115,174.94 seperti di **Jadual 3** di bawah.

PERKARA	AMAUN (RM)	BAKI TERKINI
Baki Akhir ABT 2013	8,237,943.55	8,237,943.55
ABT 2014	67,160,919.14	75,398,862.69
Kutipan ABT 2014	(54,226,475.29)	21,172,387.40
Hapuskira 2014	(57,212.46)	21,115,174.94

Jadual 3 :Ringkasan ABT 2013 dan 2014

Senarai ABT mengikut Jabatan/Bahagian (PTJ Pemungut) dan jenis ABT adalah seperti di **Jadual 4**.

BIL	JABATAN/ BAHAGIAN	BAKI ABT SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2013 (RM)	AMAUN TAHUNAN SEMASA (RM)					BAKI ABT SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2014 (RM)
			PENINGKATAN	KUTIPAN	PENGURANGAN			
					HAPUSKIRA KSU	KSP	LAIN- LAIN(*)	
1	Bhg Perolehan	3,220,903.21	15,623,937.47	15,636,821.09	-	-	-	3,208,019.59
2	Jabatan Latihan Khidmat Negara	211,720.38	439,753.57	476,055.67	-	-	-	175,418.28
3	Markas Logistik Tentera Darat	1,412,661.06	(1,188,599.06)	197,950.40	-	-	-	26,111.60
4	Bhg Kewangan	74,024.00	940.00	1,838.00	15,980.00	-	-	57,146.00
5	Bhg Pengurusan Sumber Manusia	465,069.42	344,649.59	28,812.11	25,875.73	-	-	755,031.17
6	Bhg Pembangunan	138,428.16	-	-	-	-	-	138,428.16
7	Markas Tentera Udara	2,684,197.24	19,336,960.70	10,890,382.35	-	-	-	11,130,775.59
8	Hospital Angkatan Tentera Lumut	11,832.08	-	1,013.00	1,587.00	-	-	9,232.08
9	Bhg Akaun	17,743.00	29,489,850.60	26,973,187.67	13,769.73	-	-	2,520,636.20
10	Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan	1,365.00	-	915.00	-	-	-	450.00
11	Bhg Pentadbiran	-	78,777.37	19,500.00	-	-	-	59,277.37
12	Markas Tentera Darat	-	12,602.52	-	-	-	-	12,602.52
13	Jabatan Hal Ehwal Veteran	-	3,022,046.38	-	-	-	-	3,022,046.38
<b>JUMLAH</b>		<b>8,237,943.55</b>	<b>67,160,919.14</b>	<b>54,226,475.29</b>	<b>57,212.46</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>21,115,174.94</b>

Jadual 4: Senarai ABT Mengikut Jabatan / Bahagian

Jenis ABT tertinggi Kementerian Pertahanan adalah berpunca dari bekalan minyak pesawat berjumlah **RM10,169,880.55** yang dikendalikan oleh Markas Tentera Udara.

Perincian ABT mengikut jenis adalah seperti **Jadual 5** berikut:

BIL	JENIS ABT	BAKI SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2014 (RM)
1	Bekalan Minyak	10,169,880.55
2	Denda Pecah Kontrak	3,308,375.49
3	Pencen Terlebi Bayar	3,022,046.38
4	Bil Letrik/Air	2,482,913.58
5	Sewa Pesawat	872,744.59
6	Pecah Kontrak (Biasiswa)	644,138.63
7	Simulator	143,984.45
8	Pajakan Tanah	138,428.16
9	Gaji/Elaun Terlebi Bayar	122,870.10
10	Amanah (Pinjaman)	72,237.40
11	Sewa Bangunan	86,028.97
12	Pendahuluan Diri	49,197.14
13	Bayaran Hospital	2,329.50
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>21,115,174.94</b>

Jadual 5: Senarai ABT Mengikut Jenis Sehingga 31 Disember 2014

Jumlah ABT mengikut usia sehingga pada 31 Disember 2014 adalah seperti **Jadual 6** berikut:

BIL	JUMLAH ABT MENGIKUT USIA	AMAUN (RM)	PERATUS
1	Hingga 6 Bulan	16,424,754.50	77.77%
2	Lebih 6 Hingga 12 Bulan	322,358.78	1.53%
3	Lebih 12 Hingga 36 Bulan	168,322.06	0.80%
4	Lebih 36 Hingga 72 Bulan	2,445,847.80	11.58%
5	Lebih 72 Bulan	1,753,891.80	8.31%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>21,115,174.94</b>	<b>99%</b>

Jadual 6: Jumlah ABT Mengikut Usia seperti pada 31 Disember 2014



## G. PELAKSANAAN NAZIRAN KE ATAS SISTEM eSPKB (SISTEM PERANCANGAN & KAWALAN BELANJAWAN ELEKTRONIK)

Pasukan Naziran daripada Unit Pelaksanaan dan Naziran, Bahagian Akaun telah melaksanakan naziran ini ke atas 57 PTJ dalam Lembah Klang manakala naziran ke atas 50 PTJ luar Lembah Klang telah dilaksanakan oleh Pasukan Naziran daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri/Cawangan. Pelaporan bagi naziran ini dibuat berdasarkan Sistem Penilaian Prestasi PTJ eSPKB (SPPP) Versi 2 yang dikeluarkan oleh JANM. Ianya mengandungi 65 kriteria semakan seperti pecahan berikut:

BIL	PEMERHATIAN	BIL KRITERIA
1	WARAN PERUNTUKAN	5
2	BAUCAR BAYARAN	33
3	BAUCAR JURNAL	3
4	WARAN PERJALANAN UDARA AWAM	5
5	PEMATUHAN PANDUAN PENGGUNA eSPKB	19
<b>JUMLAH</b>		<b>65</b>

Jadual 7: Kriteria Semakan Naziran

Setiap ketidakpatuhan yang ditemui akan dilaporkan sebagai *Non Conformance Report (NCR)*. Bilangan NCR yang ditemui pada tahun 2014 mengikut Program adalah seperti di **Jadual 8**.

BIL	PROGRAM	LEMBAH KLANG		LUAR L.KLANG		JUMLAH PTJ	BIL NCR
		BIL PTJ	BIL NCR	BIL PTJ	BIL NCR		
1	PENTADBIRAN	12	210	2	294	14	504
2	BANTUAN BERSAMA	14	370	3	25	17	395
3	DARAT	18	530	21	1292	39	1822
4	MARITIM	5	171	15	1440	20	1611
5	UDARA	7	227	9	271	16	498
6	JLKN	1	113	-	-	1	113
<b>JUMLAH</b>		<b>57</b>	<b>1621</b>	<b>50</b>	<b>3322</b>	<b>107</b>	<b>4943</b>

Jadual 8: Rumusan Penemuan Naziran PTJ MinDef Mengikut Program

Senarai sepuluh (10) NCR tertinggi bagi keseluruhan PTJ di bawah Kementerian Pertahanan adalah seperti di **Jadual 9**.

BIL	JENIS	PEMERHATIAN	NCR	%	W
1	Baucar Bayaran	Dokumen sokongan dilampirkan – AP99 (a)	741	14.99	4
2	PPeSPKB	Invois/ bil/ penyata tuntutan/ Kew. 8 telah dicap 'TARIKH TERIMA' dan tiada pindaan.	581	11.75	3
3	PPeSPKB	Borang Pergerakan Dokumen eSPKB (JANM 08)/ ePerolehan digunakan/ dilengkapi/ tarikh dan tandatangan Pegawai Penyedia, Perakuan I, Perakuan II sama antara JANM 08 dan Baucar Bayaran/ Baucar Jurnal/ Waran Peruntukan/ WPUA.	289	5.85	1
4	PPeSPKB	Invois/ bil/ penyata tuntutan/ Kew. 8 telah dicap 'TARIKH TERIMA' dan tiada pindaan.	264	5.34	2
5	Baucar Bayaran	Invois/ Bil diperaku oleh Jabatan – AP99 (e) (i) atau (ii)	250	5.06	2
6	Baucar Bayaran	Tuntutan perjalanan dikemukakan sebelum atau pada 10hb. bulan berikutnya – AP100 (a).	248	5.02	1
7	Baucar Bayaran	Nombor rujukan/ tarikh invois pada Baucar Bayaran sama dengan invois/ bil/ dokumen tuntutan.	197	3.99	1
8	Baucar Bayaran	Salinan dokumen sokongan dicap 'SALINAN DIAKUI SAH' lengkap dengan tandatangan, nama dan jawatan pegawai yang diberi kuasa pada muka surat yang berkaitan – Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) 1/1983.	196	3.97	3
9	PPeSPKB	Senarai semak dicetak/ pilihan atau penandaan sama dengan dokumen sokongan/ penandaan tepat.	192	3.88	2
10	Baucar Bayaran	Tiada kesilapan pengiraan Baucar Bayaran tuntutan pegawai atau Panjar Wang Runcit (terlebih bayar) – AP102 (a) (iv).	178	3.60	4

Jadual 9: Senarai Sepuluh (10) NCR Tertinggi bagi Keseluruhan NCR PTJ di bawah Kementerian Pertahanan

Skala pemarkahan yang telah ditetapkan bagi penentuan skor adalah seperti di **Jadual 10**.

BIL	PEMARKAHAN	KLASIFIKASI PRESTASI
1	90 - 100	Cemerlang
2	80 - <90	Baik
3	65 - <80	Memuaskan
4	0 - <65	Kurang Memuaskan


Jadual 10: Skala Pemarkahan

Manakala ringkasan bilangan PTJ bagi setiap kategori pemarkahan mengikut Program adalah seperti di **Jadual 11**.

BIL	PROGRAM	PENCAPAIAN			
		CEMERLANG	BAIK	MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN
1	PENTADBIRAN PERTAHANAN	12	2	0	0
2	BANTUAN BERSAMA	15	2	0	0
3	PERTAHANAN DARAT	23	13	3	0
4	PERTAHANAN MARITIM	11	8	1	0
5	PERTAHANAN UDARA	10	6	0	0
6	JLKN	1	1	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>72</b>	<b>31</b>	<b>4</b>	<b>0</b>

Jadual 11: Kategori Pemarkahan Mengikut Program

Perbandingan pencapaian pemarkahan pada tahun 2013 dan 2014 adalah seperti di **Carta 2**.



Carta 2: Perbandingan Pencapaian Pemarkahan 2013 dan 2014

## H. PERSEDIAAN KE ARAH PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Pelaksanaan Perakaunan Akruan adalah sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi yang bertujuan untuk memantapkan pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan. JANM selaku *Lead Agency* telah dipertanggungjawabkan untuk membangun dan mempertingkatkan keupayaan serta kecekapan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan perakaunan akruan.

Di peringkat Kementerian, Bahagian Akaun telah dilantik sebagai agen peneraju bagi pelaksanaan perakaunan akruan ini. Fokus utama yang telah dilaksanakan ialah dengan memberi tumpuan kepada empat (4) aktiviti penting iaitu:

- i) Pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti,
- ii) Latihan dan aktiviti pengurusan perubahan,
- iii) Keperluan infrastruktur ICT dan rangkaian serta
- iv) Pemantapan struktur perjawatan di Bahagian Akaun dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Kesemua aktiviti utama ini dipantau oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JKPPA) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha. Penubuhan Jawatankuasa ini selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/2013. Sepanjang tahun 2014, Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali seperti yang ditetapkan di dalam KPI Pelaksanaan Perakaunan Akruan Tahun 2014 iaitu pada 7 Februari 2014 (Bil. 1/2014), 7 Mei 2014 (Bil. 2/2014), 11 Ogos 2014 (Bil. 3/2014) dan 10 November 2014 (Bil. 4/2014).

Aktiviti pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti kementerian adalah berdasarkan enam (6) komponen yang ditentukan oleh JANM. Aktiviti pengumpulan data ini adalah di bawah seliaan Jawatankuasa Kerja Pengumpulan Data (JKKPD) yang ditubuhkan di peringkat Bahagian Akaun. Status pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti sehingga 31 Disember 2014 adalah seperti **Jadual 12** berikut :

BIL	DATA	AMAUN (RM)	PERATUSAN (%)
1	Aset Alih (AA)	63,740,075.00	100
2	Aset Tak Alih (ATA)	13,476,426,893.00	57
3	Aset Dalam Pembinaan (AUC)	18,150,475,270.88	100
4	Akaun Belum Terima (ABT)	72,097,012.00	100
5	Akaun Belum Bayar (ABB)	25,703,170.00	100
6	Inventori - Masih dalam peringkat pengumpulan data		0

Jadual 12: Status Pengumpulan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti




Manakala bagi aktiviti latihan pula, tumpuan diberikan kepada latihan berkaitan Polisi Perakaunan Akruan, Overview 1GFMAS serta Latihan Hands-on 1GFMAS. 1GFMAS merupakan sistem yang akan menggantikan eSPKB dan ianya melibatkan tiga (3) modul utama iaitu :

- i) Financial Accounting & Controlling (FICO),
- ii) Material Management (MM) dan
- iii) Human Capital Management (HCM).

Latihan ini telah diberikan kepada 32 orang yang telah dilantik sebagai *trainer* 1GFMAS Kementerian Pertahanan.

Perincian Modul 1GFMAS adalah seperti **Gambarajah 1** berikut :



Gambarajah 1: Modul Aplikasi dalam 1GFMAS

Seramai 32 orang *trainers* yang telah diberikan latihan 1GFMAS akan melaksanakan tanggungjawab sebagai tenaga pengajar. Seterusnya beberapa siri Latihan 1GFMAS ini telah dipanjangkan kepada dua (2) orang wakil bagi setiap PTJ yang dilantik sebagai Expert End User (EEU). Latihan yang telah diberikan kepada EEU adalah seperti **Jadual 13** berikut :

BIL	PESERTA	TEMPOH	KEHADIRAN
1	<i>Expert End User (EEU)</i> – 2 orang pegawai bagi setiap PTJ	Modul MM - Siri 1 (8-10 September 2014) - Siri 2, 3 & 4 (22-24 September 2014) - Siri 5, 6 & 7 (29 September - 1 Oktober 2014) - Siri 8 & 9 (13-15 Oktober 2014) Modul FICO - Siri 1 (13-17 Oktober 2014) - Siri 2 hingga 9 (ditangguhkan atas Arahan JANM)	18 Orang 35 Orang 18 Orang 12 Orang 19 Orang

Jadual 13: Pelaksanaan Latihan 1GFMAS

Penyertaan adalah baik daripada semua peserta. Latihan dikendalikan oleh *trainers* kementerian dan penangguhan ke atas latihan Modul FICO Siri 3 dan seterusnya adalah disebabkan arahan pihak JANM.

Aktiviti-aktiviti bagi persediaan pelaksanaan perakaunan akruan ini melibatkan semua pihak sama ada di peringkat PTJ selaku pengguna sistem, peringkat program selaku pihak yang memantau pelaksanaan aktiviti oleh PTJ serta peringkat pengurusan atasan. Dengan komitmen yang padu dan usaha yang berterusan, pelaksanaan perakaunan akruan peringkat kementerian dapat direalisasikan dengan jayanya.



PTJ 330801 Pusat Latihan Askar Wataniah, Ipoh



PTJ 430201 KD Pelandok, TLDM Lumut



PTJ 3403010 Mks 2 Div, P.Pinang



PTJ#L-D



PTJ 440601 KD Sri Semporna, Pangkalan TLDM Semporna



PTJ 310801Mks TD Caw Perancangan & Pembangunan



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR PENGURUSAN***


Bahagian Kewangan



## BAHAGIAN KEWANGAN

### ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Bagi tahun 2014, Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan sebanyak RM16.100 bilion. Daripada jumlah tersebut, peruntukan Belanja Mengurus Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM13.355 bilion (82.95%), manakala Belanja Pembangunan pula sebanyak RM2.744 bilion (17.05%). Pecahan peruntukan Kementerian Pertahanan bagi tahun 2014 mengikut Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan adalah seperti Carta 1.



Carta 1  
Pecahan Peruntukan Bajet Kementerian Pertahanan Bagi Tahun 2014

Peruntukan Belanja Mengurus Tahun 2014 Kementerian Pertahanan menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.384 bilion (11.56%) berbanding peruntukan tahun 2013 berjumlah RM11.970 bilion. Sebanyak RM6,719.6 juta (50.31%) daripada jumlah peruntukan tersebut merupakan peruntukan bagi emolumen, manakala RM6,635.77 juta (49.69%) adalah peruntukan bukan emolumen.

### PRESTASI BELANJA MENGURUS

Bagi tahun 2014, peruntukan kementerian juga telah disekat sebanyak RM234.3 juta menjadikan peruntukan keseluruhan Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM13.121 bilion.


### PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS MENGIKUT DASAR

Prestasi perbelanjaan berdasarkan perbandingan antara peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus Mengikut Dasar bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 1** dan **Carta 2**.

BIL	DASAR	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	BAKI (RM)
1	Dasar Sedia Ada	11,452,940,070.00	11,417,496,410.32	99.69	35,443,659.68
2	Program Khusus	432,382,300.00	431,570,159.54	99.81	812,140.46
3	Dasar Baru	847,439,200.00	846,624,482.79	99.90	814,717.21
4	Dasar One-Off	388,267,430.00	383,050,923.00	98.66	5,216,507.00
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>13,121,029,000.00</b>	<b>13,078,741,975.65</b>	<b>99.68</b>	<b>42,287,024.35</b>

Jadual 1  
Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2014 Mengikut Dasar





Carta 2  
Perbandingan Peruntukan dan Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2014 Mengikut Dasar

## PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGURUS MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN

Prestasi perbelanjaan berdasarkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut jenis perbelanjaan bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 2**.

BIL	JENIS PERBELANJAAN	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	BAKI (RM)
1	Emolumen	6,730,799,157.00	6,729,026,791.10	99.97	1,772,365.90
2	Perkhidmatan & Bekalan	5,705,487,576.00	5,678,391,149.43	99.53	27,096,426.57
3	Aset	572,810,930.00	559,781,556.04	97.73	13,029,373.96
4	Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	108,145,799.00	107,814,753.14	99.69	331,045.86
5	Perbelanjaan – Perbelanjaan lain	3,785,538.00	3,727,725.94	98.47	57,812.06
	<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>13,121,029,000.00</b>	<b>13,078,741,975.65</b>	<b>99.68</b>	<b>42,287,024.35</b>

Jadual 2  
Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus tahun 2014 Mengikut Jenis Perbelanjaan

### PRESTASI PERBELANJAAN BELANJA MENGRUS MENGIKUT PROGRAM

Prestasi perbelanjaan berdasarkan perbandingan peruntukan dan perbelanjaan Belanja Mengurus mengikut Program bagi Tahun 2014 adalah seperti di Jadual 3.

BIL	Program	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	%
1	Pentadbiran Pertahanan	562,463,200.00	561,631,041.88	99.85
2	Bantuan Bersama	1,169,603,700.00	1,168,959,128.21	99.94
3	Pertahanan Darat	4,848,966,100.00	4,844,231,540.74	99.90
4	Pertahanan Maritim	2,056,888,470.00	2,046,021,580.74	99.47
5	Pertahanan Ruang Udara	2,233,295,000.00	2,220,392,163.75	99.42
6	Latihan Khidmat Negara	581,723,600.00	576,260,955.00	99.06
7	Khusus	432,382,300.00	431,570,159.54	99.81
8	Dasar Baru	847,439,200.00	846,624,482.79	99.90
9	Dasar One-Off	388,267,430.00	383,050,923.00	98.66
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>13,121,029,000.00</b>	<b>13,078,741,975.65</b>	<b>99.68</b>

Jadual 3  
Prestasi Perbelanjaan Belanja Mengurus Tahun 2014 Berakhir 31 Disember 2014 Mengikut Program

## PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH AP58 (a)

Jumlah kelulusan AP58 (a) yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM13,607,743.87. Butiran terperinci pembayaran di bawah AP58 (a) mengikut program adalah seperti di Jadual 4.

BIL	PROGRAM	BIL. KES	PERMOHONAN (RM)	KELULUSAN (RM)	BAYARAN (RM)	BAKI (RM)
1	Pentadbiran Pertahanan	16	5,535,947.27	5,535,947.27	5,535,947.27	0
2	Bantuan Bersama	17	1,457,948.61	1,457,948.61	1,457,948.61	0
3	Pertahanan Darat	2	78,421.65	78,421.65	78,421.65	0
4	Pertahanan	0	-	-	-	-
5	Pertahanan Ruang Udara	14	4,057,136.33	4,057,136.33	4,057,136.33	0
6	Latihan Khidmat Negara	27	2,548,250.96	2,478,290.01	2,478,290.01	69,960.95
<b>JUMLAH</b>		<b>76</b>	<b>13,677,704.82</b>	<b>13,607,743.87</b>	<b>13,607,743.87</b>	<b>69,960.95</b>

Jadual 4  
 Kelulusan Pembayaran di bawah AP58 (a)

## PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN DI BAWAH AP59

Jumlah kelulusan AP59 yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan sehingga 31 Disember 2014 adalah sebanyak RM2,769,499.13. Butiran terperinci pembayaran di bawah AP59 mengikut program adalah seperti di Jadual 5.

BIL	PROGRAM	BIL. KES	PERMOHONAN (RM)	KELULUSAN (RM)
1	Pentadbiran Pertahanan	2	341,380.00	341,380.00
2	Bantuan Bersama	1	88,035.13	88,035.13
3	Pertahanan Darat	1	261,836.21	261,836.21
4	Pertahanan Maritim	1	2,078,247.79	2,078,247.79
5	Pertahanan Ruang Udara	0	-	-
6	Latihan Khidmat Negara	0	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>5</b>	<b>2,769,499.13</b>	<b>2,769,499.13</b>

Jadual 5  
 Kelulusan Pembayaran di bawah AP59

## LAPORAN ASET TAHUNAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Butiran terperinci aset Kementerian Pertahanan berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 6**.

BIL	JENIS ASET	BAKI PADA 31 DISEMBER 2014 (RM)
1	Aset Alih	45,717,785,357.01
2	Aset Haiwan	6,646,422.40
3	Aset Tumbuhan	7,238,208.51
4	Aset Ikan	0.00
5	Stok	28,632,886,396.10
<b>JUMLAH</b>		<b>74,364,556,384.02</b>

\*Tidak termasuk stok peluru dan letupan

Jadual 6  
Nilai Aset Kementerian Pertahanan Tahun 2014

## LAPORAN PELUPUSAN ASET KEMENTERIAN PERTAHANAN

Butiran terperinci Laporan Pelupusan Aset Kementerian Pertahanan berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 7**.

BIL	JENIS ASET	BIL. PERMOHONAN	BIL. TELAH DILULUSKAN	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	KAEDAH PELUPUSAN		
					JUALAN (RM)	HADIAH (RM)	MUSNAH (RM)
1	Aset Alih	3,705	3,705	833,480,857.28	614,523,492.89	61,513,063.44	155,505,350.44
2	Aset Haiwan	2	2	327,308.00	-	-	327,308.00
3	Aset Tumbuhan	8	8	198,222.50	-	-	198,222.50
4	Aset Ikan	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>3,715</b>	<b>3,715</b>	<b>834,006,387.78</b>	<b>614,523,492.89</b>	<b>61,513,063.44</b>	<b>156,030,880.94</b>

Jadual 7  
Nilai Pelupusan Aset Kementerian Pertahanan Tahun 2014



## LAPORAN ePEROLEHAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Jumlah transaksi melalui Sistem ePerolehan berakhir 31 Disember 2014 adalah seperti di **Jadual 8**.

BIL	PROGRAM	BIL. PTJ	BIL. TRANSAKSI	JUMLAH PESANAN KERAJAAN (LO) (RM)
1	Pentadbiran Pertahanan	13	3,605	49,073,789.50
2	Bantuan Bersama	17	12,116	240,994,877.50
3	Pertahanan Darat	39	17,550	794,565,743.87
4	Pertahanan Maritim	20	20,364	716,315,459.73
5	Pertahanan Ruang Udara	16	13,665	184,633,576.40
6	Latihan Khidmat Negara	1	1,718	62,528,569.88
<b>JUMLAH</b>		<b>106</b>	<b>69,018</b>	<b>2,048,112,016.88</b>

Jadual 8  
 Jumlah Transaksi ePerolehan Tahun 2014

## PROSEDUR KUALITI DI BAHAGIAN KEWANGAN

Terdapat tujuh (7) prosedur kualiti MS 9001:2008 di Bahagian Kewangan seperti **Rajah 1**.

BIL.	PROSEDUR	NO. RUJUKAN PROSEDUR
1	PENYEDIAAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS	PK(O).KPM.BK.01
2	PEMANTAUAN PRESTASI BELANJA MENGURUS	PK(O).KPM.BK.02
3	MEMPROSES KELULUSAN PERBELANJAAN	PK(O).KPM.BK.03
4	PENGURUSAN TUNTUTAN BAYARAN BIL	PK(O).KPM.BK.04
5	VERIFIKASI STOR	PK(O).KPM.BK.05
6	PENGURUSAN PELUPUSAN ASET	PK(O).KPM.BK.06
7	KEHILANGAN DAN HAPUSKIRA	PK(O).KPM.BK.07

Rajah 1  
 Prosedur Kualiti Bahagian Kewangan

## SENARAI LATIHAN / KURSUS DI BAHAGIAN KEWANGAN

Berikut merupakan senarai latihan / kursus yang telah dianjurkan oleh Bahagian Kewangan untuk pegawai dan kakitangan di bahagian ini pada tahun 2014:

BIL	SENARAI KURSUS	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN SIRI 1/2014	26-28 FEB	40
2.	KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN SIRI 2/2014	18-21 MAC	50
3.	BENKEL <i>TRAINING OF TRAINERS</i> STOR BESTARI MINDEF	8-10 APR	35
4.	KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN SIRI 3/2014	15-18 APR	40
5.	SEMINAR <i>ZERO FINANCIAL MISMANAGEMENT</i> (ZFM)	16-17 JUN	30
6.	KURSUS AKAUNTABILITI KEWANGAN 2014	18-20 JUN	33
7.	KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN REKOD SIRI 1	12-15 OGOS	50
8.	KURSUS PENGURUSAN FAIL DAN REKOD SIRI 2	9-12 SEPT	40
9.	KURSUS KESEJAHTERAAN MODAL INSAN SIRI 1, 2 & 3	14, 24 & 27 OKT	120

Senarai Kursus Yang Dianjurkan Oleh Bahagian Kewangan Bagi Tahun 2014



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***SEKTOR PENGURUSAN***

Bahagian Pentadbiran



## BAHAGIAN PENTADBIRAN

Bahagian Pentadbiran (BP) merupakan bahagian yang bertanggungjawab menyediakan khidmat sokongan yang cekap dan berkesan kepada semua warga awam dan tentera yang bertugas di Wisma Pertahanan. Terdapat tiga (3) cawangan dan satu (1) seksyen di BP iaitu:

- 1) Cawangan Logistik
- 2) Cawangan Belanjawan dan Kewangan
- 3) Cawangan Penyelenggaraan Bangunan, dan
- 4) Seksyen Pengurusan Rekod.

BP diketuai seorang Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh dua (2) orang Ketua Penolong Setiausaha, seorang Jurutera Kanan dan seorang Pegawai Arkib.

BIL	PERKARA	BILANGAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Induk Keselamatan Mindef (Urus Setia Bersama Sek. Mk ATM)	1 kali
2.	Mesyuarat Kebersihan	4 kali
3.	Mesyuarat Pengurusan Kafeteria	3 kali
4.	Mesyuarat Penyelarasan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan	1 kali

Selain itu, Cawangan Logistik (CL) juga menyelaras lawatan audit/ inspektorat seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH
1.	Inspektorat Keselamatan Perlindungan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) Wilayah Persekutuan	19 Jun 2014

Sepanjang tahun 2014, CL bertindak sebagai nadi utama untuk beberapa majlis/program rasmi peringkat Kementerian. Di antara majlis/program peringkat Kementerian yang turut melibatkan penyertaan warga Mindef dari Jabatan/Bahagian/Unit adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM / MAJLIS	TARIKH	TEMPAT
1.	Perhimpunan Perutusan Tahun 2014 Menteri Pertahanan	25 Februari 2014	Wisma Perwira ATM
2.	Mesyuarat Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan Bil. 2/2014	13 Mac 2014	Auditorium Mindef
3.	Majlis Berbuka Puasa Kementerian Pertahanan bersama YB Menteri Pertahanan	22 Julai 2014	Masjid Khalid Al-Walid
4.	Majlis Perjumpaan YB Menteri Pertahanan Sempena Hari Raya Aidilfitri	13 Ogos 2014	Dewan Seroja





Gambar 1. Projek Naiktaraf Seni Taman bersebelahan pintu masuk utama Wisma Pertahanan.



Gambar 2. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) mempengerusikan Exit Conference Inspektorat Keselamatan Perlindungan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) Wilayah Persekutuan



Gambar 3. Majlis Berbuka Puasa Kementerian Pertahanan



Gambar 4. Tetamu di Majlis Perjumpaan YB Menteri Pertahanan sempena Hari Raya Aidilfitri.

## CAWANGAN BELANJAWAN DAN KEWANGAN

Cawangan Belanjawan dan Kewangan, Bahagian Pentadbiran adalah Pengurus Program Pentadbiran Pertahanan, Pengurus PTJ Bahagian Pentadbiran dan pusat memproses bayaran gaji dan elaun bagi 19 pusat pembayaran gaji di Kementerian Pertahanan. Sebagai pengurus Program dan PTJ, cawangan ini telah berjaya mengadakan mesyuarat yang telah ditetapkan dalam pekeliling yang sedang berkuatkuasa sekarang. Mesyuarat tersebut adalah:

BIL.	PERKARA	BILANGAN
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Peringkat Program Pentadbiran Pertahanan	4 kali
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) Peringkat Pusat Kos	4 kali
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Peringkat Program Pentadbiran Pertahanan	4 kali

## PRESTASI PERBELANJAAN

Pencapaian prestasi perbelanjaan PTJ Bahagian Pentadbiran bagi tahun 2014 adalah sebanyak 93.00% dari peruntukan sebanyak RM81,146,300.00. Prestasi perbelanjaan secara terperinci adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM/AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%
1.	Dasar Sedia Ada	56,075,300.00	52,386,667.78	93.4
2.	Projek <i>One Off</i>	20,500,000.00	20,496,493.00	99.98
3.	Dasar <i>One Off</i> Luar Negara	9,571,000.00	7,231,847.62	75.56
<b>PRESTASI KESELURUHAN</b>		<b>81,146,300.00</b>	<b>80,115,008.40</b>	<b>93.00</b>

CBK juga menganjurkan kursus pengurusan kewangan bagi mendidik warga Kementerian mengenai tatacara perolehan dan pengurusan kewangan yang efektif seperti berikut:

BIL	PROGRAM/MAJLIS	TARIKH	TEMPAT
1.	Kursus Pengurusan Kewangan (Program Pertahanan)	27-30 Mei 2014	New York Hotel, Johor Bahru
		8-10 Oktober 2014	Avilion Admirol Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan
2.	Kursus Pengurusan Kewangan (Pusat Kos)	22-24 September 2014	Avilion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan

## KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN PTJ



Gambar 5. Peserta-peserta kursus sedang mendengar ceramah yang disampaikan



Gambar 6. Peserta-peserta Kursus Pengurusan Kewangan di Avilion Admirol Cove, Negeri Sembilan



## CAWANGAN PENYELENGGARAAN BANGUNAN

Tugas dan tanggungjawab untuk menyelenggara infrastruktur bangunan Wisma Pertahanan diletakkan di bawah Cawangan Penyelenggaraan Bangunan (CPB). Kawasan sekeliling Wisma Pertahanan yang dikenali sebagai Kompleks Wisma Pertahanan turut menyediakan beberapa kemudahan seperti bangunan tempat letak kereta bertingkat, auditorium, surau, padang kawad, balai pengawal, bilik komputer, kafeteria dan lain-lain.

## PROJEK PENINGKATAN BANGUNAN WISMA PERTAHANAN

Bagi memastikan infrastruktur bangunan Wisma Pertahanan ini sentiasa selesa, selamat dan terkini, pelbagai usaha penambahbaikan dan senggara dilaksanakan sepanjang tahun 2014. Antara projek yang dilaksanakan adalah:

- 1. Kerja-kerja membuka, membaiki dan memasang baru kemas dinding, lantai dan siling serta kerja-kerja berkaitan di Bilik Bunga Raya Tingkat 5, Wisma Pertahanan, Kuala Lumpur.**

Kerja menaiktaraf kemas dalaman di Bilik Mesyuarat Bunga Raya.




Sebelum



Selepas

- 2. Kerja-kerja pemasangan skrin tv bagi 2 unit lif vip jenis schindler di Wisma Pertahanan**

Kerja pemasangan TV Informasi di dalam Lif VIP.



Sebelum



Selepas

### 3. Kerja-kerja penggantian switchgear 33kv di pencawang pengagihan utama di Jalan Buku Lima

Penggantian Switchgear 33kV Vacuum Circuit Breaker (VCB) yang lama kepada jenis Switchgear 33kV Gas Circuit Breaker (GCB).



Sebelum - Switchgear 33kV Vacuum Circuit Breaker (VCB)



Selepas - Switchgear 33kV Gas Circuit Breaker (GCB)

## SEKSYEN PENGURUSAN REKOD

Sebelum Oktober 2013, fungsi pengurusan rekod diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dengan nama Unit Urus setia, Kewangan dan Pendaftaran. Walau bagaimanapun setelah fungsinya berkembang, Seksyen Pengurusan Rekod (SPR) diwujudkan dan diletakkan di bawah pengurusan Bahagian Pentadbiran.

SPR bertanggungjawab menyimpan, menguruskan peminjaman dan pemulangan fail peribadi pegawai dan kakitangan awam, melaksanakan pelupusan rekod mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia dan membuat persediaan ke arah pelaksanaan projek *Digital Document Management System* (DDMS).

Berikut adalah laporan aktiviti SPR:

BIL.	AKTIVITI	MAKLUMAT PELAKSANAAN
1.	<b>Pelupusan Rekod</b>	SPR telah melaksanakan sebanyak empat (4) sesi pelupusan rekod. Sebanyak 380 unit fail telah dimusnahkan dan 688 unit fail dan buku perkhidmatan dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia untuk simpanan kekal.
2.	<b>Bengkel Klasifikasi Fail Fungsian</b>	Penyediaan klasifikasi fail fungsian merupakan salah satu pra-syarat pelaksanaan projek DDMS. Tujuannya adalah untuk menyeragamkan kod klasifikasi fail di seluruh Kementerian.  Bengkel berkenaan telah dilaksanakan pada 18 November 2014 di Arkib Negara Malaysia yang disertai seramai 20 orang pegawai dari setiap bahagian.
3.	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Rekod</b>	Mesyuarat ini berjaya dilaksanakan sebanyak 3 kali bagi membincangkan perkara berkaitan pengurusan rekod Kementerian. Seramai lebih 20 orang Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) hadir mesyuarat ini.
4.	<b>Kursus Pengurusan Rekod dan Fail</b>	SPR telah mengadakan Kursus Pengurusan Rekod dan Fail sebanyak dua (2) kali iaitu pada 22-24 April 2014 dan 28-30 Oktober 2014.
5.	<b>Lawatan Khidmat Nasihat</b>	SPR berjaya melaksanakan lawatan khidmat nasihat sebanyak empat (4) kali iaitu di Maktab Turus Angkatan Tentera pada 6 Mei 2014, Markas Logistik Tentera Udara pada 28 Mei 2014, MiDAS pada 18 Jun 2014 dan Bahagian Pembangunan pada 1 Julai 2014.



### GAMBAR AKTIVITI PELUPUSAN REKOD DI KEM SUNGAI BULOH PADA 6 MAC 2014



Gambar 7.  
Pegawai-pegawai SPR sedang melaksanakan pengasingan rekod yang telah cukup tempoh simpanan untuk dibuat pelupusan.



Gambar 8.  
Kakitangan SPR sedang memasukkan kotak berisi fail peribadi yang telah cukup tempoh simpanan ke dalam bas untuk dibawa balik ke Wisma Pertahanan

### GAMBAR AKTIVITI PELUPUSAN REKOD DI SEKSYEN PENGURUSAN REKOD (SPR) PADA 10 MAC 2014



Gambar 9.  
Kakitangan SPR sedang merincih rekod yang telah diberi kebenaran pelupusan dari Arkib Negara Malaysia

## KEJAYAAN DAN PENGIKTIRAFAN

BP telah menempa kejayaan dan menerima beberapa pengiktirafan dalam tahun 2014. Antara kejayaan yang diperolehi adalah:

1. Tempat Ketiga Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kementerian Pertahanan 2014;
2. Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam Kementerian Pertahanan Siri 1/2014 - Zon Terbaik;
3. Pengauditan Ekosistem Kondusif Sektor Awam Kementerian Pertahanan Siri 1/2014 - Ahli Zon Terbaik; dan
4. Pengiktirafan 4 Bintang bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti (AIMS).



Gambar 10.  
Puan Siti Normah binti Abdul Aziz, Setiausaha Bahagian menerima Sijil Pejabat Terbaik Tempat ke 3 Tahun 2014 dari Timbalan Menteri Pertahanan



Gambar 11.  
Puan Maslinda bt Saad menerima Anugerah Zon Terbaik dari TKSU (Pembangunan)



Gambar 12.  
Encik Mohamad Sofie bin Mohamad Isa menerima Anugerah Ahli Zon Terbaik.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN***

Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan  
(STRIDE)





# INSTITUT PENYELIDIKAN SAINS & TEKNOLOGI PERTAHANAN (STRIDE)

STRIDE adalah sebuah Jabatan dalam Kementerian Pertahanan yang berfungsi untuk memberi sokongan dan pemindahan Sains dan Teknologi Pertahanan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan memberi penekanan kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan pertahanan di samping perkhidmatan teknikal di dalam bidang sains dan teknologi pertahanan.

## 1. R&D

### 1.1 R&D Pertahanan

Sepanjang 2014 warga STRIDE masih meneruskan pelaksanaan untuk menyiapkan projek-projek penyelidikan pertahanan yang telah diluluskan untuk Rancangan Malaysia Ke-10. Beberapa aktiviti R&D tersebut dipaparkan di bawah.




Pengujian kesan perubahan kuasa isyarat GPS terhadap ketepatan bacaan GPS



Pemasangan RC Aircraft



Pengujian Aerostat



Latihan Penerbangan Pesawat Airship



High Fibre Energy Bars menyertai pameran DSA 2014





## 2. Perkhidmatan Teknikal

Khidmat teknikal kepada MinDef, Angkatan Tentera Malaysia dan sektor keselamatan lain terus diberi keutamaan sepanjang 2014, dan pencapaian aktiviti-aktiviti ini adalah seperti di **Jadual 1** di bawah:

AKTIVITI	PENCAPAIAN
Pembangunan dan Pengesahan Spesifikasi Perolehan Pertahanan	348 permohonan
Ujian Makmal dan Medan	881 ujian
Penilaian Teknikal	145 permohonan
Penyiasatan Kegagalan dan Kajian Kes	22 kes penyiasatan

Jadual 1: Pencapaian Aktiviti Sokongan Teknikal STRIDE 2014

### 2.1 Spesifikasi Pertahanan

Penglibatan STRIDE dalam perolehan pertahanan bermula dari peringkat penyediaan dan pengesahan spesifikasi sehingga pengujian dan penerimaan bahan serta pelupusannya.

Selaras dengan peranannya itu, Sistem Maklumat Status Spesifikasi (SisMaSS) yang digunakan untuk memantau proses pengesahan spesifikasi telah ditingkatkan dengan penambahan modul arkib. Modul ini membenarkan pengguna untuk membuat rujukan terhadap spesifikasi yang telah diluluskan.

The screenshot displays the user interface of the 'SISTEM MAKLUMAT STATUS SPESIFIKASI' (SisMaSS). The interface includes a header with the STRIDE logo and the title 'SISTEM MAKLUMAT STATUS SPESIFIKASI STRIDE, Kementerian Pertahanan Malaysia'. Below the header, there is a search form with the following fields: 'No. Daftar' (input field), 'Status Spesifikasi' (dropdown menu), 'Nama Spesifikasi' (input field), 'Bahagian Bertanggungjawab' (dropdown menu), and 'Julat Tarikh Terima Surat Permohonan di CPAKS' (date range selector with 'Mula' and 'Hingga' fields). A 'CARI REKOD ARKIB SPESIFIKASI' button is located below the search fields. At the bottom, there is a table titled 'SENARAI ARKIB SPESIFIKASI' with columns for 'No.', 'No. & Nama Spesifikasi', 'Tarikh Terima Surat di CPAKS', 'Bahagian Bertanggungjawab & Tarikh Fikar Ke Bahagian', 'Nama Sekretariat', 'Pegawai', and 'Nama Pengirim'.

Modul Arkib dalam Sistem Maklumat Status Spesifikasi (SisMaSS)

## 2.2 Ujian, Penilaian, Penyiasatan dan Kalibrasi

Jumlah pengujian makmal dan medan, penilaian teknikal serta penyiasatan bertambah berbanding dengan tahun sebelumnya. Beberapa aktiviti tersebut dilaporkan di sini:



Aktiviti penyiasatan kemalangan pesawat Agusta di Kem Mahkota, Kluang



Ujian tembakan dan ujian makmal bagi peluru 7.62mm TUDM



Bantuan teknikal STRIDE untuk Eksesais Panah Jaguar Siri 1/2014 di Tanjung Logok, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim



Pengukuran & pengujian pintasan elektronik bersama Pusat Peperangan Elektronik (PPE) TLDM Lumut



Pengukuran frekuensi di sekitar Lumut



### 2.3 Agensi Teknikal Perundangan Negara

STRIDE meneruskan penglibatannya dengan beberapa perundangan negara sepanjang 2014 iaitu agensi teknikal bahan kimia jadual 1 Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005, agensi meneraju draf rang undang-undang Konvensyen Senjata Biologi dan Toksin serta agensi teknikal Akta Perdagangan Strategik 2010.



*Kursus Precautionary Measures In Responding To Biological Agents and Toxin*



*Seminar Akademi Kebangsaan "Biothreats and Biorisk: Bridging Science and Security"*



*Seminar Sea Dragons 2014 "Southeast Asia Discussion on Biothreats and Biosecurity: Multisectoral Regional Coordination"*



*Mesyuarat Kejasama Teknikal STRIDE-CBEP*



### 3. Akreditasi Makmal MS ISO/IEC 17025:2005

Setelah melebihi empat puluh enam tahun beroperasi, kini STRIDE mengorak maju ke hadapan dengan memperolehi pengiktirafan dari badan profesional bagi kerja-kerja pengujian dan kalibrasi makmal yang dilakukan selama ini.

STRIDE memperolehi persijilan MS ISO/IEC 17025:2005 dengan nombor SAMM 585 untuk 37 skop pengujian dari lapan makmal. Pengiktirafan MS ISO/IEC 17025:2005 ini membuktikan sistem pengurusan ujian dan kalibrasi yang dijalankan oleh makmal-makmal STRIDE adalah kredibel dan kompeten malah diiktiraf oleh agensi antarabangsa.

Skop pengujian EMC yang menggunakan *Military Standard* hanya terdapat di STRIDE sekaligus menaikkan STRIDE sebagai satu-satunya agensi di Malaysia yang berupaya memberikan perkhidmatan pengujian yang menepati piawaian pertahanan antarabangsa.



Penyampaian sijil oleh Menteri Pertahanan kepada Ketua Pengarah STRIDE dan disaksikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan

### 4. PRESTASI KEWANGAN 2014

#### 4.1 Belanja Mengurus (OE)


Bagi tahun kewangan 2014, STRIDE diperuntukkan Belanja Mengurus sejumlah RM 4,663,900.00. Jumlah ini telah bertambah dari peruntukan dasar sedia ada asal pada tahun 2013 bagi menampung kos selenggara bangunan baru fasa dua kompleks Induk STRIDE.

Agihan peruntukan adalah seperti di Jadual 2, manakala Rajah 1 menunjukkan pencapaian perbelanjaan STRIDE sebanyak 94.23%, satu pencapaian prestasi perbelanjaan cemerlang bagi peruntukan Belanja Mengurus tahun 2014.



BIL	OBJEK SEBAGAI		PERUNTUKAN 2014
1	21000	Perjalanan dan Sara Hidup	547,000.00
2	23000	Perhubungan dan Utiliti	153,000.00
3	24000	Sewaan	160,000.00
4	25000	Bahan Makanan dan Minuman	16,000.00
5	26000	Bekalan Bahan Mentah/Alat Ganti	247,000.00
6	27000	Bekalan Am/Bahan Lain	350,000.00
7	28000	Penyelenggaraan dan Pembaikan	2,399,500.00
8	29000	Perkhidmatan Dibeli	791,400.00
<b>JUMLAH</b>			<b>4,663,900.00</b>

Jadual 2: Pecahan Peruntukan mengikut Objek Sebagai



Rajah 1: Prestasi Perbelanjaan mengikut Objek Sebagai.

#### 4.2 Akaun Amanah Penyelidikan & Pembangunan (R&D) STRIDE 2014

Akaun Amanah Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) STRIDE memulakan tahun kewangan 2014 dengan baki bawa ke hadapan sebanyak RM 767,668.14, manakala sejumlah RM 919,997.51 dicatatkan pada akhir tahun berakhir pada 31 Disember 2014. Maklumat terperinci adalah seperti **Jadual 3** di bawah.

1	Baki 01 Januari (RM)	767,668.14
2	Jumlah terimaan (RM)	179,819.37
3	Jumlah perbelanjaan	(27,490)
4	Baki 31 Disember (RM)	919,997.51

Jadual 3: Butiran Akaun Amanah R&D STRIDE 2014

## 5. PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

### 5.1 Bahagian Teknologi Maritim Lumut

Pembinaan Kompleks Teknologi Maritim Lumut telah siap pada tahun 2014 dan aktiviti perpindahan telah dijalankan pada 16-18 Jun 2014.



Aktiviti-aktiviti perpindahan



Fasiliti baru, luas dan selesa di bangunan baru.



Pengujian halaju bunyi dalam air menggunakan Pulse Echo Measurement System



Mencari saiz grain dengan menggunakan Optical Microscope



Pengujian viscosity



## 6. PEMBANGUNAN MODAL INSAN

### 6.1 Pengurusan Tertinggi

Tahun 2014 menyaksikan beberapa perubahan dalam pasukan pengurusan STRIDE apabila tampuk kepimpinannya bertukar tangan selepas setahun. Ekoran itu beberapa pegawai kanan dinaikkan pangkat untuk mengambil alih kekosongan yang berlaku.



Hari terakhir Dr Roslan Bin Abdul Aziz, mantan Ketua Pengarah



Tn Haji Ismail bin Mat Daud diraikan sebagai Ketua Pengarah baru STRIDE

### 6.2 Kursus Dalam

Sepanjang tahun 2014 STRIDE telah menganjurkan 12 kursus/bengkel/latihan merangkumi pelbagai bidang teknikal dan bukan teknikal.



Kursus Penyiasatan Kemalangan Pesawat 4/2014



Seminar Direct Digital Manufacturing (3-D Printer)



Bengkel Kesedaran, Keselamatan & Kesihatan Pekerja



Bengkel Kerjasama STRIDE dan DEFTECH



Kursus Differential Scanning Calorimetry



Taklimat Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)



### 6.3 Kursus Luaran

Warga STRIDE juga diberi peluang menghadiri kursus, seminar dan bengkel luaran.



International Crashworthiness Conference 2014 di Kuching, Sarawak



MiDAS Talk 7/2014 di Hotel Prince, Kuala Lumpur



Mesyuarat dan Bengkel Halatjuju Strategik, Pencapaian & Sasaran Kerja Tahunan Kementerian Pertahanan Tahun 2014/2015 di Avillion Legacy, Melaka

### 6.4 Majlis Pelbagai

STRIDE menganjur pelbagai majlis, taklimat dan perjumpaan termasuk majlis-majlis berikut dalam tahun 2014



Sambutan Hari STRIDE



Majlis Berbuka Puasa STRIDE



Sambutan Hari Raya



Majlis Korban MinDef dan STRIDE



### 6.5 Lawatan

Warga STRIDE telah membuat lawatan ke beberapa agensi kerajaan dan swasta seperti yang tertera.



Kulitkraf Sdn Bhd, Petaling Jaya, Selangor



Pangkalan Udara Subang



Pusat Penyenyap Kapal



Lembaga Tembakau



Loji Penyahgaraman Air Lubok Samsu



Jabatan Pendaftaran Negara

STRIDE juga menerima kunjungan pelawat-pelawat seperti yang tertera.



Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia



Polis DiRaja Malaysia



Pusat Latihan Peperangan Elektronik



Lawatan dari KD Pelanduk ke Kompleks Persenjataan



Lawatan dari KD Sultan Idris ke Kompleks Maritim



*Pakistan Navy War College*



*Delegasi Itali*



*Delegasi China*





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN***

Jabatan Latihan Khidmat Negara  
(JLKN)





## JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) merupakan Jabatan yang ditubuhkan untuk merancang, melaksanakan dan memantau serta menilai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejajar dengan keputusan Kabinet dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003 yang diberi kuasa kepada JLKN untuk mengendali Program Latihan kepada setiap remaja yang berumur 18 hingga 35 tahun. Sejak ditubuhkan pada 15 Oktober 2003 sehingga tahun 2014, JLKN telah melaksanakan 11 siri dan melahirkan lebih 832,712 pelatih PLKN di seluruh negara.

### MAJLIS LATIHAN KHIDMAT NEGARA

Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN) adalah bertanggungjawab bagi melaksanakan fungsi yang diberikan di bawah Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Majlis bertanggungjawab untuk menasihati menteri tentang segala perkara yang berhubung dengan Latihan Khidmat Negara.

Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut dan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor menteri :

- Seorang pengerusi
- Lima orang anggota yang mewakili Kerajaan, dan
- Tidak kurang daripada tiga orang tetapi tidak lebih daripada lima orang, anggota lain yang hendaklah terdiri daripada wakil kaum-kaum yang utama di Malaysia.

BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1	YB. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN HAJI MOHD HARUN NARRASHID PENGERUSI MLKN	30 OGOS 2013 - 29 OGOS 2016
2	YBHG. DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI AHMAD KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PERTAHANAN	15 JULAI 2013 - 25 DISEMBER 2014
3	YBHG. DATUK JAMIL BIN SALLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA	15 JULAI 2013 - 25 DISEMBER 2014
4	YBHG. DATUK FARIDA BT MOHD ALI KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN	28 OKTOBER 2013 - 27 OKTOBER 2016
5	YBHG. DATUK DR.MADINAH BINTI MOHAMAD KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	28 OKTOBER 2013 - 27 OKTOBER 2016
6	YBHG. DATUK HENRYNUS AMIN IBU PEJABAT PARTI BERSATU SABAH	2 JUN 2013 - 1 JUN 2016
7	YBHG. PUAN ANI ANAK SOLEP WAKIL BUMIPUTERA SARAWAK	1 JUN 2013 - 1 JUN 2016



BIL	AKTIVITI	PENCAPAIAN
8	YBHG. DATUK MEGAT FIRDOUZ BIN TAN SRI MEGAT JUNID WAKIL KAUM MELAYU	6 JANUARI 2013 - 5 JANUARI 2016
9	YBHG. DATUK MURUGESAN A/L SINNANDAVAR WAKIL KAUM INDIA	6 JANUARI 2013 - 5 JANUARI 2016
10	WAKIL KAUM CINA (KOSONG)	

## BAHAGIAN PENGURUSAN PELATIH

### PEMILIHAN, PENEMPATAN DAN REKOD

Pelaksanaan Panggilan Pelatih Siri 11/2014

Jumlah panggilan pelatih bagi Siri 11/2014 telah ditetapkan sebanyak 150,000 orang iaitu 28.50% daripada jumlah keseluruhan 526,280 kelahiran remaja pada tahun 1996. Daripada jumlah 150,000 orang, Pengurusan Pelatih telah melaksanakan proses pemilihan pelatih berdasarkan pecahan jantina dan kaum.

Pecahan jantina bagi lelaki adalah sebanyak 55% dan perempuan adalah sebanyak 45%. Disamping itu, pecahan bagi kaum Bumiputera adalah sebanyak 60%, Cina sebanyak 28%, India sebanyak 10% dan lain-lain kaum 2%.

### BAHAGIAN PRASARANA

Memastikan perkhidmatan prasarana, kemudahan latihan dan perkhidmatan sajian di Kem PLKN mematuhi Garis Panduan yang ditetapkan dan mencapai prestasi minimum 80 peratus serta berdasarkan kepada piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Aktiviti Bahagian sepanjang tahun 2014 :

1. Taklimat Penyediaan Keperluan Infrastruktur ICT, pada 17 April 2014 bertempat di Auditorium Aras 1, Bangunan Zetro, JLKN.
2. Bengkel semakan telah diadakan pada 26-28 Mei 2013 di Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan.
3. Panduan pemakanan dan keselamatan makanan di kem PLKN
  - Bengkel Pemurnian Menu bagi PLKN pada 24 Februari 2014 hingga 26 Februari 2014 di Hotel Pantai Puteri Melaka ;
  - Bengkel Pemurnian Menu bagi PLKN pada 27 hingga 30 Mei 2014 di Hotel TH Kelana Jaya, Petaling Jaya; dan

- Bengkel Penambahbaikan Resepi Menu Vegetarian PLKN pada 10 hingga 14 November 2014 di INTEKMA Resort & Convention Centre, Shah Alam.
4. Penaiktarafan kem-kem PLKN bagi memenuhi GPM 2008 pindaan 2013.
  5. *Goods And Service Tax (GST)*.
  6. EKSA.

## **BAHAGIAN OPERASI**

### **EKSESAIS SIMULASI KLIA 2**

- Eksekais Simulasi KLIA 2 telah diadakan pada 12 April 2014 bertempat di Terminal KLIA 2, Sepang, Selangor yang dianjurkan oleh Malaysia Airlines Berhad (MAB). Eksekais ini melibatkan seramai 3000 orang Pelatih dan Jurulatih PLKN dari 11 kem PLKN sekitar Negeri Sembilan, Selangor dan Perak.
- Program ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan Malaysia (Memangku), YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein dan turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), YBhg Dato' Abdul Hadi Awang Kechil.
- Eksekais ini merupakan raptai penuh bagi persediaan pembukaan rasmi KLIA 2 pada Mei 2014 dan bertujuan memberi pendedahan kepada pelatih PLKN tentang prosedur pelepasan dan ketibaan di Lapangan Terbang.

### **TAKLIMAT PDRM KEM PLKN 2014**

- Dilaksanakan pada 7 Februari 2014 bertempat di Wisma Transit, Kompleks Transit, Kem KEMENTAH, Kuala Lumpur.
- Taklimat ini bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan penugasan semua anggota PDRM yang ditempatkan di 80 buah kem PLKN di seluruh negara.

### **LAWATAN DELEGASI KEMENTERIAN PERTAHANAN REPUBLIK SUDAN KE KEM PLKN JUGRA, BANTING, SELANGOR**

Delegasi dari Kementerian Pertahanan Republik Sudan telah mengadakan lawatan ke Kem PLKN Jugra, Banting, Selangor pada 29 Oktober 2014 bertujuan untuk mengenali Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Lawatan delegasi tersebut ditemani oleh Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Encik Rozainor Bin Ramli dan Penolong Pengarah Kanan Bahagian Operasi. Kumpulan delegasi tersebut telah dibawa melawat ke sekitar kawasan kem.

### **LAWATAN PESERTA SEMINAR "THE DYNAMIC OF YOUTH AND TERRORISM" ANJURAN "SOUTH EAST ASIA REGIONAL CENTRE FOR COUNTER-TERRORISM (SEARCCT)"**

Pada 19 Jun 2014, peserta Seminar "The Dynamic Of Youth And Terrorism" anjuran "South East Asia Regional Centre For Counter-Terrorism (SEARCCT)" telah melawat persekitaran Kem PLKN Princess Haliza, Sg Pelek, Sepang. Lawatan tersebut telah ditemani oleh YBhg Dato' Abdul Hadi Awang Kechil, Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pelatih PLKN menunjukkan demonstrasi memasak dan membakar lemang kepada peserta seminar.

### LAWATAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA & SUKAN BRUNEI DARUSSALAM KE KEM PLKN SERI PERKASA MANTIN, NEGERI SEMBILAN

Pada 23 Mei 2014, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) telah menerima kunjungan hormat daripada Menteri Kebudayaan, Belia & Sukan Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdulah ke Kem PLKN Seri Perkasa Mantin, Negeri Sembilan. Delegasi ini disambut baik oleh Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), YBhg Dato' Abdul Hadi bin Awang Kechil. Kunjungan hormat tersebut bertujuan untuk mengetahui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang dijalankan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan mengeratkan hubungan antara Malaysia dan Brunei Darussalam.

### LAWATAN KERJA MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA KE KEM PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA SRI PERKASA, MANTIN, NEGERI SEMBILAN

Pada 5 Januari 2014, YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kem Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ke Kem PLKN Sri Perkasa, Mantin, Negeri Sembilan. Beliau ditemani oleh YB. Datuk Noor Ehsanuddin bin Haji Mohd Harun Narrashid, Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara (MLKN), YBhg. Dato' Abdul Hadi Awang Kechil, Ketua Pengarah Jabatan Latihan Khidmat Negara. YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein telah memberikan ucapan dan meluangkan masa beramah mesra bersama pelatih-pelatih PLKN Kumpulan 1 Siri 11/2014 yang baru melapor diri di kem. Beliau juga telah membuat lawatan ringkas ke sekitar kawasan kem PLKN Sri Perkasa, Mantin, Negeri Sembilan.


### LATIHAN KEBAKARAN DI KOMPLEK BANGUNAN ZETRO

Pada 29 Mei 2014, kesemua kakitangan terlibat dalam satu latihan kebakaran yang telah diadakan di Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN), Komplek Bangunan Zetro. Dalam plan latihan tersebut, kakitangan JLKN bergegas keluar dari bangunan dan menyusur ke tempat pengumpulan bagi melapor diri ke bahagian masing-masing. Salah seorang daripada kakitangan diminta menjalankan watak sebagai 'mangsa kebakaran' untuk diselamatkan oleh Pegawai Bomba yang terlatih. Justeru itu, mereka kemudian diarahkan berkumpul di padang untuk sesi taklimat ringkas dan demo kebakaran. Tujuan latihan kebakaran ini dijalankan adalah bagi langkah persediaan kepada kakitangan untuk menangani situasi. Latihan ini dipandu dan dipantau oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

### BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN

#### ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Bagi tahun 2014, Kementerian Pertahanan telah meluluskan peruntukan Belanja Mengurus bagi Program Latihan Khidmat Negara dan telah menerima waran sebanyak **RM701,220,000.00**. Daripada jumlah tersebut, peruntukan untuk Aktiviti Pengurusan adalah sebanyak **RM51,314,240.00** atau **7.61%** daripada jumlah keseluruhan peruntukan Jabatan, manakala peruntukan untuk Aktiviti Latihan pula adalah sebanyak **RM649,905,760.00** atau **92.39%**. Pecahan peruntukan Program Latihan Khidmat Negara bagi Tahun 2014 adalah seperti berikut:




CARTA : PECAHAN PERUNTUKAN BAJET PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA TAHUN 2014

## BAHAGIAN URUSETIA DAN KHIDMAT PELANGGAN LAPORAN KHIDMAT PELANGGAN JLKN TAHUN 2014

### Perkhidmatan Melalui Telefon


Jumlah panggilan telefon yang telah diuruskan oleh Pusat Panggilan JLKN sepanjang tahun 2014 adalah sebanyak **114,376** panggilan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **72,731** adalah merupakan panggilan masuk dan **41,645** adalah sambungan panggilan keluar. Perincian jumlah panggilan yang diuruskan oleh Pusat Panggilan adalah seperti di **Rajah 1**:



Rajah 1: Jumlah Panggilan Yang Diuruskan Oleh Pusat Panggilan JLKN Pada Tahun 2014

### Perkhidmatan Melalui Kaunter

Seramai **7,741** orang pelanggan yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat telah mengunjungi Kaunter Khidmat Pelanggan JLKN sepanjang tahun 2014. Perincian jumlah pelanggan tersebut adalah seperti di **Rajah 2** berikut:




Rajah 2: Jumlah Pengunjung Ke Kaunter Khidmat Pelanggan JLKN Pada Tahun 2014



**Pengendalian Maklum Balas Pelanggan Menerusi Emel**  
 (emel: pelanggan@khidmatnegara.gov.my)

Jabatan telah menerima sebanyak **7,782** maklum balas daripada pelanggan yang dimajukan melalui emel sepanjang tahun 2014. Maklum balas ini termasuklah aduan, cadangan, penghargaan ataupun pertanyaan kepada Jabatan. Perincian jumlah maklum balas pelanggan tersebut adalah seperti di **Rajah 3** berikut:



Rajah 3: Jumlah Maklum Balas Daripada Pengunjung Menerusi Laman Web

**Perkhidmatan Melalui Hari Bertemu Pelanggan (HBP)**

JLKN telah menganjurkan program HBP sebanyak tujuh (7) kali sepanjang tahun 2014. Jumlah pengunjung sepanjang program HBP berkenaan adalah seramai 2,061 orang. Maklumat terperinci mengenai HBP yang telah dianjurkan adalah seperti berikut:

BIL	TARIKH	TEMPAT	JUMLAH PENGUNJUNG
1	29 - 30 Mac 2014	Centre Point, Kota Kinabalu, Sabah	217 orang
2	26 - 27 April 2014	Aeon Bukit Tinggi, Klang, Selangor	312 orang
3	24 - 25 Mei 2014	Terminal One Seremban, Negeri Sembilan	577 orang
4	22 - 23 Jun 2014	City Plaza Alor Setar, Kedah	360 orang
5	27 - 28 Sept 2014	Berjaya Megamall, Kuantan, Pahang	203 orang
6	25 - 26 Okt 2014	Kota Sri Mutiara Mall, Kota Bahru, Kelantan	123 orang
7	29 - 30 Nov 2014	Angsana Johor Bahru Mall, Johor	269 orang
<b>JUMLAH</b>			<b>2,061 orang</b>

## BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Pelaksanaan pameran-pameran bagi mempromosikan JLKN dan aktiviti-aktiviti Khidmat Negara yang dijalankan sepanjang tahun 2014.

BIL	PAMERAN	ANJURAN	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PELAWAT
1	Pameran Kempen Keselamatan Jalan Raya Peringkat Kebangsaan Sempena Perayaan Tahun Baru Cina 2014	JKJR	Terminal Bersepadu, Bandar Tasek Selatan	28 Jan 14	71
2	Karnival Kementerian Pengajian Tinggi - Sarawak	Kementerian Pengajian Tinggi	CityOne Megamall, Kuching	5 - 6 April 2014	386
3	Karnival Kementerian Pengajian Tinggi - Selangor	Kementerian Pengajian Tinggi	Universiti Putra Malaysia (UPM)	5 - 6 April 2014	528
4	Karnival Kementerian Pengajian Tinggi - Sabah	Kementerian Pengajian Tinggi	1Borneo Hypermall, Kota Kinabalu	12 - 13 April 2014	557
5	Karnival Kementerian Pengajian Tinggi - Perlis	Kementerian Pengajian Tinggi	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	12 - 13 April 2014	595
6	Hari Informasi dan Pameran Kerjaya 2014	Unit Bimbingan dan Kaunseling SMKBPJA	SMK Bandar Puchong Jaya A	24 April 2014	96
7	Hari Terbuka Armada dan Karnival 1Mindef	TLDM & MINDEF	Pangkalan TLDM Lumut, Perak	26 - 27 April 2014	96
8	Karnival Hari Belia Negara 2014	Kementerian Belia dan Sukan	Persiaran Perdana Putrajaya	23 - 25 Mei 2014	810
9	Karnival Kementerian Pengajian Tinggi - Johor	Kementerian Pengajian Tinggi	PERSADA Johor, Johor Bharu	16 - 17 Ogos 2014	513
10	Pameran Aset Kerajaan sempena Minggu Merdeka	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	Perkarangan Tempat Letak Kereta Stadium Merdeka, Kuala Lumpur	28 Ogos - 1 Sept 2014	308
11	Karnival Semarak Komuniti 1 Malaysia (K1M) Peringkat Negeri Perak	Jabatan Penerangan Perak	Dataran Pavilion Kuala Kangsar, Perak	25 - 26 Okt 2014	247

BIL	PAMERAN	ANJURAN	TEMPAT	TARIKH	JUMLAH PELAWAT
12	Program Karnival Mega Kembara Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDA)	SMK Subang	Laman Al-Irsyad, SMK Subang	30 Okt 2014	84
13	Mini Karnival 1 Mindef	MINDEF	The Summer Shopping Mall, Kota Samarahan, Sarawak	28 - 30 Nov 2014	237
<b>JUMLAH PELAWAT KESELURUHAN</b>					<b>4528</b>

## BAHAGIAN SUKARELAWAN DAN ALUMNI

*National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dijadikan sebagai pemangkin kepada pelaksanaan aktiviti atau program kesukarelaan. Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah melaksanakan 4 inisiatif utama di bawah NBOS iaitu Khidmat Komuniti, Sukarelawan SUKMA 2014, Sukarelawan Pelancongan, dan Sukarelawan Keselamatan Jalan Raya.

### Inisiatif pertama – Khidmat Komuniti

JLKN telah merangka 39 program kesukarelaan yang dijalankan sepanjang tahun 2014. Program-program komuniti yang melibatkan pelatih, bekas pelatih PLKN yang lebih dikenali sebagai Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) dan Skwad Muda JLKN ini merangkumi aspek seperti Kemasyarakatan dan Sosial, Projek, Alam Sekitar, Gaya Hidup Sihat, Kejiranan dan Sukan. Setiap negeri akan melaksanakan 2 - 4 program Khidmat Komuniti dan 2 Program di peringkat Kebangsaan bagi tahun ini. Setiap program akan melibatkan kerjasama dengan agensi luar seperti Skwad Muda KDN, JPAM, Rela, PDRM, NGO, iM4U, KPDKK, Pihak Berkuasa Tempatan serta pelbagai agensi lain.

### Inisiatif kedua – Sukarelawan SUKMA

SUKMA ke-17 yang berlangsung di Negeri Perlis mulai 8 Feb sehingga 4 Jun 2014 telah selesai dilaksanakan dengan menyaksikan pencapaian unjuran mencecah 119.5%. Seramai 5,378 sukarelawan telah terlibat di dalam menjayakan SUKMA ke - 17 bermula dengan acara Larian Baton yang dilaksanakan pada setiap minggu bermula pada 08 Februari 2014 meliputi 15 DUN di Negeri Perlis sehinggalah pada 20 Mei 2014. Seramai 330 Sukarelawan telah terlibat dalam persembahan padang sempena Majlis Perasmian SUKMA ke-17 di Stadium Utama Negeri, Perlis pada 26 Mei 2014 dan Majlis Penutup SUKMA ke-17 pada 4 Jun 2014. Selain itu, Sukarelawan juga turut terlibat dalam menjayakan acara perahu layar dengan penglibatan Sukarelawan seramai 330 orang.

### Inisiatif ketiga – Sukarelawan Pelancongan

Tahun 2014 merupakan Tahun Melawat Malaysia yang dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dan pelbagai acara telah diatur bagi menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara untuk datang dan menghayati keindahan negara kita. Dari sudut pendidikan, pelancongan dilihat dapat menjadi strategi bagi mendidik generasi sekarang dan akan datang untuk menghargai dan mencintai alam semula jadi, warisan sejarah negara, kebudayaan dan institusi kemasyarakatan di negara kita. Peningkatan pelancong dari dalam dan luar negara juga boleh mencipta pelaburan-pelaburan baru dan meningkatkan

ekonomi Negara. Justeru, bagi menyumbang kepada pembangunan negara serta meningkatkan ilmu dan pengalaman, JLKN telah memilih untuk menjadi Sukarelawan Pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Berikut merupakan jadual yang menyaksikan penglibatan keseluruhan Sukarelawan dari Jabatan bagi acara-acara berbentuk pelancongan. Sehingga Jun 2014, pencapaian Jabatan adalah berjumlah 71% dengan menyumbang tenaga bakti seramai 4,258 sukarelawan dengan menggunakan 34,064 jam.

### Inisiatif Keempat – Sukarelawan Keselamatan Jalan Raya

Kadar kemalangan jalan raya pasti akan meningkat apabila tiba waktu perayaan utama yang disambut negara. Sehubungan itu, sukarelawan BSKN telah diatur gerak bersama-sama dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya di seluruh negara untuk menjalankan kempen keselamatan jalan raya yang diadakan sebanyak 3 kali setahun iaitu sewaktu perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa dan Deepavali. Kempen keselamatan yang dijalankan adalah di kawasan tol-tol utama dan kawasan tertentu dengan memberikan peringatan keselamatan jalan raya melalui pengedaran risalah, pelekat keselamatan serta pemberian topi keledar percuma kepada penunggang motosikal yang memerlukan. Selain itu, tugas-tugas lain yang berkaitan keselamatan jalan raya akan turut melibatkan sukarelawan dari JLKN iaitu pelatih-pelatih PLKN dan juga ahli BSKN.

Selain itu, Kempen Keselamatan Jalan Raya turut diaplikasikan oleh pelatih semasa melalui pelaksanaan modul baru yang telah diperkenalkan. Sehingga kini, lebih 60,000 pelatih melalui 81 kem-kem PLKN telah terlibat dengan modul keselamatan jalan raya ini dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR).







**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN***

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM  
(JHEV)



## JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM (JHEV)

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM atau JHEV telah ditubuhkan pada 11 Oktober 2000. Ia telah diletakkan di bawah pentadbiran Kementerian Pertahanan Malaysia. JHEV telah memulakan operasi secara rasminya pada 1 Januari 2001 dengan berlokasi di Medan Tuanku, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Objektif utama Jabatan ini adalah untuk membantu para pesara Angkatan Tentera Malaysia dalam meningkatkan taraf sosioekonomi setelah menamatkan perkhidmatan dalam ATM.

Antara fungsi penubuhan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini adalah seperti berikut:

1. Menggubal dasar bagi melindungi kepentingan di samping mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan kebajikan Veteran ATM.
2. Merancang dan melaksanakan Skim Bantuan Kebajikan dan Pendidikan JHEV seperti berikut :
  - o Bantuan Sara Hidup
  - o Bantuan Persekolahan
  - o Bantuan Peralatan Pesakit
  - o Bantuan Kemasukan Ke Institusi Pengajian Tinggi
  - o Bantuan Bencana Alam.
3. Memantau pelaksanaan kursus/latihan, Pra Latihan Peralihan, Latihan Peralihan dan Pasca Latihan Peralihan yang dikendalikan oleh PERHEBAT.
4. Membantu Veteran ATM mendapatkan pekerjaan di sektor awam dan swasta.
5. Membantu mendapatkan peluang dan kemudahan dalam bidang keusahawanan serta menyelaraskan khidmat bantuan dari jabatan dan agensi Kerajaan berkaitan.
6. Mengurus dan memantau faedah-faedah persaraan dan tuntutan bayaran balik perubatan Veteran ATM.
7. Memupuk dan mengekalkan kesedaran orang awam terhadap sumbangan dan pengorbanan Veteran ATM.

### SKIM-SKIM BANTUAN KEBAJIKAN JHEV

#### a) Bantuan Sara Hidup

Bantuan sara hidup adalah bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada Veteran ATM bagi meringankan beban sara hidup veteran dan tanggungan yang uzur, daif dan lain-lain berdasarkan kelayakan mengikut Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan. Kadar bantuan maksimum yang diberi kepada veteran ATM adalah sebanyak RM300.00 sebulan. Pada tahun 2014, seramai 5,287 orang veteran ATM, balu dan tanggungan telah diberikan bantuan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM7,777,856.15 atau 51% dari keseluruhan perbelanjaan di bawah skim kebajikan.

#### b) Bantuan Persekolahan

Bantuan persekolahan adalah bantuan yang diberi kepada veteran ATM yang kurang mampu untuk membiayai pelajaran anak-anak sama ada di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah mengikut kelayakan. Bantuan ini hanya layak untuk seorang anak bagi satu keluarga. Bagi tahun 2014, seramai 1,464 orang penerima skim ini berjumlah RM936,200.00 iaitu 6% daripada keseluruhan perbelanjaan.

### c) Bantuan Kemasukan Ke Universiti Awam (UA)/POLITEKNIK

Sebagai memberi galakan dan motivasi kepada anak-anak veteran ATM, Jabatan juga menyediakan bantuan kewangan berbentuk pemberian secara *one-off* kepada anak-anak Veteran ATM yang berjaya melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat Diploma ataupun Ijazah Pertama mengikut kelayakan. Bantuan ini juga diberi sebagai tanda pengucapan tahniah sekaligus membantu meringankan beban kewangan Veteran ATM ketika pendaftaran kemasukan. Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM5,818,000.00 kepada 4,709 orang penerima atau 38% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.

### d) Bantuan Peralatan Pesakit

Di bawah Skim Bantuan Peralatan Pesakit, sebanyak RM515,717.30 telah dibelanjakan oleh Jabatan bagi membeli peralatan pesakit kepada Veteran ATM, balu dan tanggungan yang memerlukan. Bantuan ini adalah dalam bentuk peralatan bantuan sokongan seperti kerusi roda, katil dan sebagainya. Di bawah skim ini, sebanyak 449 orang penerima telah diberi bantuan iaitu sebanyak 3% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.

### e) Bantuan Bencana Alam

Bantuan Bencana Alam diberikan kepada Veteran ATM yang mengalami kerosakan pada struktur rumah milik sendiri akibat bencana alam seperti kebakaran, banjir dan lain-lain. Jabatan telah memperuntukkan sebanyak RM136,140.00 yang melibatkan 68 orang veteran iaitu sebanyak 0.9% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.

## PROGRAM PENGIKTIRAFAN VETERAN 1MALAYSIA

Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia merupakan satu inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang diwujudkan semasa Persidangan Strategi Lautan Biru Kebangsaan pada 22 Jun 2012 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Program ini adalah di bawah kelolaan Kementerian Pertahanan dan dipertanggungjawabkan pelaksanaannya kepada Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM.

Program ini bertujuan untuk membantu Veteran ATM supaya dapat berdaya saing dan menyumbang kepada pembangunan negara setelah tamat perkhidmatan. Objektif utama program ini adalah untuk melaksanakan program-program bantuan khas serta meningkatkan taraf sosioekonomi Veteran ATM.

Sebanyak tujuh sub inisiatif telah digariskan iaitu Program Membaikpulih Rumah 1Malaysia, Program Pusat Sehati 1Malaysia, Program Penempatan Kerja Veteran 1Malaysia, Bantuan Keusahawanan, Program Keluarga Veteran 1Malaysia, Meningkatkan Penerimaan Latihan PERHEBAT oleh Industri dan Kad "Privilege" 1Malaysia.

## PROGRAM MEMBAIK PULIH RUMAH VETERAN 1MALAYSIA

Inisiatif ini bertujuan untuk membaik pulih rumah sedia ada dan membina rumah baru untuk Veteran ATM. Ini melibatkan pembiayaan dan pelaksanaan kerja di antara Kementerian Pertahanan dan Rejimen Askar Jurutera Diraja ATM.

Matlamat utama program ini adalah untuk menyediakan kediaman yang selesa dan kondusif untuk Veteran di bawah paras kemiskinan. Pecahan statistik penerima rumah untuk tahun 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Baik Pulih	Bina Baru	Jumlah
2014	121	50	171

## PUSAT SEHENTI VETERAN 1MALAYSIA

Pusat Sehenti 1Malaysia telah diwujudkan di 31 buah kem dan pangkalan tentera dan bersifat sebagai "One-Stop Centre" bagi mendapatkan informasi berkaitan faedah persaraan dan aktiviti semasa Jabatan termasuk menyediakan khidmat nasihat dan bantuan yang disediakan kepada Veteran ATM.

Pada 3 Oktober 2013, YB Menteri Pertahanan telah melancarkan Pangkalan Udara Butterworth Pulau Pinang sebagai salah sebuah Pusat Sehenti 1Malaysia. Justeru itu, kesemua 30 kem dan pangkalan yang lain telah diiktiraf sebagai Pusat Sehenti 1Malaysia. Kedudukan dan taburan kem atau pangkalan adalah seperti jadual berikut:

NEGERI	KEM/ PANGKALAN
PERLIS	KEM ORAN, ARAU
KEDAH	KEM LAPANGAN TERBANG (MSS SG. PETANI)
PULAU PINANG	PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH KEM SG. ARA (2 RSD)
PERAK	BN 3 REJ 503 (AW), TELUK INTAN PANGKALAN TLDM LUMUT (KD MALAYA)
W.P KL/ SELANGOR	KEM TRANSMITTER, SUNGAI BESI (74 SSD) KEM PAYA JARAS, SUNGAI BULOH (RPS) REJIMEN TUDM JUGRA, BANTING BN 3 REJ 502 (AW), SABAK BERNAM PANGKALAN UDARA LABUAN
NEGERI SEMBILAN	KEM SYED SIRAJUDDIN, GEMAS (Mk GARISON GEMAS) KEM SIRUSA, PORT DICKSON (MSS PORT DICKSON)
MELAKA	KEM TERENDAK (Mk GARISON TERENDAK)



JOHOR	KEM MAHKOTA, KLUANG (MSS KLUANG) KEM TEBRAU, JOHOR BAHRU (Bn 1 REJ 501 AW) KEM MUAR (Bn 2 REJ 501 AW) KEM SRI PANTAI, MERSING (Bn 3 REJ 501 AW)
KELANTAN	KEM BATU MELINTANG, JELI (2 RS) KEM BATU 11, TANAH MERAH (1 RS)
TERENGGANU	KEM BATU KUANG, KEMAMAN (Bn 3 REJ 512 AW) KEM SRI PANTAI, KUALA TERENGGANU (18 RAMD)
PAHANG	PANGKALAN UDARA KUANTAN KEM LIPIS, KUALA LIPIS (8 RAMD) KEM BATU 3, TEMERLOH (MSS TEMERLOH)
SABAH	KD SRI SANDAKAN KEM KUKUSAN, TAWAU (REJ 516 AW)
SARAWAK	KEM PAKIT, SRI AMAN (13 RAMD) KEM OYA, SIBU (3 RRD) KEM SRI MIRI, MIRI (20 RAMD) KEM KUALA SEGAN, BINTULU (Bn 2 REJ 510 AW)

## PROGRAM PENEMPATAN KERJA VETERAN

Program ini adalah bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan kedua kepada Veteran ATM terutama kepada Veteran Tidak Berpencen. Ini melibatkan pelbagai sektor seperti Kerajaan, pihak swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan. Antara sektor syarikat berkaitan Kerajaan dan swasta yang terlibat adalah Sime Darby, Bousted, Prasarana Berhad dan Giant Sdn Bhd.

Badan Kerajaan lain yang memberi peluang pekerjaan kepada Veteran ATM adalah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

## BANTUAN KEUSAHAWANAN

Program ini melibatkan pemberian bantuan kewangan berbentuk pinjaman kecil bagi Veteran ATM yang berhasrat memajukan perniagaan mereka. Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPM-UV-ATM) telah diwujudkan melalui kerjasama dengan TEKUN, PERHEBAT dan JHEV dengan menyediakan pinjaman kecil Usahawan Veteran ATM.



## PROGRAM KELUARGA VETERAN 1MALAYSIA

Program ini bertujuan membebaskan isi rumah berpendapatan rendah dari dibelenggu kemiskinan dan mampu memperolehi pendapatan melalui bidang keusahawanan.

Salah satu program yang dijalankan adalah Program 1AZAM dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

## MENINGKATKAN PENERIMAAN LATIHAN PERHEBAT OLEH INDUSTRI

Inisiatif ini direka untuk mempertingkatkan taraf dan mutu kursus serta latihan yang ditawarkan oleh PERHEBAT melalui pengakreditasi oleh badan akreditasi tempatan atau luar negara selain menambah baik modul kursus dan latihan melalui kajian bagi meluaskan peluang pekerjaan Veteran ATM.

Peningkatan kerjasama terhadap kursus dan latihan telah dilaksanakan melalui PERHEBAT, Kementerian Sumber Manusia dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

PERHEBAT sebagai peneraju untuk inisiatif ini telah mengadakan perjanjian persefahaman dengan pelbagai agensi swasta dan syarikat antarabangsa bagi membolehkan bakal pesara/ pelatih mendapatkan latihan yang diiktiraf. PERHEBAT juga telah melaksanakan kerjasama bersama kolej dan universiti tempatan bagi menawarkan kursus bertaraf eksekutif diploma dan program berasaskan “*knowledge transfer*”.


## KAD “PRIVILEGE” 1MALAYSIA

JHEV telah berkolaborasi dengan Kementerian Kewangan dan KPDNKK bagi memberikan diskaun kepada Veteran ATM daripada syarikat-syarikat sektor peruncitan dan perkhidmatan tempatan. Kad Bekas Tentera ATM telah diiktiraf sebagai Kad “*Privilege*” 1Malaysia dan keistimewaan ini telah dipanjangkan oleh 2,155 rakan dagang seluruh Malaysia kepada Veteran ATM.

## FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN


Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) berperanan untuk mengurus dan memantau proses pembayaran faedah-faedah persaraan pegawai dan anggota ATM. Faedah Persaraan merangkumi faedah-faedah perkhidmatan, faedah kematian dan faedah hilang upaya. Selain itu, Bahagian Pencen juga melaksanakan pelarasan pencen dan kemudahan perubatan kepada Veteran ATM.

### 1. Faedah Perkhidmatan dan Hilang Upaya



## 2. Faedah Kematian

### JUMLAH PENERIMA DAN AMAUN PERBELANJAAN BAGI FAEDAH KEMATIAN 2014




## 3. Pelarasan Pencilan

BIL	KES	KES SELESAI	FAEDAH	PERUNTUKAN TERLIBAT (RM)
1.	Hitung Semula Faedah Persaraan	2,590	Pencilan	1,912,284.45
			Ganjaran	6,973,308.78
			FGCR	1,443,724.61
2.	Pelarasan 2 %	1,602	Pencilan	731,359.14

Jadual 1 : Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Pelarasan Pencilan tahun 2014


#### 4. Kemudahan Perubatan

##### i. Tidak Berpencen



Graf 1: Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Perubatan Tidak Berpencen 2014

##### ii. Berpencen



Graf 2 : Jumlah Penerima dan Perbelanjaan Perubatan Berpencen tahun 2014



## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Dalam usaha mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan di JHEV, Sistem VIBES (Veteran Integrated and Benefits System) dan Sistem VETIS (Veteran Information System) telah dibangunkan. Sistem VIBES merupakan sistem teras yang memproses pembayaran pencen dan faedah-faedah perkhidmatan Veteran berpencen digunapakai secara bersama oleh JHEV dan Jabatan Arah Rekod dan Pencen (JRP). Sistem VIBES dibangunkan pada 2009 dan telah mula beroperasi sepenuhnya di JRP bermula Disember 2011. Selain itu berperanan mengawal selia dan memantau portal rasmi JHEV.

## YAYASAN VETERAN ATM

### Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM Tidak Berpencen Dan Tanggungan (BMJ)

Salah satu skim bantuan kebajikan Yayasan Veteran ATM ialah Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM yang tidak berpencen dan tanggungan (pasangan atau anak) yang telah meninggal dunia. Bantuan ini diberikan selaras dengan Bantuan Mengurus Jenazah Veteran ATM yang berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM berkuatkuasa 10 Oktober 2010. Jumlah bantuan ini adalah sebanyak RM3,000 bagi Veteran ATM Tidak Berpencen dan RM1,500 bagi Pasangan atau anak (berumur 18 tahun ke bawah atau 21 tahun ke bawah bagi yang masih belajar dan anak di dalam kategori orang kurang upaya).

Berikut ialah jumlah pembayaran BMJ bagi tahun 2014:

Jumlah (Orang)	Jumlah (RM)
<b>2,094</b>	<b>4,894,500.00</b>

### Sumbangan Perayaan Yayasan Veteran ATM

Yayasan Veteran ATM juga menyampaikan sumbangan kepada Veteran ATM serta keluarga sempena menyambut hari perayaan. Penerima yang layak menerima sumbangan ini terdiri daripada 5 kategori iaitu Veteran ATM berumur 70 tahun ke atas, balu Veteran ATM, Anak Yatim Veteran ATM, Veteran ATM di rumah-rumah orang tua dan Veteran ATM kurang upaya (cedera semasa operasi). Semua penerima adalah di bawah Skim Bantuan Kebajikan JHEV.

Berikut adalah jumlah sumbangan perayaan bagi tahun 2014:

Jumlah (Orang)	Jumlah (RM)
<b>3,240</b>	<b>988,800.00</b>

## PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM)

Kerajaan Malaysia telah mewujudkan PJM bagi mengenang jasa dan pengorbanan yang telah diberikan oleh warga ATM dan juga anggota-anggota pengaman dari luar negara yang telah bertugas menegakkan keamanan dan kedaulatan negara sepanjang perkhidmatan tempoh darurat.

1.1 Warga ATM yang telah berkhidmat bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 bagi operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM).

1.2 Warga ATM yang telah berkhidmat bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU).



1.3 Anggota Pengaman Dari Negara Luar. Anggota-anggota pengaman dari negara luar yang berkhidmat di Malaysia dari 31 Ogos 1957 sehingga 12 Ogos 1968 termasuk rakyat Malaysia yang berkhidmat dengan negara berkenaan.

PJM adalah 'Campaign Medal' yang dianugerahkan kepada warga ATM dan anggota negara luar yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan tanpa mengira sama ada sedang berkhidmat atau telah bersara/menamatkan perkhidmatan dan masih hidup atau telah meninggal dunia.



MENTERI PERTAHANAN MENYAMPAIKAN KUNCI RUMAH KEPADA PENERIMA PROGRAM PENGIKTIRAFAN VETERAN 1MALAYSIA.



PENYAMPAIAN SUMBANGAN PERAYAAN JHEV ATM KEPADA ANAK-ANAK VETERAN OLEH MENTERI PERTAHANAN.



*MENTERI PERTAHANAN BERAMAH MESRA DENGAN VETERAN-VETERAN ATM.*



*KETUA PENGARAH JHEV MENYAMPAIKAN BANTUAN PERALATAN PESAKIT KEPADA VETERAN.*







PENYERAHAN KUNCI RUMAH KEPADA PENERIMA PROGRAM MEMBAIKPULIH RUMAH VETERAN 1MALYSIA (1MVHRP) DI PEKAN PAHANG.



KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN MENYAMPAIKAN BANTUAN UBAT KEPADA ISTERI VETERAN.







**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN***

Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera  
(PERHEBAT)

## PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (PERHEBAT)

PERHEBAT telah ditubuhkan melalui Perintah Lembaga Tabung Angkatan Tentera 1994 berkuatkuasa mulai 30 Ogos 1994. Fungsi utama PERHEBAT adalah :

- a) Menjalankan dan menguruskan aktiviti yang berhubungan dengan program latihan bagi Personel Bersara dan Personel Akan Bersara.
- b) Mengadakan kemudahan latihan dan mengawal serta mengawasi pelaksanaan program latihan itu.

### Peruntukan Kewangan

Operasi PERHEBAT dibiayai sepenuhnya melalui geran kerajaan. Peruntukan kewangan yang diterima oleh PERHEBAT bagi tahun 2014 adalah Geran Tahunan berjumlah RM32 juta dan pemberian *one-off* RM0.95 juta.

### Pencapaian Pelaksanaan Latihan

Pada tahun 2014, PERHEBAT telah mengurus dan melatih seramai 8,661 orang Personel Akan Bersara dan Personel Bersara ATM yang mengikuti latihan di Kompleks PERHEBAT atau di institusi latihan luar yang merangkumi tiga peringkat latihan iaitu ;

- a) Pra Latihan Peralihan (Pra LP)
- b) Latihan Peralihan (LP)
- c) Pasca Latihan Peralihan (Pasca LP)

PERHEBAT komited untuk melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dan sentiasa mengkaji untuk menambahbaik kursus-kursus sedia ada mengikut keperluan pasaran kerja semasa.

### Pelaksanaan Latihan 2014

#### a) Pra Latihan Peralihan (Pra LP)

Program ini dijalankan untuk tempoh selama 5 hari. Peserta program akan mendapat pendedahan serta berpeluang membuat pemilihan kursus dan persediaan untuk persaraan. Peserta juga dapat mengenal pasti kekuatan diri sendiri untuk menghadapi alam persaraan yang amat mencabar.

Memandangkan peruntukan kewangan yang terhad, tumpuan pelaksanaan Program Pra LP adalah di Kompleks PERHEBAT. Namun begitu, beberapa siri program telah dilaksanakan di PERHEBAT Negeri Sabah dan PERHEBAT Negeri Sarawak.



Taklimat Kursus Pra Latihan Peralihan

Bagi tahun 2014, sejumlah 34 siri program telah berjaya dilaksanakan termasuk 6 siri di PERHEBAT Negeri dengan kehadiran seramai 4,298 orang berbanding peruntukan tempat sebanyak 4,240.


LOKASI	PERUNTUKAN TEMPAT	KEHADIRAN	PERATUSAN %
Sg.Buloh	3,640	3,534	97.08%
Sabah	300	354	118%
Sarawak	300	410	136%
<b>Jumlah</b>	<b>4,240</b>	<b>4,298</b>	<b>101.36%</b>

PRA LATIHAN PERALIHAN (PRA LP)

### b) Latihan Peralihan (LP)

Latihan Peralihan adalah wajib bagi semua Personel akan bersara yang layak mengikut syarat seperti yang ditetapkan.

Pelaksanaan dan pengurusan LP adalah mengikut 6 kategori seperti yang termaktub di dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bil. 5 Tahun 2005.



KEHADIRAN PROGRAM LATIHAN PERALIHAN

#### i. Latihan di PERHEBAT

Latihan di PERHEBAT dilaksanakan bagi peringkat Kemahiran Asas dan Peningkatan yang meliputi tempoh selama 3 hingga 18 bulan. Selain modul kemahiran, pelatih juga akan mengikuti modul nilai tambah keusahawanan dan penempatan Latihan Dalam Industri (LDI) agar pelatih mempunyai keterampilan serta kebolehan pasaran atau sebagai usahawan.


PERHEBAT telah melaksanakan 4 pengambilan pada bulan Januari, April, Julai dan Oktober dengan jumlah keseluruhan pengambilan pelatih seramai 787 orang.



Kursus Latihan Peralihan di PERHEBAT

ii. Latihan Teknikal & Vokasional

Pada 2014, seramai 2,026 personel akan bersara telah mengikuti Latihan Peralihan dalam kategori ini di Institut Latihan Awam dan Swasta seperti pecahan berikut:



KEHADIRAN PELATIH DI INSTITUT LATIHAN AWAM DAN SWASTA

iii. Latihan Pertanian & Penternakan

Latihan Peralihan dalam kategori ini dilaksanakan di Institusi Latihan Agensi Awam atau Swasta untuk tempoh selama 6 bulan.

Seramai 122 orang personel akan bersara telah menjalani latihan dalam kategori ini.



**iv. Latihan Sambil Kerja**

Latihan dalam kategori ini membenarkan personel akan bersara ditempatkan di Agensi Kerajaan dan Swasta yang dipilih sendiri.

Latihan ini bertujuan mendapat penempatan pekerjaan dalam bidang kemahiran tertentu setelah tamat tempoh latihan selama 6 bulan.

Seramai 1,409 orang personel akan bersara telah menjalani Latihan Peralihan dalam kategori ini.

**v. Latihan Bidang Pengurusan**

Latihan dalam kategori ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan peningkatan kemahiran kepada personel akan bersara yang akan menceburi dalam bidang pengurusan di Agensi Kerajaan atau Swasta.

Seramai 16 orang personel akan bersara telah menjalani Latihan Peralihan dalam kategori ini.

**vi. Latihan Secara Persendirian**

Latihan bagi kategori ini diberikan kepada personel akan bersara yang tidak mahu terikat dengan mana-mana majikan dan ingin menghadapi masa depan mengikut minat sendiri. Kategori ini hanya diluluskan secara terpilih oleh Ketua Perkhidmatan.

Hanya seorang personel akan bersara telah menjalani Latihan Peralihan dalam kategori ini.

**c. Pasca Latihan Peralihan (Pasca LP)**

Program Pasca Latihan Peralihan dikhususkan kepada personel bersara ATM bertujuan untuk peningkatan, tambah nilai atau kepelbagaian kemahiran serta keusahawanan yang sedia dimiliki oleh mereka.

Seramai 2 personel bersara telah diluluskan tajaan untuk mengikuti kursus Pasca LP yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM8,950.00.

Kursus Pra Persaraan Pegawai bagi tahun 2014

BIL	SIRI	TARIKH	JUMLAH
1	1/2014	16 - 19 JUN 2014	35 ORANG
2	2/2014	23 - 26 SEPT 2014	36 ORANG
3	3/2014	1 - 4 DIS 2014	33 ORANG



## Promosi dan Kawal Selia Latihan

### a) Forum Khidmat Nasihat LP

Sejumlah 24 siri Forum Khidmat Nasihat telah dianjurkan bersama Perkhidmatan Tentera (Darat / Laut / Udara) dengan kehadiran seramai 2,080 orang anggota tentera.

Senarai forum khidmat nasihat mengikut negeri bagi tahun 2014

BIL	NEGERI	JUMLAH PROGRAM	KEHADIRAN
1.	Kuala Lumpur / Selangor	5	564
2.	Kedah / Perlis / P. Pinang	2	171
3.	Perak	2	359
4.	Negeri Sembilan / Melaka	3	261
5.	Johor	1	93
6.	Pahang	2	100
7.	Kelantan / Terengganu	1	60
8.	Sarawak	2	151
9.	Sabah	7	356
<b>JUMLAH</b>		<b>25</b>	<b>2,115</b>

### b) Kawal Selia Latihan

Tumpuan kawal selia adalah kepada mereka yang menjalani Latihan Peralihan dalam kategori Latihan Sambil Kerja dan pelatih yang menjalani Latihan Dalam Industri. Sejumlah 2,020 personel akan bersara telah dikawal selia.

### PROGRAM PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI VETERAN ATM TIDAK BERPENECEN (PPSEV-ATM-TB)

Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV-ATM-TB) adalah merupakan program khas dengan peruntukan berjumlah RM50 juta yang dilaksanakan seperti yang diumumkan dalam pembentangan Bajet bagi Tahun 2012.

PERHEBAT telah melaksanakan beberapa program untuk PPSEV-ATM-TB. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Program Outreach
- ii. Program Latihan
  - a) *Hardskills*
  - b) *Softskills*

**i. Program Outreach**

Sehingga 31 Disember 2014, seramai 16,600 veteran ATM telah berdaftar dengan PERHEBAT. Tujuan program outreach ini adalah mengenalpasti veteran yang memerlukan khidmat kaunseling, veteran yang memerlukan pekerjaan dan untuk pembangunan keusahawanan di kalangan mereka.

Sasaran awal PERHEBAT adalah untuk mendapatkan seramai 10,000 veteran tidak berpencen berdaftar dengan PERHEBAT bagi mencapai matlamat PPSEV-ATM-TB.

**ii. Program Latihan**

Latihan yang dilaksanakan untuk veteran ATM Tidak Berpencen merangkumi kursus *Hardskills* dan *Softskills*.

Bagi tahun 2014, seramai 1,336 orang Veteran ATM telah menjalani kursus *Hardskills* dan *Softskills*.

**SKIM PINJAMAN MIKRO USAHAWAN VETERAN ATM (SPM-UV-ATM)**

PERHEBAT, melalui Program NBOS 7 Kementerian Pertahanan, telah menerima dana daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM13.5 juta bagi mewujudkan Skim Pinjaman Mikro Usahawan. Bagi melaksanakan skim ini PERHEBAT telah bekerjasama dengan TEKUN Nasional dan sehingga 31 Disember 2014, pinjaman yang telah diluluskan adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	BIL PEMOHON	JUMLAH (RM)
1.	PERMOHONAN DITERIMA OLEH PERHEBAT	1,251	45,800,543.00
2.	PERMOHONAN TELAH DIHANTAR KE TEKUN	1,180	43,429,393.00
3.	PERMOHONAN DILULUSKAN	841	13,922,018.75



### PERHEBAT SEBAGAI PUSAT LATIHAN BERTAULIAH KONTRAKTOR (PLBK)

Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor (PLBK) adalah pusat latihan yang diiktiraf oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi menjalankan kursus Latihan Kemahiran dan Pengurusan Kontraktor Malaysia. PERHEBAT telah ditauliahkan sebagai PLBK-CIDB selama dua (2) tahun dan bertanggungjawab bagi menjalankan kursus latihan pengurusan kontraktor mengikut modul atau sukatan pelajaran yang telah ditetapkan dan diiktiraf oleh CIDB mengikut kepakaran bidang masing-masing. Kelayakan pentauliahkan dan pengiktirafan ini mengambil kira faktor-faktor utama iaitu pusat latihan, kelayakan akademik dan pengalaman tenaga pengajar.

PERHEBAT telah ditauliahkan oleh CIDB sebagai Pusat Latihan Bertauliah Kontraktor dari tempoh dari 3 Disember 2014 hingga 2 Disember 2016. Program Kecekapan Pengurusan kontraktor yang ditauliahkan adalah seperti berikut:

BIL	MODUL	KOD	BIDANG
1.	<i>Masonry Works</i> , Penerapan Bata dan Pelepaan	KK-T-001	Tred
2.	Penjubinan	KK-T-003	Tred
3.	Kerja Bangunan – Pengubahsuaian	KK-T-0036	Pakar
4.	Kerja Cat	KK-T-0036	Tred





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN***

Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia  
(MiDAS)



## **INSTITUT PERTAHANAN DAN KESELAMATAN MALAYSIA (MiDAS)**

### **AM**

Ciri-ciri sebuah negara yang merdeka adalah negara yang mampu menjamin keamanan, keselamatan dan kesejahteraan kepada rakyatnya. Bagi mendokong hasrat ini, Kementerian Pertahanan diberi tanggungjawab untuk memastikan kawasan berkepentingan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara dari ancaman luar. Tanggungjawab ini akan terlaksana dengan sempurna sekiranya Kementerian Pertahanan dilengkapi dengan peralatan ketenteraan yang unggul serta didokong dengan polisi, pendekatan serta tindakan yang tepat.

Sesungguhnya, segala polisi, pendekatan serta tindakan yang tepat hanya akan terzahir melalui kajian dan penyelidikan secara menyeluruh serta komprehensif. Berlanjutan dari itu, Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS) ditubuhkan dengan objektif untuk melaksanakan kajian dan penyelidikan serta menyalurkan maklumat, pandangan serta cadangan berkaitan pertahanan dan keselamatan negara kepada Kementerian Pertahanan. Sebagai institusi strategik di bawah saluran Track 2 ASEAN, MiDAS berperanan sebagai institusi strategik yang memberi cadangan dan hasil kajian yang bebas namun tertakluk kepada garis panduan kerajaan Malaysia.

### **MAKLUMAT KORPORAT MiDAS**

#### **Perjawatan MiDAS**

Penubuhan MiDAS diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Waran Perjawatan K92/2012 bertarikh 20 Nov 2012 yang berkuatkuasa mulai 16 Nov 2012. Sejumlah 36 perjawatan ATM dan Awam diwujudkan untuk penubuhannya.

#### **Visi dan Misi**

Visi MiDAS adalah untuk menjadi pusat kecemerlangan bertaraf antarabangsa dalam bidang pertahanan dan keselamatan manakala misi MiDAS adalah untuk menjana dan menggalakkan perkongsian ilmu dan pengetahuan dalam bidang pertahanan dan keselamatan negara.

#### **Peranan**

MiDAS berperanan sebagai sebuah institusi profesional yang bertanggungjawab kepada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pertahanan dengan mempelopori hal ehwal pertahanan dan keselamatan melalui penyelidikan dan perkongsian pengetahuan. MiDAS berperanan sebagai institusi strategi di bawah saluran Track 2 ASEAN yang dapat memberi pandangan dan input-input berkaitan isu yang akan dibincangkan oleh Kementerian Pertahanan dan kerajaan Malaysia melalui saluran Track 1 di persidangan Menteri-menteri Pertahanan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan negara-negara ASEAN.

#### **Lembaga Gabenor**

MiDAS dikawal selia oleh Lembaga Gabenor yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan dan ahlinya terdiri dari Timbalan Menteri Pertahanan, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera, Panglima Perkhidmatan dan Naib Canselor UPNM.



## Organisasi MiDAS

Organisasi MiDAS terbahagi kepada tiga bahagian dan mempunyai peranan masing-masing iaitu:-

### 1. Jabatan Pengurusan dan Pembangunan

Jabatan ini bertanggungjawab di dalam segala aspek-aspek pentadbiran, dokumentasi, sumber manusia, pengurusan kewangan, logistik, penganjuran aktiviti dan penerbitan.

### 2. Pusat Penyelidikan Pertahanan dan Keselamatan Komprehensif (CDSRC)

Pusat ini bertanggungjawab dalam melaksanakan penyelidikan dan kajian bagi ATM dan Kementerian Pertahanan Malaysia khususnya dalam bidang-bidang yang berkaitan isu pertahanan dan keselamatan serantau. Ianya dibahagikan kepada Bahagian Hal-Ehwal Ancaman Tradisi Ketenteraan, Bahagian Hal-Ehwal Ancaman Bukan Tradisi Ketenteraan dan Bahagian Penyelidikan Polisi. Pusat ini adalah bertanggungjawab menganjurkan MiDAS Conference, Putrajaya Forum dan MiDAS Talk dari segi mendapatkan tajuk, menyediakan program, surat jemputan kepada peserta-peserta dan moderator.

### 3. Pusat Strategi Lautan Biru MiDAS (MBOSC)

Pusat ini bertanggungjawab mengetuai pelaksanaan Strategi Laut Biru (BOS) bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Pertahanan Malaysia. Pusat ini dibahagikan kepada dua iaitu Bahagian Strategi dan Implementasi serta Bahagian Penyelidikan dan Latihan. MBOSC melaksanakan tugas-tugas seperti menerapkan konsep BOS ke dalam pemikiran strategik pertahanan /keselamatan dan kajian dasar Kementerian Pertahanan Malaysia, menggalakkan pemahaman dan fasilitasi BOS kepada ATM dan Kementerian Pertahanan secara menyeluruh, sebagai pusat koordinasi/fasilitasi antara Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Kementerian pertahanan/ATM dalam penerapan nilai-nilai BOS dan sebagai pusat percambahan ilmu bagi pelaksanaan BOS.

## AKTIVITI MIDAS TAHUN 2014

Beberapa aktiviti utama telah dirancang oleh MiDAS pada tahun 2014. Aktiviti-aktiviti tersebut telah dianjurkan oleh Pusat-Pusat dan Jabatan MiDAS iaitu Pusat CDSRC, MBOSC dan Jabatan Pengurusan dan Pembangunan.

## LAPORAN KHAS FORUM PUTRAJAYA 2014

Forum Putrajaya merupakan forum bertaraf antarabangsa yang dikendalikan oleh MiDAS telah berlangsung dengan jayanya di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur pada 14 dan 15 April 2014. Forum ini diadakan bersempena dengan Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) ke-14 yang bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Forum ini telah menarik perhatian seramai 250 orang peserta daripada 18 buah negara ASEAN dan 8 buah negara anggota termasuk Menteri Pertahanan, Setiausaha Agung Menteri Pertahanan dan Panglima Angkatan Tentera. Selain itu, turut sama terlibat sebagai peserta adalah pegawai-pegawai kanan daripada agensi pertahanan dan keselamatan, agensi penguatkuasa, ahli akademik dan penyelidik daripada institusi penyelidikan dan juga universiti. Forum Putrajaya 2014 ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, iaitu Perdana Menteri Malaysia.



Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dalam ucapannya menyentuh mengenai peningkatan kumpulan penjenayah yang mengancam keamanan dan keselamatan rantau ini. Beliau berkata, dengan bekerjasama dengan rakan dan negara jiran, Malaysia boleh memilih untuk berkongsi kestabilan dan mengelak konflik, bersesuaian dengan tema "Memperkuhkan Keselamatan dan Kestabilan Serantau".

Ini adalah selari dengan ancaman keselamatan sedia ada di seluruh dunia dan globalisasi telah menimbulkan satu cabaran dalam keselamatan kepada negara-negara bangsa. Cabaran keselamatan sedia ada dan pada masa hadapan adalah bukan lagi bersifat semetri dan tradisional sebagai contoh penganas, keselamatan siber, penyeludupan dan pemerdagangan manusia, pengedaran dadah, wabak penyakit dan perubahan wang haram yang tidak boleh diselesaikan oleh struktur keselamatan lama.







#### PERSIDANGAN MiDAS 7/2014

Siri Persidangan MiDAS 7/2014 diadakan pada 15 Mei 2014 bertempat di Hotel Prince and Residence, Kuala Lumpur. Persidangan ini telah disampaikan oleh Dr. Chandra Muzaffar, Presiden Pergerakan Antarabangsa bagi Dunia Adil (JUST) yang bertajuk “Pengaruh Kuasa-Kuasa Besar dalam rantau ASEAN”.

Persidangan ini disempurnakan oleh YB Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia. Turut hadir ialah YB Datuk Abd Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan.



Dr. Chandra Muzaffar dalam ucapannya memberikan tumpuan kepada dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat (AS) dan China, sejarah mereka terhadap rantau Asia Tenggara dan juga pengaruh dua negara ini dalam konteks dunia semasa. Beliau juga menyarankan beberapa cadangan mengenai hala tuju masa hadapan bagi Malaysia dan ASEAN dalam hubungan jangka panjang dengan dua kuasa besar ini demi keselamatan, keamanan dan kemakmuran yang berterusan. Beliau turut mengingatkan kembali tentang sejarah dan juga hubungan Amerika Syarikat (AS) dan China serta Asia Timur Selatan dan Asia. Beliau yakin bahawa AS tidak pernah meninggalkan Asia dan ingin menjadi sebahagian daripada pelan pembangunan yang berterusan terutama sekali dalam bidang ekonomi dan keselamatan. Dr. Chandra Muzaffar juga berpendapat bahawa AS secara sistematiknya akan melibatkan diri mereka ke dalam hubungan yang memberikan manfaat buatnya tetapi dalam masa yang sama menyekat kebangkitan negara China.



### PERSIDANGAN MIDAS 8/2014

Siri Persidangan MIDAS 8/2014 berlangsung pada 5 Nov 2014 bertempat di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. Persidangan ini telah disampaikan oleh H.E Surin Pitsuwan, bekas Setiausaha Agung ASEAN (2008-2012) yang bertajuk “Komuniti ASEAN 2015: Cabaran dan Peluang”. Persidangan ini dihadiri oleh Ahli Gabenor MIDAS, pegawai kanan awam dan tentera, serta teras Diplomatik Antarabangsa.







Persidangan ini dikendalikan oleh Leftenan Jeneral Datuk William Stevenson, Ketua Eksekutif MiDAS. Dr. Surin Pitsuwan ketika menyampaikan ucapannya, menekankan tentang kepentingan ASEAN kepada dunia dan fungsinya sebagai lokomotif pertumbuhan dan kemakmuran. Beliau turut berkongsi pengalamannya sebagai Ketua Sekretariat ASEAN dan jangkannya akan kepimpinan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN 2015. Apa yang lebih penting, beliau menekankan peranan kepimpinan Malaysia yang telah dilaksanakan dan dijangka akan terus beraksi di masa hadapan bagi merealisasikan Komuniti ASEAN 2015 dan Piagamnya. Akhir sekali, penghormatan untuk menjadi Anggota Kehormat MiDAS telah diterima dengan terbuka oleh Dr. Surin Pitsuwan.



#### PERSIDANGAN MiDAS 9/2014

Siri Persidangan MiDAS 9/2014 diadakan pada 10 Dis 2014 bertempat di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Persidangan ini merupakan siri terakhir bagi ketiga-tiga persidangan yang diadakan sepanjang tahun 2014. Topik yang dipersidangkan ialah “Penyertaan Malaysia Dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu” oleh Tan Sri Razali Ismail iaitu Pengerusi Yayasan Pergerakan Moderat Global yang juga merupakan bekas wakil Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Persidangan ini dihadiri oleh YB Datuk Abdul Rahim Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia dan Jeneral Tan Sri Dato’ Sri Dr. Zulkefli Mohd. Zin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia. Majlis kali ini dikendalikan oleh Leftenan Jeneral Datuk William Stevenson, Pengarah Eksekutif MiDAS.



Tan Sri Razali ketika menyampaikan ucapannya menerangkan tentang kepentingan peranan Malaysia sebagai anggota tidak tetap dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) buat kali keempat. Beliau menekankan beberapa isu yang berkait rapat dengan Malaysia seperti konflik antara Palestine dan Israel. Tan Sri Razali turut berkongsi pengalamannya tentang keputusan yang sukar untuk dibuat Malaysia di UNSC sebelum ini dan perjuangan yang harus diteruskan bagi membawa suatu perubahan kekal dalam perintah dunia. Beliau yakin bahawa Malaysia menerusi pemerintahan yang kuat akan mendorong kepada hasil yang memberansangkan ketika pemerintahan Malaysia di UNSC dan kedudukannya sebagai Pengerusi ASEAN. Akhir sekali, Tan Sri Razali memuji peranan yang ditunjukkan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerusi diplomasi ketenteraan dalam menggalakkan lagi diplomasi negara Malaysia dan kepentingan peranan Malaysia sebagai pasukan pengaman di luar negara.



## DIALOG EKSEKUTIF MIDAS

Dialog pertama MIDAS yang bertajuk “Krisis di Ukraine dan Peningkatan Isu Geopolitik” telah diadakan pada 8 Okt 2014 di Auditorium Perpustakaan Kementerian Pertahanan Malaysia (Mindef). Joseph Cirincione, Presiden Dana Ploughshares, menyampaikan ucapannya yang menyentuh tentang krisis Ukraine yang disokong oleh Russia mengakibatkan tragedi menembak jatuh pesawat MH17. Semasa menyampaikan ucapan, beliau turut menyebut tentang keselamatan senjata nuklear di kedua-dua negara, Amerika Syarikat (AS) dan Rusia yang telah memberikan kesan kepada krisis yang berlaku di Ukraine. Beliau juga turut bercakap mengenai tiga perancangan yang telah dilakukan oleh AS dalam krisis di Ukraine iaitu yang pertama, tidak meningkatkan dan menjadikan krisis lebih buruk. Yang kedua ialah teruskan kerjasama dengan Rusia di kawasan penting yang menjadi perhatian kedua-dua buah negara dan akhir sekali ialah dasar dengan sekutu NATO yang tidak akan menjejaskan kestabilan Rusia.



## KESELAMATAN SIBER DAN SIMULASI LANGSUNG



Keselamatan Siber dan Simulasi Langsung dianjurkan bersama oleh MiDAS dan Konrad-Adenauer-Stiftung (KAS) Malaysia pada 9 Okt 2014 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Majlis ini dikendalikan oleh Dr. Marco Gercke, Pengarah Institut Penyelidikan Jenayah Siber German. Simulasi ini melibatkan serangan siber pada kemudahan utiliti negara. Pelbagai senario telah diperkenalkan dengan peranan dan proses membuat keputusan.

Individu yang bertanggungjawab di sebalik simulasi ini dipimpin oleh Laksamana Muda Dato' Aris Adi Tan bin Abdullah, Asisten Ketua Staf, Bahagian Komunikasi dan Elektronik Pertahanan, Markas ATM, termasuk Tuan Gurcharan Singh, Ketua Operasi Sistem Grid, TNB, dan Tuan Knut Schoenfelder, Perunding Eksekutif Keselamatan Siber, T-Systems International. Pada majlis ini, ucapan pembukaan telah disampaikan oleh Pengarah Eksekutif MiDAS manakala ucapan penutup pula dilakukan oleh Tuan Jan Senkyr, Pengerusi KAS Malaysia.

## SEMINAR PENGURUSAN RUANG UDARA NASIONAL

Seminar pertama yang membincangkan tentang kepentingan mengekalkan keselamatan serta kedaulatan ruang udara nasional berlangsung pada 13 Nov 2014 di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur. Program yang dianjurkan oleh MiDAS yang bertemakan "Pengurusan Ruang Udara Nasional" ini turut membawa penyertaan daripada Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pertahanan dan juga Angkatan Tentera Malaysia.



Majlis ini disempurnakan oleh YB Datuk Abdul Rahim bin Bakri, Timbalan Menteri Pertahanan. Ketika menyampaikan ucapan pembukaan, beliau menyentuh kepentingan memperkasakan asas pengetahuan dan kesedaran tentang isu serius berkaitan operasi pengurusan ruang udara secara cekap dan berkesan. Beliau juga turut mengakui kehadiran agensi serta pakar yang berkenaan yang terlibat secara langsung bagi menangani kepentingan menguruskan ruang udara Malaysia dan integriti serta kepentingannya. Seminar ini telah dibahagikan kepada empat pembentangan dan perbincangan antara panel.



## LAWATAN DUTA REPUBLIK POLAND



Lt Jen Dato' Pahlawan Dr. William Stevenson, Ketua Eksekutif MiDAS menerima kunjungan hormat Duta Republik Poland, H.E. Adam W. Jelonek pada 17 Feb 2014. Duta Poland telah diberikan penerangan mengenai MiDAS, aktiviti dan fungsi organisasi. Sebagai menghargai kunjungan tersebut, Ketua Eksekutif MiDAS telah menyampaikan cenderamata berbentuk syiling MiDAS dan juga Jurnal MiDAS. Turut hadir semasa kunjungan itu ialah Pengarah Kanan CDSRC, Cik Siti Salmiah bte Hj Dimiyati.

## ATTACHE PERTAHANAN FILIPINA



Ketua Eksekutif MiDAS menerima kunjungan hormat Attache Pertahanan Filipina, Kol. Delfin Gumahin Bacon pada 18 Feb 2014. Beliau telah diberikan penerangan mengenai MiDAS, aktiviti dan fungsi organisasi. Sebagai menghargai kunjungan tersebut, Ketua Eksekutif MiDAS telah menyampaikan cenderamata berbentuk syiling MiDAS dan juga Jurnal MiDAS – 'Journal of Defence and Security'. Turut hadir semasa kunjungan itu ialah Pengarah Kanan CDSRC, Cik Siti Salmiah bte Hj Dimiyati.



## DELEGASI PEMIKIR TENTERA DIRAJA THAILAND (RTAF)



Ketua Eksekutif MiDAS menerima kunjungan hormat Delegasi Pemikir Tentera Udara DiRaja Thailand pada 18 Feb 2014. Delegasi seramai 6 orang Pegawai Kanan RTAF itu telah diketuai oleh Naib Mashal Udara Thakhun Mungpien dan diiringi oleh Atache Tentera Udara DiRaja Thailand. Delegasi telah diberikan penerangan mengenai MiDAS, aktiviti dan fungsi organisasi. Sebagai menghargai kunjungan tersebut, Ketua Eksekutif MiDAS telah menyampaikan cenderamata berbentuk syiling MiDAS dan juga Jurnal MiDAS – ‘Journal of Defence and Security’. Turut hadir semasa pertemuan itu, Pengarah Kanan MBOSC, Brig Gen Mohammad bin Ab Rahman.

## PEGAWAI PEJABAT PENASIHAT PERTAHANAN DI PESURUHJAYA TINGGI BRITISH



Pegawai Pejabat Penasihat Pertahanan di Persuruhjaya Tinggi British Kepten(B) Kenneth Alistair Taylor telah membuat kunjungan hormat ke MiDAS pada 18 Feb 2014. Beliau telah diberikan penerangan mengenai Forum Putrajaya 2014. MiDAS turut menjemput wakil dari United Kingdom untuk menjadi seorang daripada *speaker* di forum tersebut. Forum Putrajaya 2014 adalah anjuran kali ketiga dengan tema ‘Memperkukuh Keselamatan dan Kestabilan Serantau’. Ketua Eksekutif MiDAS telah menyampaikan cenderamata berbentuk syiling MiDAS dan juga Jurnal MiDAS – ‘Journal of Defence and Security’. Turut hadir semasa kunjungan itu ialah Pn Noor Aida bt Misran.



## DELEGASI SEKOLAH PENGAJIAN ANTARABANGSA (RSIS) S.RAJARATNAM



Ketua Eksekutif MiDAS menerima kunjungan hormat Delegasi RSIS pada 3 Mac 2014. Delegasi tersebut diketuai oleh Duta Barry Desker, Dekan RSIS, Felo Kanan Encik Tan Seng Chye dan Sarah Teo Li-Shan. Delegasi telah diberikan penerangan mengenai MiDAS, aktiviti dan fungsi organisasi. Sebagai menghargai kunjungan tersebut, Ketua Eksekutif MiDAS telah menyampaikan cenderamata berbentuk syiling MiDAS dan juga Jurnal MiDAS – ‘Journal of Defence and Security’. Turut hadir semasa pertemuan itu ialah Pengarah Kanan MBOSC dan Pengarah Kanan CDSRC.

## PESURUHJAYA TINGGI SRI LANKA



Ketua Eksekutif MiDAS menerima kunjungan hormat Pesuruhjaya Tinggi Sri Lanka, H.E. En. Ibrahim Ansar Sahab pada 31 Mei 2014. Di pertemuan tersebut perbincangan mengenai H.E. En. Gotabaya Rajapaksa yang akan menjadi *speaker* di Sesi 6 bertajuk “Influence of Non-State Actors: Impact on Global Security” di Forum Putrajaya 2014. H.E. Mr. Gotabaya Rajapaksa adalah juga Setiausaha di Kementerian Pertahanan dan Pembangunan Bandar Sri Lanka. Selain itu wakil persuruhajaya tinggi turut diberikan penerangan mengenai Forum Putrajaya 2014 dan MiDAS. Cenderahati penghargaan berbentuk Plak MiDAS telah disampaikan kepada Pesuruhjaya Tinggi oleh Ketua Eksekutif MiDAS. Turut hadir semasa pertemuan ialah Cik Siti Salmiah bte Hj Dimiyati dan Pn Noor Aida bt Misran.

## PENASIHAT PERTAHANAN PESURUHJAYA TINGGI REPUBLIK SINGAPURA



MiDAS berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada pejabat Penasihat Pertahanan Singapura, Kolonel Tan Yan Yee serta Penolong Penasihat Pertahanan En. Tang Seck Kay pada 1 April 2014. Semasa perbincangan, Lt Jen Datuk Dr. Willian telah melahirkan penghargaan terhadap sokongan yang diberikan oleh Singapura kepada aktiviti-aktiviti MiDAS. Pertemuan juga membincangkan mengenai kehadiran Dr. Ng Eng Hen, Menteri Pertahanan Singapura sebagai penyampai ucaptama pertama dengan tajuk “Strengthening Regional Cooperation in Non-Traditional Security” di Forum Putrajaya 2014. Sebagai tanda penghargaan, cenderahati berbentuk plak MiDAS dan salinan laporan Forum Putrajaya 2012 disampaikan oleh Ketua Eksekutif MiDAS. Turut hadir semasa pertemuan ialah Cik Siti Salmiah bte Hj Dimiyati dan Pn Noor Aida bt Misran.

## EKSEKUTIF KERAJAAN THAILAND



MiDAS dengan hormat telah menerima kunjungan daripada delegasi Eksekutif Kerajaan Thailand pada 22 Mei 2014. Delegasi seramai 64 orang pegawai mewakili pelbagai organisasi kerajaan telah diketuai oleh Pengarah Projek Universiti Thammasat, Dr. Surapit Promsit. Delegasi telah diberikan penerangan mengenai sejarah kewujudan MiDAS, aktiviti serta fungsi pemikir kepada MinDef. Ketua Eksekutif MiDAS telah menyampaikan cenderamata berbentuk syiling MiDAS dan juga Jurnal MiDAS – ‘Journal of Defence and Security’ kepada Cik Rapeeporn Maneephong.



## PENGARAH PERSATUAN PENGAJIAN LAUTAN HINDI



Ketua MiDAS menerima kunjungan daripada Pengarah Persatuan Pengajian Lautan Hindi, Profesor Baladas Ghoshal dan Penasihat Pertahanan Pesuruhjaya India, Kolonel Praveen Chhabra pada 6 Jun 2014. Profesor Baladas telah diberikan taklimat dan penerangan mengenai MiDAS, aktiviti dan juga fungsi 'Pemikir' MiDAS. Pertemuan ini amat bermanfaat kerana ia memberi peluang kepada kedua-dua pihak bertukar idea mengenai isu semasa. Ketua Eksekutif MiDAS telah menyampaikan cenderamata berbentuk syiling MiDAS dan juga Jurnal MiDAS – 'Journal of Defence and Security'. Turut hadir semasa kunjungan ialah staf MiDAS.

## ATTACHE PERTAHANAN LAUT AMERIKA SYARIKAT



Pegawai Attache Tentera dan Pertahanan Laut AS yang baru bertugas serta yang akan tamat bertugas telah mengadakan kunjungan hormat bertemu Ketua Eksekutif MiDAS pada 26 Jun 2014. Kepten John Segura, Pegawai Kanan Pertahanan dan Kolonel Newman Yang diiringi Pegawai Attache Tentera Kapten James McReynolds Pegawai Attache Tetap Tentera Laut dan Kolonel Kenneth Fu Pegawai Attache Tetap Tentera. Turut hadir semasa pertemuan Pengarah Kanan MBOSC dan CDSRC selain Pengarah Kajian Polisi. Ketua Eksekutif berterima kasih kepada pegawai attache yang akan menamatkan tugas di atas sumbangan memperluaskan usahasama AS-Malaysia terutama dalam bidang Pertahanan dan Keselamatan. Ketua Eksekutif turut mengalu-alukan pegawai attache baru yang akan memulakan tugas beliau nanti.

## PELANCARAN BUKU “MALAYSIAN ARMED FORCES THE NATION’S SHIELD 80TH ANNIVERSARY”



Majlis Pelancaran Buku “MALAYSIAN ARMED FORCES THE NATION’S SHIELD 80th Anniversary” telah diadakan di Auditorium MinDef, Wisma Pertahanan Kuala Lumpur pada 20 Feb 2014. Majlis telah dihadiri oleh Menteri Pertahanan, YB Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein serta pegawai dan staf di MinDef. Buku ini mengupas mengenai sejarah dan informasi terkini Tentera Darat, Laut dan Udara. Kandungan buku ini amat baik dalam memberi pendedahan dan pengetahuan mendalam mengenai Angkatan Tentera Malaysia.





## MIDAS DIGEST



Majlis Pelancaran MiDAS Digest telah diadakan di Hotel Prince and Residences, Kuala Lumpur 15 Mei 2014. Pelancaran buku telah dilakukan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein. Ia dihadiri oleh pegawai kanan daripada Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, pegawai kanan kerajaan, ahli akademik daripada Universiti Pertahanan Nasional Malaysia serta pesara tentera. MiDAS Digest adalah kompilasi ucapan dan ucapnama di seminar dan persidangan anjuran MiDAS yang diterbitkan secara tahunan.

## ULANG TAHUN KE-EMPAT MiDAS

Sambutan Ulang Tahun ke-4 MiDAS telah diadakan pada 9 Jun 2014 di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur. Sambutan Ulang Tahun ke-4 MiDAS telah diadakan serentak dengan majlis makan malam penghargaan sempena kejayaan DSA 2014 dan Forum Putrajaya 2014. Menteri Pertahanan YB Dato' Hishammuddin Tun Hussein telah hadir sebagai tetamu kehormat. Turut hadir Setiausaha Agung MinDef, Ketua Pasukan Pertahanan, Ketua Perkhidmatan serta ahli jawatakuasa kerja. Menteri Pertahanan sebagai Pengerusi MiDAS telah mengetuai acara memotong kek sebagai simbolik perasmian acara ulang tahun ke empat MiDAS.



## KOMUNIKASI BERSEPADU ATM DAN PDRM

Komunikasi Bersepadu bersama ATM dan PDRM ialah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk menjalinkan kerjasama yang berkesan dan sokongan yang kuat di antara agensi untuk keselamatan dan pembangunan negara. Inisiatif kepada projek pimpinan bersama adalah Panglima Angkatan Tentera (PAT) dan Ketua Polis Negara (KPN), manakala ahli-ahli lain adalah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Antara program dan usaha yang dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama ini adalah seperti berikut:



1. Mesyuarat Komunikasi Bersepadu adalah untuk membincangkan pelaksanaan inisiatif untuk NBOS 8 - Komunikasi Bersepadu ATM dan PDRM telah diadakan pada 29 Januari 2014 di Bukit Aman, yang mana dipengerusikan bersama oleh PAT, Jen Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Zulkifeli bin Mohd Zin dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar.





2. Satu mesyuarat khas diadakan bagi pelaksanaan inisiatif NBOS: Peronda Bersepadu ATM / PDRM telah diadakan di Dewan Bankuet, Maktab Polis DiRaja, Cheras pada 25 Feb 2014. Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Ketua Eksekutif MiDAS dan CP Dato' Wira Ayub bin Yaakob, Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembanterasannya Jenayah. Ia diikuti dengan sidang akhbar yang turut diadakan selepas mesyuarat tersebut.



3. Majlis pelancaran untuk mempeluaskan kerjasama bersama Peronda Bersepadu ATM / PDRM telah diadakan di Esplanade KLCC pada 15 Mac 2014. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Lt Jen Datuk Dr William Stevenson, dan Dato 'Wira Ayub bin Haji Yaakob. Dengan perkembangan ini, jumlah bilangan kawasan rondaan telah meningkat daripada 44 lokasi ke 70 lokasi.



## LAWATAN KE PUSAT PEMULIHAN KOMUNITI (CRC)

Lawatan ke CRC Gemas, oleh Ketua Pengarah (KP) Penjara Malaysia, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Ketua Eksekutif MiDAS pada 5 Feb 2014. Matlamat lawatan adalah untuk meneliti kemajuan program dan aktiviti yang diadakan di CRC Gemas.



CDF, Ketua Pengarah Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, dan Setiausaha General Kementerian Pertanian telah mengadakan lawatan kerja ke CRC Gemas pada 22 Jun 2014. Matlamat lawatan adalah untuk memantau aktiviti-aktiviti dan projek-projek yang dijalankan oleh Penghuni (ODS). Dalam lawatan itu, tiga tiub telaga yang telah dibina telah dilancarkan secara rasminya. Sempena lawatan ini, CDF telah mempengerusikan mesyuarat yang dihadiri oleh pelbagai agensi yang terlibat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam CRC. Ahli-ahli mesyuarat tersebut telah diberi taklimat mengenai pengurusan CRC oleh Jabatan Penjara dan aktiviti-aktiviti pertanian dan akuakultur oleh wakil dari MARDI. Selepas mesyuarat itu, ahli-ahli turut melawat tapak penanaman untuk melihat dengan lebih dekat penanaman nenas, pisang, tanaman buah-buahan nangka, rumah hijau dan ikan keli yang dipelihara di dalam tangki gentian kaca.







Bersempena lawatan CDF ke CRC Gemas pada 22 Jun 2014, 3 tiub telaga telah dilancarkan secara rasmi oleh CDF, Setiausaha Jeneraal MoA, DG ICU dan wakil Jabatan Penjara.





Ketua Eksekutif MiDAS juga membuat lawatan kerja ke CRC Jitra pada 26 Jun 2014. Ketika lawatan tersebut, Jabatan Penjara dan Jabatan Pertanian memberi taklimat mengenai pengurusan kem, aktiviti ODS, aktiviti pertanian dan akua-budaya yang diadakan di CRC. Lawatan ini berakhir dengan penanaman pokok Akasia oleh Ketua Eksekutif.



Pengarah Kanan MBOSC membuat lawatan kerja ke CRC dan Kem Desa Pahlawan Kelantan MCTC pada 16 Okt 2014. Dalam lawatan itu, beliau telah diberi penerangan ringkas melalui laluan ke atas aktiviti ODS dan pengurusan pusat tersebut. Selepas melawat CRC beliau kemudian melawat MCTC yang juga terletak di Kem Desa Pahlawan. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengetahui aktiviti yang diadakan di MCTC dan jumlah cawangan yang beroperasi di MCTC. Beliau juga turut melawat beberapa kedai di kawasan sekitar.



Ketua Eksekutif MiDAS membuat lawatan kerja ke CRC Gemas pada 5 Dis 2014. Semasa lawatan ke CRC, beliau telah diberi taklimat mengenai aktiviti ODS, pengurusan pusat dan membuat pemantauan terkini mengenai aktiviti pertanian yang diadakan di pusat itu.



### Program AMANITA

Berikutan kejayaan program AMANITA dalam melaporkan jenayah di kawasan perumahan di mana suri rumah telah diambil untuk menjadi mata dan telinga kepada agensi penguatkuasaan, ATM telah memulakan penglibatan anggota wanita dalam program ini. Program ini akan mensasarkan keluarga yang tinggal di pangkalan tentera dan kem, memberi tumpuan kepada suri rumah dan keselamatan kejiiran di bawah NBOS. Program ini akan membantu mewujudkan kesedaran dan memberi pengetahuan kepada suri rumah untuk bersedia dengan adanya tips keselamatan dan pencegahan jenayah.





PDRM telah menubuhkan satu unit khas yang dikenali sebagai Amanita atau 'Peace Lady', dalam usaha mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai jenayah yang tidak dilaporkan dalam masyarakat. Ia melibatkan penyertaan wanita khususnya suri rumah untuk menjadi mata dan telinga polis. Di bawah program Amanita, satu polis dilantik di setiap daerah polis untuk menyelaraskan penglibatan wanita dan suri rumah dalam menjaga keselamatan kejuranan di bawah NBOS. Pada 16 Mei 2014, MiDAS mengadakan satu sesi dengan PDRM yang dihadiri oleh 80 anggota dari ketiga-tiga perkhidmatan. ACP Sasikala Devi a/p Subramaniam memberikan taklimat pelaksanaan Amanita dalam PDRM. ATM akan memulakan program yang sama di peringkat brigid di tahap tentera dan asas untuk tentera udara dan tentera laut. Ketua ATM Provos Marsyal telah dicalonkan sebagai agensi utama dalam ATM.



Pada 12 Ogos 2014, pelancaran awal telah diadakan di Maktab Polis DiRaja, Cheras, bagi memulakan kerjasama antara PDRM dan ATM dalam program Amanita ini. Wakil Amanita dari PDRM dan ATM menghadiri pelancaran awal tersebut. Program ini telah dilancarkan secara rasminya oleh DCP Dato 'Wan Ahmad Najmuddin Mohd dengan kehadiran Brig Jeneral Azmi bin Borhan, Ketua Provos Marsyal ATM dan Brig Jen Toh Choon Siang, Pemangku Ketua Eksekutif MiDAS.

### Kem Musim Panas

Majlis Penutup Kem Musim Panas 2/2014 telah diadakan di Pusat Latihan Pasukan Gerakan Am, Ulu Kinta Perak pada 23 Mei 2014. Majlis ini telah disempurnakan oleh Lt Jen Datuk Dr William Stevenson. Seramai 284 pelajar dari sembilan buah sekolah telah mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, ATM dan PDRM. Tujuan program ini adalah untuk menghidupkan watak positif dan disiplin dalam kalangan peserta.





Majlis Penutup Kem Musim Panas 5/2014 telah diadakan di Kolej Tentera Udara, Alor Setar, Kedah pada 27 Jun 2014. Kem Musim Panas telah tutup secara rasmi oleh Lt Jen Datuk Dr William Stevenson. Seramai 488 pelajar dari 13 buah sekolah telah mengambil bahagian dalam program ini.



### Program Kesedaran NBOS

MBOSC telah menjalankan satu siri syarahan mengenai Strategi Lautan Biru (BOS) dan Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) dengan kerjasama pusat latihan yang lain. Pusat-pusat latihan yang terlibat adalah kolej, Maktab Angkatan Tentera Malaysia, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera Malaysia, Institut Pegawai Kanan Kanan (INSPEKA), Pusat Taktikal Maritim (PUSTAKMAR) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Kuliah yang diberi meliputi aspek kesedaran mengenai BOS, NBOS dan inisiatif NBOS yang dilaksanakan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Kuliah diberi sempena kursus yang dijalankan di pusat-pusat latihan.



Seminar Latihan Pegawai Kanan Hq tentera di Kolej Tentera Darat



MILOPS di PUSTAKMAR



Seminar Pegawai Kanan Tentera Darat di Bay View Hotel Johor Bharu



Program Kesedaran Strategi Lautan Biru di INTAN

## KESEDARAN MENGENAI CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

Satu ceramah mengenai cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang berjudul Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan telah disampaikan oleh Encik Mohammad Sabri bin Saad, Pengarah Penolong Kanan Kastam 1, Kastam Diraja Malaysia. Acara itu dianjurkan oleh MiDAS dengan kerjasama Kastam Diraja Malaysia dan telah diadakan di Auditorium Kementerian Pertahanan pada 16 Dis 2014. Majlis telah dirasmikan oleh Panglima Angkatan Tentera Jen Tan Sri Dato 'Sri (Dr.) Zulkifeli bin Mohd Zin. Antara VVIP yang hadir adalah Panglima Tentera Laut, Panglima Tentera Udara, dan Dato 'Mohammad Foad bin Haji Abdullah, TKSU (Pengurusan). Anggota dari Angkatan Tentera Malaysia dan Kementerian Pertahanan kakitangan awam turut hadir di majlis tersebut.





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***ANGKATAN TENTERA MALAYSIA***




Markas Angkatan Tentera Malaysia





# ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

## CARTA ORGANISASI ATM





## KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR NEGARA

### 1. Mesyuarat *Military Cooperation Working Group (MCWG) Ke - 9* di antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Angkatan Tentera Itali (ATI).

Mesyuarat MCWG di antara ATM dan ATI bagi membincangkan *Cooperation Plan 2015/2016* yang dicadangkan oleh pihak Itali. Mesyuarat ini dari kesinambungan mesyuarat *Joint Committee Meeting (JCM)* kali ke-2 antara Kementerian Pertahanan Malaysia dan Kementerian Pertahanan Itali. Mesyuarat telah berlangsung pada 28 Okt 2014 di Wisma Perwira ATM, Kuala Lumpur.



Mesyuarat (MCWG) Ke - 9

### 2. Mesyuarat *Bilateral Training And Consultative Group (BITACG) Ke-30* Di Hawaii Pada 19 Hingga 20 Mei 2014.

Mesyuarat BITACG Ke-30 telah diadakan di Camp H.M. Smith, Honolulu, Hawaii dari 19 hingga 20 Mei 2014. Mesyuarat lebih menjurus kepada perbincangan status tindakan yang telah diambil terhadap perkara (*Open Items*) mesyuarat *Mid Term Review (MTR) BITACG Ke-29* yang telah diadakan pada 13 Nov 2013 di Wisma Transit Kuala Lumpur (WTKL). Mesyuarat juga disertakan dengan perkara-perkara baru (*New item*) dan sesi percambahan pengetahuan dengan pembentangan taklimat dari kedua belah pihak melalui sesi *Plenary Briefings*. Buat pertama kalinya, pihak *United State Pacific Command (USPACOM)* juga telah mengadakan *Senior Leader Seminar (SLS)* yang telah dilaksanakan secara serentak semasa mesyuarat ini.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 31 orang delegasi daripada *United States Forces* melibatkan perwakilan daripada *United States Pacific Command (USPACOM)*, Hawaii, *Office of Defence Cooperations (ODC)* Kuala Lumpur dan wakil dari *United States Department of Defence*, Washington. Delegasi Amerika Syarikat (AS) diketuai oleh Mej Jen Michael Dana, USMC, *Director for Strategic Planning and Policy*, USPACOM J5. Delegasi daripada Malaysia pula terdiri daripada 17 pegawai ATM serta pegawai dari Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KEMENTERAH. Deligasi yang diketuai oleh Mej Jen Dato' Kamaluzaman bin Mohd Othman TUDM, AKS Perancang Pertahanan (AKS PP) Markas ATM.

Mesyuarat BITACG Ke-30 telah dilaksanakan dengan jayanya serta mencapai tujuan bagi mengeratkan lagi kerjasama pertahanan dua hala di antara Malaysia dan AS. Mesyuarat seterusnya adalah BITACG Ke-31 yang akan dianjurkan di Kuala Lumpur, Malaysia pada bulan Mei 2015.



Mesyuarat BITACG Ke-30

### 3. Mesyuarat Five Power Defence Arrangements (FPDA) Activities Coordinating Committee (FACC) Ke-39 Dan 40.

Mesyuarat FACC Ke-39 telah diadakan dari 4 hingga 6 Mac 2014 di Hotel Regent, Singapura manakala Mesyuarat FACC Ke-40 telah diadakan dari 1 hingga 3 Okt 2014 di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur.

Secara amnya, kedua-dua mesyuarat membincangkan kertas kerja serta laporan-laporan yang dikemukakan oleh pihak HQIADS yang memerlukan maklumbalas dari FACC. Selain itu, kertas kerja dari FPDA *Logistics Working Group* (FLWG), FPDA *Communications Working Group* (FCWG) dan FPDA *Land Integration Working Group* (FLIWG) juga turut dibincangkan semasa mesyuarat tersebut. Mesyuarat seterusnya akan menentukan kertas kerja untuk dibawa ke Mesyuarat FCC bagi tindakan selanjutnya.

Mesyuarat ini banyak memberi manfaat kepada ATM serta negara ahli FPDA. Ianya dapat mengemaskini maklumat terkini tentang eksekutif-eksekutif dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh HQIADS bagi merealisasikan matlamat penubuhan FPDA. Mesyuarat ini juga merupakan platform kepada ahli-ahli FPDA untuk memperakui kertas kerja, konsep dan laporan yang dikemukakan oleh HQIADS sejajar dengan fungsi FACC.



Mesyuarat FPDA Ke-39

**4. Pacific Area Senior Officer Logistics Seminar Planning Group (PPG) Ke-43.**

*Pacific Area Senior Officer Logistics Seminar Planning Group (PPG) ke-43* telah diadakan di Papua New Guinea dari 4 hingga 7 Mei 2014. Mesyuarat ini bertujuan membuat perancangan serta persiapan bagi penganjuran PASOLS ke-43. Lanjutan daripada itu sekretariat PASOLS telah menjemput ATM untuk menghantar peserta bagi menghadiri mesyuarat *Pacific Area Senior Officer Logistics Seminar (PASOLS) ke-43* dari 4 hingga 7 Nov 2014 di Jakarta, Indonesia. PASOLS ke-43 dianjurkan bersama antara Tentera Nasional Indonesia (TNI) dengan USPACOM.



Seminar IPPG ke 43





## 5. Lawatan Explorasi Ke Republik Rakyat China (RRC).

Satu delegasi yang terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Setiausaha Bahagian Industri Pertahanan dan Asisten Ketua Staf Logistik Pertahanan telah dijemput untuk menghadiri Lawatan Explorasi ke Negara China bagi mengenal pasti tawaran yang boleh diberi oleh syarikat-syarikat Industri Pertahanan China berdasarkan keperluan ATM. Lawatan dan persembahan telah diadakan mulai 10 hingga 11 Jul 2014 di beberapa premis syarikat seperti *China Precision Machinery Import-Export Corp (CPMIEC)*, *China Aerospace Science & Industry Corp (CASIC)*, *China North Industries Corp (NORINCO)*, *China National Aero-Technology Import & Export Corp (CATIC)* dan *China Shipbuilding Trading Corp (CSTC)*.



Lawatan Explorasi Ke RRC

## KERJASAMA DENGAN AGENSI DALAM NEGARA

### 6. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Operasi dan Latihan (JPOL) Antara ATM - PDRM.

MK ATM telah menganjurkan Mesyuarat JPOL ATM-PDRM Tahun 2014 yang diadakan di Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia pada 12 Ogos 2014. Mesyuarat ini lazimnya dianjurkan bergilir setiap tahun bagi menambahbaik hubungan kedua-dua agensi dari segi operasi dan latihan bersama.



Mesyuarat JPOL ATM - PDRM



## 7. Hari Angkatan Tentera Malaysia Ke-81.

Sambutan Hari ATM Ke-81 telah diadakan pada 17 Sep 2014. Ia disambut dengan beberapa acara yang melibatkan keberangkatan SPB Yang di-Pertuan Agong dan SPB Raja Permaisuri Agong. Beberapa acara yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Sep hingga Nov 2014 adalah seperti Istiadat Perbarisan, Majlis Bacaan Yassin, Tahlil & Doa Selamat, Khutbah Khas & Solat Jumaat, Acara Derma Darah, Majlis Meraikan Mantan PAT dan Mantan Panglima Perkhidmatan, Majlis Meraikan Anggota Cedera, lawatan BAKAT, pertandingan golf dan Majlis Meraikan Penasihat Pertahanan Negara Asing.



PAT semasa perbarisan

## 8. Penyampaian Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera (SIAGA PAT) 2014 Sempena Hari Ulang Tahun (HUT) ATM Ke-81.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera semasa perbarisan HUT ATM Ke-81 di Kem Perdana Sg. Besi pada 18 Sep 2014. Pemenang anugerah tersebut dari setiap perkhidmatan ATM adalah seperti berikut:

- a. Perkhidmatan Tentera Darat - 21 Grup Gerak Khas (GGK).
- b. Perkhidmatan Tentera Laut - Kapal Diraja (KD) LEKIU.
- c. Perkhidmatan Tentera Udara - Pangkalan Udara (PU) Kuantan.



21GGK



KD LEKIU



PU Kuantan

### 9. Pelancaran Buku “Perancangan Ketenteraan Dalam As-Sunnah” oleh Menteri Pertahanan.

Pada 25 Jun 2014 bertempat di Auditorium KEMENTAH, Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein telah melancarkan sebuah buku terbitan KAGAT yang bertajuk “Perancangan Ketenteraan Dalam As-Sunnah” yang diterjemahkan dari kitab asal yang bertajuk “At-Takhtit Al-Askari Fi As-Sunnah Nabawiyah” karangan Dr. Yahya Basyir Hamid Al-Buttusy dari Negara Jordan. Diharap buku ini dapat menjadi panduan dan rujukan dalam memahami dan mengetahui perancangan ketenteraan yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W.



Pelancaran Buku “Perancangan Ketenteraan Dalam As-Sunnah”

### 10. Laporan Pelaksanaan Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM 2014.

Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM peringkat pusat pada tahun 2014 telah berlangsung pada 26 Ogos 2014 di Auditorium KEMENTAH. Majlis telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan Malaysia YB Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussien, dan turut diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Tan Sri Dato’ Sri (Dr.) Haji Zulkifeli bin Mohd Zin, serta Laksamana Tan Sri Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera Dato’ Sri Mohd Anwar bin Hj Mohd Nor (Bersara), Panglima-Panglima Perkhidmatan dan Pegawai-Pegawai Kanan ATM serta awam KEMENTAH. Seramai 312 pelajar telah menerima anugerah ini (188 pelajar PMR dan 124 SPM).



Anugerah Kecemerlangan Akademik ATM 2014





## 11. Mesyuarat Majlis Raja-Raja (MRR).

MRR dilangsungkan di Istana Negara pada bulan Februari, Jun dan Oktober. Panglima Angkatan Tentera (PAT) menyampaikan taklimat operasi dalam dan luar negara, latihan dan Eksesais Bersama serta prestasi kewangan dan perbelanjaan ATM. BPP bertanggungjawab menyediakan taklimat untuk dibentangkan oleh PAT semasa mesyuarat. Bagi tahun 2014, MRR telah bersidang pada tarikh-tarikh berikut:

- a. MRR 234 pada 27 Feb 2014.
- b. MRR 235 pada 19 Jun 2014.
- c. MRR 236 pada 30 Okt 2014.



Mesyuarat Majlis Raja-Raja di Istana Negara



Ketibaan PAT bersama KPN di Istana Negara

## HUBUNGAN ANTARABANGSA

### AKTIVITI KETENTERAAN *CONFIDENT BUILDING MEASURES* (CBM)

## 12. Lawatan Panglima Angkatan Tentera Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Timor-Leste Yang Ke-13.

Sambutan ini telah diadakan di hadapan bangunan *Timor-Leste Defence Force (F-FDTL) General HQ* di Fatuhada, Dili pada 2 Feb 2014. Acara telah dibuat secara sederhana sahaja dan turut dihadiri oleh duta-duta dan penasihat-penasihat pertahanan yang berada di Dili. Satu penghormatan amat besar telah diberikan kepada ATM dan Malaysia kerana kehadiran PAT merupakan hanya seorang sahaja Ketua Angkatan Tentera negara asing dijemput khas untuk menyaksikan sambutan ini.



PAT sewaktu mengambil penghormatan Kawalan Kehormatan Utama Angkatan Tentera Timor-Leste



Lawatan PAT Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Tentera Timor-Leste Yang Ke-13

### 13. Penganugerahan Distinguished Service Order (Military) Singapura Kepada Panglima Angkatan Tentera.

Istiadat Penganugerahan Darjah Utama Bakti Cemerlang (Tentera) atau *Distinguished Service Order (Military)* kepada PAT oleh Presiden Republik Singapura pada 13 Ogos 14. Penganugerahan ini adalah sebagai pengiktirafan Singapura atas kepimpinan dan sumbangan signifikan PAT dalam memperkukuhkan hubungan pertahanan bagi kedua-dua negara Singapura dan Malaysia.



Penganugerahan Distinguished Service Order (Military) Singapura Kepada PAT



PAT dan PM Singapura



PAT dan PAT Singapura

### 14. 2014 Annual Chiefs Of Defense (CHOD) Conference.

Panglima Angkatan Tentera telah menerima undangan daripada *Commander United States Pacific Command (USPACOM)* Admiral S J Locklear III, dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Yang Mulia Pehin Datu Pekerma Jaya, Mej Jen Dato Seri Pahlawan Mohd Tawih bin Abdullah, bagi menghadiri *2014 Annual Chiefs of Defense (CHOD) Conference* yang diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam dari 3 hingga 6 Nov 2014. Persidangan CHOD 2014 yang bertemakan “*Multilateralism: Practical Cooperation and Shared Responsibilities*” merupakan anjuran bersama USPACOM dan ABDB.



Para delegasi CHOD 2014




**15. Lawatan Panglima Angkatan Tentera Ke 10th China Airshow 2014 Di Zhuhai City, Republik Rakyat China.**

10th Airshow China 2014 telah berlangsung di Zhuhai City, Guangdong Province, Republik Rakyat China pada 12 hingga 15 Nov 2014. Ia merupakan penganjuran kali yang ke-10 sejak pertama kalinya dianjurkan pada 1996. Ia merupakan satu-satunya pameran aeroangkasa antarabangsa yang diperakui oleh Kerajaan Republik Rakyat China dan diadakan dua tahun sekali. Ia mempamerkan pelbagai bentuk produk dan teknologi ketenteraan penghasilan dari Negara China. Semasa lawatan ke Airshow China 2014, PAT berkesempatan membuat kunjungan hormat ke atas *Chairman of China National Precision Machinery Import & Export Corporation (CPMIEC)* Mr Yin Xingtong pada 13 Nov 2014.



China Airshow ke 10 di Zhuhai City



PAT di Zhuhai City, China



## PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN SUKAN ATM TAHUN 2014

### 16. Peringkat Antarabangsa.

Persatuan Sukan ATM telah meneruskan penyertaan dalam pertandingan sama ada sebagai atlet mahupun pegawai kejohanan di peringkat antarabangsa. Di antara penglibatan dan pencapaian persatuan ATM adalah seperti berikut:

SIRI	SUKAN	KEJOHANAN	ACARA	KEDUDUKAN PINGAT
1.	Angkat Berat & Bina Badan	Kejohanan Bina Badan Lelaki Ke 12, Asia Tenggara di Singapura mulai 13 - 16 Jun 2014.	Kategori 70 Kg	Emas
		Kejohanan ke 48 Asian Bodybuilding Fitness And Physique Sports Championship di Macao, China mulai 26 Ogos - 1 Sep 2014.	Kategori 80 Kg	Emas



**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***ANGKATAN TENTERA MALAYSIA***




Tentera Darat Malaysia



# TENTERA DARAT MALAYSIA

## ORGANISASI

1. Organisasi Tentera Darat (TD). Organisasi TD berpaksikan kepada hierarki ketenteraan yang diterajui oleh Panglima Tentera Darat (PTD).





## SISTEM PENGURUSAN STRATEGIK

### 2. Visi, Misi dan Matlamat

#### VISI

Satu Angkatan Darat yang moden, kredibel, seimbang, mampu dan bersedia melaksanakan misinya sebagai sebahagian daripada ATM.

#### MISI

Mempertahankan kedaulatan Malaysia dan kepentingannya daripada ancaman luar serta membantu pihak berkuasa awam untuk mencapai keamanan dan kemakmuran negara.

#### MATLAMAT

Menentukan tahap kesiagaan yang tinggi (*high state of readiness*) dan mampu melaksanakan pelbagai bentuk misi (*multi mission capable*) dalam pelbagai dimensi bagi mempertingkatkan perkhidmatan kepada rakyat dan negara.

### 3. Tugas dan Tanggungjawab

#### TUGAS UTAMA

- a. Mempertahankan perbatasan dan sempadan negara daripada penceroboh luar pada sebilang masa.
- b. Semasa perang dan semasa darurat, TD akan menentang atau menghalang dan seterusnya memusnahkan semua musuh negara.
- c. TD juga bertindak terhadap sebarang darurat dan keganasan sama ada dibantu oleh pihak dalam atau pihak luar.

#### TUGAS SEKUNDER

- a. Membantu PDRM dan Pihak Berkuasa Awam dalam ketenteraman awam.
- b. Dalam suasana bencana alam atau malapetaka, TD akan memberi bantuan sewajarnya.
- c. Menyumbang serta membantu Pihak Berkuasa Awam dalam pembangunan negara.

#### TUGAS SOKONGAN

Melaksanakan operasi pengaman di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), NATO dan ASEAN.

#### 4. Operasi dan Latihan



PTD mengacau dodol dan menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri sempena lawatan Hari Raya Aidilfitri di Pos Tg Sepang, Kota Tinggi, Johor pada 28 Jul 2014



#### 5. Kecemerlangan Latihan dan Ekseksais.



Panglima Tentera Darat YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor diberi taklimat oleh Panglima 3 Divisyen, Mej Jen Dato' Sheikh Mokhsin Sheikh Hassan berkaitan Ekseksais Pahlawan 2014.



Wawancara bersama media diantara Panglima 6 Bgd dan Panglima 1 Bgd NZD semasa Upacara Pembukaan Eks TAJAHA TOMBAK 25/14



Ekseksais Keris Strike Siri 18/2014 adalah merupakan Latihan Bilateral secara Tahunan antara Tentera Darat Malaysia dan United States Army Pacific Command (USARPAC) yang telah diadakan pada 13 hingga 26 Sept 2014 di Kelantan.



## 6. Penglibatan Tentera Darat dalam OP DAULAT.

Operasi bermula dengan Op SERKAP/DAULAT mulai 13 Feb 2013 bagi membantu Pihak PDRM mengawal situasi keselamatan KTJ Pantai Timur Sabah. Operasi tersebut telah ditamatkan pada 29 Jun 2014 dan disambung dengan Op DARATAN/SANGGAH.



Anggota TD sedang membuat pemeriksaan dokumen dan penginapan bagi memantau keselamatan di kawasan Sabah pada 7 Mei 2014



## 7. Keamanan Sejagat.

Penglibatan Tentera Darat dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah bermula sejak tahun 1960 hinggalah ke hari ini. Sepanjang tempoh berkenaan seramai 25,743 anggota TD telah terlibat sama ada dalam misi PBB, NATO dan Tim Pemantauan Antarabangsa Mindanao.



Majlis Pembubaran MALBAT 850-1 yang telah disempurnakan oleh PTD di Padang Kawad PUSASDA pada 1 Okt 14



Majlis Transfer of Authority diantara Komander MALBAT 850-1 dengan Komander MALBAT 850-2 di Kem Marakah pada 23 Sep 14

## HUBUNGAN KETENTERAAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

8. Lawatan rasmi dan kunjungan hormat pemimpin kanan tentera asing adalah antara aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2014 bagi meningkatkan kesefahaman dan kerjasama ketenteraan.



Lawatan oleh Deputy Commander Land Forces of UAE, Brig Gen Saleh Mohammed Saleh Al Ameri pada 16-18 Nov 2014



Kunjungan Hormat Lt Gen Stephen R. Lanza, Commanding General, 1 Corps, US Army pada 18 Sep 2014

## 9. Military Operation Other Than War (MOOTW).

a. Aktiviti MOOTW/ Program Jiwa Murni.

Pada tahun 2014 seramai 6,389 anggota Tentera Darat terlibat dalam Ops Murni (Banjir) dan berjaya menyelamatkan serta memindahkan seramai 59,216 rakyat Malaysia daripada 23 lokasi yang dilanda banjir pada ketika itu. Selain dari membantu dalam kejadian banjir Tentera Darat juga tidak terkecuali membantu rakyat dalam kejadian tanah runtuh dan ribut.



Seorang anggota tentera mengangkat seorang nenek yang uzur untuk dipindahkan dalam Ops Murni 2014



PTD turun padang bagi meninjau sendiri pelaksanaan Ops Murni.



b. Projek National Blue Ocean Strategy (NBOS).

i. **Projek 1Malaysia Veteran Home Repair Program (1MVHRP) di bawah inisiatif NBOS 7.**

Sebanyak 100 buah rumah Projek 1MVHRP di bawah NBOS 7 pada tahun 2014 dengan pecahan kepada 50 Bina Baru dan 50 Baik Pulih. Projek ini telah dilaksanakan pada 1 Jul 2014 oleh semua pasukan di bawah naungan RAJD. Projek ini adalah hasil kerjasama pihak Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bersama RAJD serta dipantau oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).




*Keadaan rumah yang siap dibina di Kuala Kangsar, Perak*



ii. **Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB).**

Projek ini merupakan projek kerjasama pihak ATM bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pihak ATM telah membantu membina bersama-sama dengan KKM dan penduduk kampung. Peruntukan kewangan telah disediakan oleh KKLW. Program ini merupakan sebahagian daripada program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekitar (BAKAS). Projek BALB pada tahun 2014 yang melibatkan ATM merangkumi 11 lokasi yang tidak mendapat bekalan air paip negeri.



*Kolam takungan air di Kampar, Perak*



*Jentera RAJD sedang menyiapkan jalan perhubungan di kawasan pedalaman*

iii. **Projek Menaik Taraf Jalan dari Miri ke Marudi di Sarawak.**

Skop kerja adalah menaik taraf sepanjang 52 km menggunakan kaedah rawatan tanah (*soil stabiliser*) dan sealant, pembinaan enam buah jambatan *bailey compact* 200 dan 51 buah pembentung.

iv. Projek Membina Jalan dari Ba'kelalan ke Bario.

Skop kerja melibatkan pembinaan jalan sepanjang 13 km menggunakan kaedah rawatan tanah (*soil stabilizer*) dan sealant, pembinaan tiga buah jambatan *bailey compact 200* dan 16 buah pembentung.

10. Pencapaian KIK. (Kumpulan Inovatif dan Kreatif)

BIL	PROJEK	PASUKAN	KATEGORI	PERINGKAT	JUMLAH PENGUNJUNG
1.	Kesukaran Mendapatkan Data-Data Orientasi, Fiksasi dan Altitud	21 RAD	Pengurusan	Kementerian Pertahanan	Johan
				Negeri Sembilan	Naib Johan
				Kebangsaan	Peserta
2.	Kelewatan Memaklumkan Maklumat Kejadian Melibatkan Anggota Kepada Pihak Atasan	52 RAD	Pengurusan	Kementerian Pertahanan	Ketiga
3.	Kesukaran Membuka dan Memasang Roda Kenderaan Berat	IJED	Teknikal	Kementerian Pertahanan	Johan
				Kebangsaan	Persembahan Terbaik
					Pengkomersilan Produk



Penyerahan KIK TD di Peringkat Kebangsaan – Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam pada 1 – 4 Dis 2014

## 11. Sambutan Hari Inovasi.

Sambutan Hari Inovasi TD atau dikenali sebagai Anugerah Pengurusan dan Inovasi TD (APITD) diadakan pada 24 Nov 2014 di Auditorium Badan Kesenian TD. Sambutan ini telah dirasmikan oleh PTD dan dihadiri oleh warga TD. Pengisian aktiviti meliputi aktiviti penghargaan terhadap penglibatan anggota dalam inovasi dan KIK, pertandingan esei, pameran, syarahan dan konvisyen KIK.



Sambutan Hari Inovasi TD 2014 - PTD sedang ditemuramah oleh wartawan berhubung dengan Inovasi TD



Sambutan Hari Inovasi TD 2014 - MK 1 Div sebagai Johan Keseluruhan Anugerah Pengurusan dan Inovasi TD 2014

## 12. Askar Wataniah

### a. Pengambilan Anggota Sukarela Askar Wataniah.

Sasaran pengambilan anggota sukarela pada tahun ini adalah seramai 6,000 anggota. Prestasi pengambilan anggota sehingga bulan November 2014 adalah seramai 7,255 anggota. Perbandingan pengambilan anggota sukarela Askar Wataniah untuk 2 tahun mulai 2013 dan tahun ini adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	SASARAN	PENGAMBILAN ANGGOTA SUKARELA					JUM	CAPAIAN %
			BUMI	BUKAN BUMIPETRA					
				CINA	INDIA	LAIN-LAIN			
1.	2013	6000	6204	104	67	3	174	6378	106.3%
2.	2014	6000	6760	298	183	14	495	7255	120.9%

### b. Penyertaan Orang Kenamaan, Ketua Jabatan Awam dan Swasta.

Seramai 18 orang Pegawai Kanan Sukarela dan Kehormat telah dianugerahkan pangkat yang terdiri daripada sektor perkhidmatan awam dan swasta. Objektif pelaksanaan penganugerahan ini adalah untuk meningkatkan hubungan antara orang awam dan tentera.



Pegawai Kanan Sukarela dan Kehormat yang dipakailkan pangkat bergambar kenangan bersama Menteri Pertahanan



Sesi Dialog Menteri Pertahanan bersama media selepas majlis pemakaian pangkat kepada Pegawai Kanan Sukarela dan Kehormat AW



## KEBAJIKAN

### 13. Bantuan Am Kebajikan.

Pelbagai bantuan kebajikan telah disediakan oleh ATM dan TD khususnya dari sudut bantuan dan kemudahan perbelanjaan perubatan. Antara bantuan-bantuan kebajikan yang disediakan adalah dari Bahagian Perkhidmatan Kesihatan (BPK), Tabung Kebajikan Angkatan Tentera (TKAT), Tabung Zakat Angkatan Tentera Malaysia (TZ ATM), Derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (DTAPPN) dan Tabung Kebajikan PTD (TKPTD) yang dikhususkan bagi menyalurkan kebajikan kepada warga TD serta keluarga mereka yang memerlukan. Wang sumbangan dari PBB juga diberi kepada waris yang terkorban semasa penugasan.



PTD menyampaikan cek sumbangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Puan Aniza binti Ariffin iaitu balu kepada Allahyarham 537154 Sjn Rosdi bin Mohamad Zan yang terlibat dengan kemalangan jalanraya ketika Misi UNIFIL di Lubnan.



Panglima 2 Divisyen, Mej Jen Dato' Mohd Shukuri bin Ahmad menyampaikan 'Medal Dag Hammark Jold' kepada balu Lt Kol Habibullah bin Ismail, Pn Mariani bt Mahadir. Medal ini adalah merupakan tanda penghargaan pihak UNIFIL di atas khidmat bakti Allahyarham sebagai Pegawai Staf UNIFIL di Naqoura, Lubnan.

## PENUTUP

14. Sebagai benteng utama pertahanan negara, TD beriltizam sentiasa berusaha untuk terus menempa pencapaian yang cemerlang di setiap bidang keberhasilan. Usaha-usaha ini haruslah digarap dan digembleng oleh setiap anggota yang sentiasa berpegang teguh kepada empat Nilai Teras TD bagi mengungguli kecemerlangan yang mampan dan berwibawa untuk nusa dan bangsa.






**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***ANGKATAN TENTERA MALAYSIA***

Tentera Laut Diraja Malaysia



# TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM)



## PENDAHULUAN

1. Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) berperanan melindungi kepentingan maritim Malaysia merangkumi kedaulatan negara dan integriti wilayah meliputi keselamatan nyawa dan harta benda. TLDM di bawah teraju Panglima Tentera Laut, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Abdul Aziz bin Hj Jaafar, sentiasa berusaha memastikan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan sejajar dengan visi menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia. TLDM sebahagian di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah membuktikan kemampuannya untuk terus berkembang melalui beberapa era perubahan yang mentransformasikan TLDM menjadi sebuah angkatan yang berkredibiliti tinggi. Justeru, kewujudan TLDM bukan sahaja sebagai pertahanan negara malahan TLDM adalah sebuah organisasi yang amat berkepentingan secara inklusifnya menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

## PENGURUSAN STRATEGIK

2. TLDM telah membangunkan Pelan Strategik yang dikenali dengan nama Pelan Strategik 2013-2020 atau PS1320. Pelan ini merupakan perancangan strategik jangka pendek dan panjang TLDM selama 7 tahun. Pelan ini dibangunkan di peringkat strategik dan dilatakan sehingga ke peringkat taktikal. Metodologi *Balanced Scorecard* membantu TLDM mewujudkan satu sistem pengurusan prestasi yang memastikan semua peringkat organisasi dan individu berusaha secara kolektif untuk mencapai kesiagaan tertinggi seperti yang dikehendaki oleh pihak berkepentingan.



RMN Strategic Plan 2013-2020

## OPERASI DAN LATIHAN

3. Sepanjang tahun 2014, TLDM telah terlibat dalam beberapa siri operasi dan latihan yang dilaksanakan sama ada secara unilateral, bilateral dan multilateral seperti berikut:

### a. Operasi Dalam Negara.

TLDM telah melaksanakan tujuh operasi dan mencapai 100% pelaksanaannya bagi menjamin kedaulatan perairan negara. Operasi dilaksanakan melalui aktiviti memperagakan kehadiran dan rondaan di kawasan operasi maritim Malaysia. Ianya bertujuan untuk mencegah kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), penyeludupan barang dan senjata api, penangkapan ikan secara haram, rompak, aktiviti lanun, penculikan, dan lain-lain.

### b. Operasi Bersama dan Gabungan.

Terdapat beberapa rondaan bersama telah dilaksanakan di perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan yang melibatkan TLDM dan tentera laut negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura. Operasi ini telah berjaya mengekang aktiviti seperti lanun, pencerobohan nelayan asing dan penangkapan ikan secara haram, penyeludupan, pencemaran laut dan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI). Selain daripada itu, TLDM juga telah melaksanakan operasi mencari dan menyelamatkan pesawat Penerbangan Malaysia MH370 yang hilang dari radar ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing. Walaupun pesawat masih belum dijumpai, kelancaran dan koordinasi operasi mendapat pujian dunia. Operasi maritim membabitkan 60 buah kapal yang dibahagikan mengikut sektor masing-masing di Laut China Selatan dan Selat Melaka Utara. Negara-negara yang terlibat adalah Malaysia, Singapura, Republik Rakyat China, Amerika Syarikat, Jepun, Thailand, Vietnam, Indonesia dan Australia.



KD HANDALAN dan KRI AMALANG sedang melaksanakan Latihan bersama di Perairan Selat Melaka pada 11 Jun 2014



KD TERENGGANU dan KD PAHANG turut terlibat di dalam misi pencarian dan menyelamatkan apabila pesawat MAS MH 370 disahkan hilang pada 8 Mac 2014

### c. Eksesais Dalam Negara.

Sebanyak tiga eksesais dalam negara telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2014 iaitu Eksesais JERUNG EMAS, Ops BARRACUDA dan Eksesais ANGSA yang menggabungkan *Operational Sea Training Exercise (OSTEX)* serta Op TAMING SARI. Pelaksanaan eksesais ini adalah bertujuan untuk menentukan kesiagaan dan kompetensi warga serta keupayaan aset TLDM sentiasa berada pada tahap yang tinggi di samping meningkatkan tahap kecekapan profesionalisme ketenteraan.





PTL bersama PTD, dan PANGOPS hadir menyaksikan penembakan bersepadu dari platform kapal KD MAHAWANGSA di Perairan Laut China pada 10 Sep 2014



Krew-krew bantuan dari Markas Angkatan Kapal Selam (MAKS) TLDM sedang melaksanakan pemungghahan masuk torpedo Black Shark ke dalam KD TRZ di Jeti Operasi MAKS pada 27 Okt 2014



Kejayaan penembakan torpedo Black Shark oleh kapal selam KD TRZ di Perairan Laut China Selatan pada 31 Okt 2014

#### d. Eksemais Bersama dan Gabungan.

Sebanyak 12 eksemais bersama/ gabungan secara bilateral dan multilateral telah berjaya dilaksanakan. Eksemais ini melibatkan tentera laut negara asing seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, New Zealand, India, Brunei, Thailand, Singapura dan Filipina. Eksemais yang dilaksanakan ini berjaya meningkatkan tahap profesionalisme warga TLDM dan kesiagaan Armada TLDM, di samping meningkatkan perhubungan dua hala di antara negara terlibat.

### HUBUNGAN DIPLOMATIK

4. Usaha mengekalkan hubungan diplomatik dengan tentera laut asing turut menjadi salah satu agenda utama TLDM. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan bagi meningkatkan kerjasama dan persefahaman di antara TLDM dengan tentera laut asing. Komitmen ini terbukti dengan pelaksanaan program dan aktiviti seperti berikut:

#### a. Lawatan Operasi Kapal Perang Negara Asing.

Sepanjang tahun 2014 sebanyak 104 buah kapal perang asing yang telah singgah untuk lawatan operasi di pelabuhan-pelabuhan TLDM dan Pelabuhan Kelang. Lawatan tersebut adalah sempena latihan bersama yang diadakan dan juga untuk ulang bekal. Dalam lawatan tersebut Pegawai Memerintah kapal berkenaan telah melakukan kunjungan hormat kepada Panglima Tentera Laut dan Panglima-Panglima Formasi yang berkenaan.



USS KIDD Di Pelabuhan Klang Barat



RSS ENDEAVOUR di Pangkalan TLDM Lumut

**b. Lawatan oleh Panglima Tentera Laut (PTL) Negara Asing.**

Sepanjang tahun 2014, TLDM telah menerima sebanyak 15 lawatan daripada PTL dan delegasi negara asing iaitu United Kingdom, Myanmar, Brunei, Amerika Syarikat, Filipina, Australia, Jepun, New Zealand, Singapura, Indonesia dan Thailand.



Kunjungan hormat Admiral Sir George  
 PTL United Kingdom



Kunjungan hormat Admiral Thura  
 PTL Myanmar



Kunjungan hormat Admiral Jonathan  
 PTL Amerika Syarikat



Kunjungan hormat Admiral Katsutoshi  
 PTL Jepun

**c. Mesyuarat Bilateral dan Multilateral.**

Sebanyak lapan mesyuarat bersama tentera laut asing yang dilaksanakan sepanjang tahun 2014 adalah seperti berikut:

- (1) *East Asia Hydrographic Commission* (EAHC) di Kuala Lumpur.
- (2) Simposium Angkatan Laut Pasifik Barat Ke-14 (WPNS) 2014, di Qingdao, China.
- (3) *Rimland Pacific Superintendents' Conference* (RPSC) Ke-5 di Kuala Lumpur.
- (4) *Western Pacific Naval Symposium Senior Enlisted Leaders Working Group* (WPNS SELWG) Ke-6 di Kuala Lumpur.
- (5) Mesyuarat Panglima Tentera Laut ASEAN Ke-8 (ANCM) di Bangkok, Thailand.
- (6) *International Seapower Symposium* (ISS) Ke-21 di Rhode Island Amerika Syarikat.
- (7) *Asia Pacific Submarine Conference* (APSC) 2014 di Kota Kinabalu.
- (8) EURONAVAL 2014 di Paris Le Bourget, Perancis.



PTL ketika menyampaikan ucapan perasmian EAHC di Hotel Royale Chulan pada 26 Feb 2014



PTL (dua dari barisan hadapan) mewakili Malaysia dalam Mesyuarat WPNS 16-14 di Qingdao, China dari 21 hingga 25 Apr 2014



Delegasi Tentera Laut asing sedang mendengar persembahan kertas kerja TLDM semasa Persidangan RPSD pada 17 Jun 2014



PTL berucap merasmikan Upacara Pembukaan 6th WPNS SELWG di Hotel Royale Bintang pada 19 Ogos 2014



PTL (empat dari kiri) bersama PTL ASEAN yang hadir ANCM di Bangkok, Thailand mulai 26 hingga 28 Ogos 2014



PTL (kedua dari kiri) bersama Ahli Panel dari Sepanyol, Brazil, Perancis dan Belanda semasa Sesi Plenari di ISS Ke-21 di Newport, Amerika Syarikat

## PEMBANGUNAN PRASARANA

5. Seiring dengan pembangunan infrastruktur yang pesat dalam TLDM, Projek Pembangunan Semula Kompleks Bangunan Kolej TLDM di Lumut yang terdiri daripada Bangunan Bilik Kuliah, Bangunan Pengurusan Hospitaliti dan Kulinari, Penyelaku Senjata Api Kecil, Bengkel Ujian Jentera serta Bengkel Propulsion dan Simulator telah dimulakan pada 3 Okt 2012 dengan nilai kontrak RM43 juta. Pembangunan ini telah menyumbang penambahbaikan suasana dan proses pembelajaran yang lebih kondusif. Kompleks tersebut telah berjaya disiapkan dan penerimaan dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:

- a. Bengkel Ujian Jentera (BUJ), *Small Arm Simulator* (SAS) dan Bilik Kuliah (BK) - 30 Jan 2014.
- b. Bangunan *Propulsion* dan Simulator (BPS) - 7 Apr 2014.
- c. Bangunan Pengurusan Hospitaliti dan Seni Kulinari (BPHSK) - 6 Mei 2014.
- d. *Medium Speed Engine Room Simulator Package* (MSERSP) - 21 Mei 2014.



Simulator Senjata Kecil



Bengkel Ujian Jentera



## PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

6. Demi meningkatkan tahap profesionalisme dan pengetahuan warganya, TLDM telah melaksanakan beberapa inisiatif yang merangkumi:

**a. Persijilan Kelayakan Tenaga Pengajar Vokasional oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia.**

Persijilan ini bagi memberi pengiktirafan kepada warga TLDM sebagai tenaga pengajar di Pusat Bertauliah JPK dalam TLDM. Seramai 20 orang warga TLDM (tiga Pegawai dan 17 anggota LLP TLDM) telah mengikuti kursus ini dan berjaya memperolehi persijilan Tenaga Pengajar Vokasional dari JPK.

**b. *Executive Certificate in Food and Beverages Management* oleh Taylor's University College.**

Persijilan ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan memberi pengiktirafan peringkat universiti kepada anggota TLDM yang terlibat dalam bidang penyediaan makanan. Seramai empat orang anggota TLDM (tiga Pegawai dan seorang LLP TLDM) telah mengikuti dan berjaya dalam kursus ini.

**c. *Certificate in Security Management/Internal Investigation Techniques* oleh Malicious Security (MalSec).**

Persijilan ini direka bentuk oleh MalSec untuk meningkatkan kemahiran dan memberi pengiktirafan kepada anggota TLDM yang terlibat dalam bidang pengurusan keselamatan. Seramai empat orang anggota LLP TLDM telah berjaya mengikuti kursus ini.

**d. *Kursus Advance Adventure Diver Scuba Diving International (SDI)*.**

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran dan memberi pengiktirafan ke tahap penyelia (*supervisor*) yang diiktiraf oleh SDI kepada anggota TLDM dalam bidang selaman rekreasi. Seramai empat orang anggota LLP TLDM telah berjaya mengikuti kursus ini.

**e. *Certificate Programme For Safety and Health Officer (Full Time)* oleh National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH).**

Persijilan ini bertujuan meningkatkan kemahiran anggota TLDM dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diiktiraf oleh NIOSH. Seorang pegawai TLDM telah berjaya mengikuti kursus ini.

**f. *Kursus Advance Hydraulic System* oleh Universiti Kuala Lumpur-Malaysia Spanish Institute (UniKL – MSI).**

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran anggota ke tahap yang lebih tinggi dalam bidang sistem hidraulik dengan mendapatkan sijil pengiktirafan dari UniKL - MSI. Seramai enam orang anggota LLP TLDM telah berjaya mengikuti kursus ini.

**g. *Program Pengajian Tinggi*.**

TLDM sentiasa menitikberatkan peluang untuk peningkatan taraf akademik warganya. Justeru, pada tahun 2014 TLDM telah menghantar seramai 297 orang warganya untuk mengikuti Program Pengajian Tinggi Sepenuh Masa dan Separuh Masa di beberapa Universiti dalam negara.



#### **h. Program Kerjasama Akademik.**

TLDM juga melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan taraf akademik warganya melalui program kerjasama akademik TLDM dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Sebanyak dua Program Kerjasama Akademik telah dimeterai iaitu dengan Management and Science University (MSU) (Diploma Seni Kulinari dan Diploma Pengurusan Hotel) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Ini bagi memastikan warga TLDM di Sabah dan Sarawak berpeluang untuk meningkatkan taraf akademik mereka dalam bidang yang ditawarkan oleh UMS.

### **KEBAJIKAN DAN SOSIAL**

7. Aktiviti kebajikan dan sosial turut menjadi agenda utama TLDM dalam mengeratkan hubungan harmoni di antara ahli keluarga. Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera - Laut (BAKAT Laut) telah mengadakan tiga majlis berkonsepkan kebajikan iaitu Majlis Meraikan Anak-anak Yatim, Lawatan Kebajikan di 96 Hospital Angkatan Tentera (HAT) Lumut dan juga Majlis Meraikan Anak-anak Istimewa yang merupakan aktiviti lazim sempena sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) TLDM. Ketiga-tiga majlis telah dilaksanakan dengan jayanya. Ringkasan pelaksanaan majlis seperti berikut:

#### **a. Majlis Meraikan Anak-anak Yatim.**

Majlis ini telah diadakan pada 29 Apr 2014 di atas KD KELANTAN. Seramai 100 orang anak - anak yatim dan murid – murid dari Sekolah Rendah Kebangsaan Pangkalan TLDM telah dijemput untuk menyertai pelayaran sekitar perairan Pulau Pangkor. Pelbagai acara menarik telah diadakan semasa pelayaran tersebut seperti sukaneka dan juga persembahan hiburan daripada Kombo Gelombang Biru TLDM.

#### **b. Majlis Meraikan Anak-anak Istimewa.**

Majlis ini telah diadakan di Auditorium M Sidek Shahbudin, KD PELANDOK pada 30 Apr 2014. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut TLDM, Yang Berbahagia Puan Sri Sarah bte Abdul Ghafar bersama ahli Jemaah Tertinggi BAKAT Laut. Di dalam majlis ini, kesemua anak-anak istimewa dan ibu bapa telah dihiburkan dengan pelbagai aktiviti seperti persembahan nyanyian, tarian dan juga badut. Majlis diakhiri dengan pemberian sumbangan dan sesi bergambar.

#### **c. Lawatan Kebajikan.**

Lawatan Kebajikan telah dilakukan di 96 Hospital Angkatan Tentera oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut, YBhg Puan Sri Sarah. Beliau telah melawat wad dan menyampaikan cendera kenangan kepada pesakit pada 29 Apr 2014. Beliau telah memberi kata-kata semangat agar terus tabah dan cekal dalam menghadapi dugaan yang mendatang serta terus bersemangat untuk meneruskan kehidupan demi keluarga tersayang.

d. Selain itu, aktiviti kebajikan sepanjang tahun 2014 turut meliputi lawatan oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut TLDM, Yang Berbahagia Puan Sri Sarah bte Abdul Ghafar diiringi Pengerusi BAKAT Laut Formasi ke atas pesakit kronik serta menziarahi kematian.



Majlis meraikan Anak-anak yatim di atas KD KELANTAN pada 29 Apr 2014



Majlis meraikan Anak-anak Istimewa di Auditorium M Sidek Shahbudin, KD PELANDOK pada 30 Apr 2014



Ahli Jawatankuasa BAKAT Laut menziarahi sambil menyampaikan cendera kenangan kepada pesakit di 96 HAT pada 29 Apr 2014

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

8. Selain daripada tugas-tugas operasi, TLDM juga memainkan peranan dalam tanggungjawab sosial korporat dengan memberi bantuan kepada agensi-agensi kerajaan lain dan masyarakat awam. Sepanjang tahun 2014, TLDM telah terlibat dalam bantuan seperti berikut:

- a. TLDM telah melaksanakan beberapa penerbangan ihsan (MEDEVACS) bagi membantu orang awam semasa dalam situasi kecemasan dan memerlukan tindakan pantas serta tempoh perjalanan yang singkat berbanding laluan darat. Melalui tindakan ini secara langsung menggambarkan keperihatinan TLDM terhadap masyarakat dan orang awam yang memerlukan bantuan kecemasan dan kritikal atas faktor kemanusiaan.



Pesawat Super Lynx TLDM menghantar bekalan di pusat pemindahan Rantau Panjang, Kelantan pada 29 Dis 2014



Penerbangan ehsan menggunakan pesawat Super Lynx TLDM bagi menghantar mangsa banjir dari Hospital Kuala Krai ke Hospital Universiti Sains Malaysia pada 27 Dis 2014

- b. TLDM telah melaksanakan 64 Projek Jiwa Murni sepanjang tahun 2014 dan ini merupakan peningkatan sebanyak 14 Projek berbanding tahun 2013. Antara projek dan aktiviti yang dilaksanakan ialah memberi sumbangan, membaiki pulih bangunan, membersihkan kawasan dan tempat-tempat awam di kawasan berhampiran pangkalan - pangkalan TLDM, menganjurkan promosi kerjaya TLDM di sekolah, IPT, agensi kerajaan dan swasta, serta bantuan kemanusiaan. Program yang dianjurkan ini telah berjaya mewujudkan hubungan dan kerjasama yang erat di kalangan warga TLDM dengan masyarakat setempat.

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

9. Pembudayaan inovasi dan kreativiti merupakan pemangkin kepada kecemerlangan TLDM. Budaya ini diterapkan di setiap peringkat warganya agar mereka dapat menyumbang ke arah mencapai kecemerlangan organisasi. Kejayaan yang telah dicapai oleh TLDM dalam aspek inovasi dan kreativiti adalah seperti berikut:

- a. Muncul sebagai Naib Johan dalam Pertandingan Kumpulan Inovasi Kreativiti (KIK) Kementerian Pertahanan bagi Kategori Teknikal dengan projek V-Clamp (Valve Clamp) oleh Bomba KD MALAYA. Bagi Kategori Pengurusan, TLDM telah mendapat tempat ketiga bagi projek Shaft Marking oleh Markas Kejuruteraan TLDM.
- b. TLDM berjaya menjadi Pemenang tempat Pertama dalam dua kategori Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2014 iaitu Kategori Pengurusan Projek bagi projek Non-Element Filter oleh Depot Selenggaraan Armada dan Cawangan Pengurusan Kewangan, Markas Tentera Laut dalam Kategori Pengurusan Kewangan bagi projek Interface Bill (I-Bill).
- c. TLDM juga berjaya memenangi tempat Kedua dalam tiga kategori seperti berikut:
  - (1) Kategori Pengurusan Kewangan. Projek Financial Claim 2014 (FICA 14) oleh Bahagian Logistik, Markas Angkatan Kapal Selam.
  - (2) Kategori Pengurusan Sumber Manusia. Projek e-Pengambilan oleh Bahagian Sumber Manusia, Markas Tentera Laut.
  - (3) Kategori Pengurusan Pelanggan. Projek Hydrographic Code of Practice for Ports and Harbours oleh Pusat Hidrografi Nasional.
- d. TLDM telah memajukan satu penyertaan untuk bertanding di dalam Festival Inovasi anjuran Jabatan Kastam pada 12 Mei 2014. Buat julung kalinya, Projek Non-Element Filter oleh Depot Selenggaraan Armada yang dipilih mewakili TLDM dan KEMENTERAH telah menjadi Johan bagi Agensi Kerajaan dan Swasta.
- e. KD LEKIU telah menerima Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera (SIAGA PAT) di atas kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang tahun 2014.



TLDM mencatatkan kemenangan berganda sebagai Pemenang Tempat Pertama dan Tempat Kedua Kategori Pengurusan Kewangan pada 25 Nov 2014

## **USAHA-USAHA PROMOSI**

9. Promosi Kerjaya. Usaha juga giat dijalankan untuk memperkenalkan TLDM kepada masyarakat umum melalui Program Promosi Kerjaya. Sepanjang tahun 2014, TLDM telah menyertai sebanyak 32 program anjuran ATM, agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

## **PENUTUP**

10. TLDM komited untuk terus membudayakan kecemerlangan dengan memfokuskan kepada kreativiti dan inovasi bagi merealisasikan visi untuk menjadi Tentera Laut Bertaraf Dunia. Pelaksanaan segala inisiatif yang dirancang dengan berkesan dan lancar akan dapat memacu TLDM untuk mencapai kecemerlangan dalam segala aspek.








**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***ANGKATAN TENTERA MALAYSIA***



Tentera Udara Diraja Malaysia



# TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA



## PENYUSUNAN SEMULA ORGANISASI TUDM

1. Berikutan berlakunya pelbagai perubahan di dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), TUDM telah mengambil inisiatif untuk terlibat sama menyusun semula struktur sedia ada. Penyusunan semula organisasi TUDM adalah bertujuan untuk menjajarkan fungsi-fungsi utama TUDM yang melibatkan fungsi operasi, bantuan, latihan dan Markas Pasukan Simpanan TUDM. Ia juga untuk membentuk satu struktur organisasi TUDM yang lebih efisien, efektif dan adaptif serta mampan (sustainable) sejajar dengan Pelan Transformasi TUDM, *Air Force - Next Generation* (AF-NG).

## PERTUKARAN PUCUK PIMPINAN TUDM

2. Tanggal 12 Sep 2014 telah menyaksikan satu lakaran sejarah pertukaran pucuk pimpinan jawatan tertinggi TUDM. Pada tarikh tersebut, YBhg Jen Dato' Sri Roslan bin Salam TUDM dengan secara rasminya telah dilantik sebagai Panglima Tentera Udara (PTU) yang ke 17 menggantikan YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM yang menamatkan perkhidmatannya di dalam TUDM. Majlis Pemakaian Pangkat dan Serah Terima Tugas telah berlangsung selepas Istiadat Persaraan PTU ke 16 di Pangkalan Udara (PU) Kuantan dan disaksikan oleh Pemangku Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor.



Upacara Pemakaian Pangkat dan Majlis Serah Terima Tugas PTU di PU Kuantan

## PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

### 3. Anugerah Inovasi KEMENTAH (AIKP).

TUDM telah memenangi kesemua lima kategori anugerah yang dipertandingkan dalam AIKP 2014. Anugerah yang dimenangi mengikut kategori adalah seperti berikut:

- a. Kategori Pengurusan Sumber Manusia.
  - (1) MTU-Kejuruteraan: Johan.
- b. Kategori Pengurusan Projek Sistem/Teknikal.
  - (1) No 15 Skn, PU Butterworth: Naib Johan.
  - (2) Skn 322 TUDM Bukit Ibam: Tempat ke-3.
- c. Kategori Pengurusan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.
  - (1) PUSPEKA: Johan.
  - (2) MATRA 3: Tempat Ke-3.

- d. Kategori Pengurusan Kewangan.  
(1) Cawang Materiel, PU Kuantan: Tempat ke-3.
- e. Kategori Pengurusan Pelanggan.  
(1) No 14 Skn, PU Labuan: Tempat ke-3.

#### ANUGERAH KECEMERLANGAN TUDM

4. Pada 17 Dis 2014, Penyampaian Anugerah Kecemerlangan TUDM 2014 termasuklah Anugerah *Airmen of the Year*, *Best Squadron of the Year* dan *Best Married Quarters of the Year* telah disampaikan oleh PTU semasa perbarisan sempena Pemeriksaan PTU di PU Subang. Pemenang *Airmen of the Year* dinobatkan kepada PW U I Norzaima bte Mohd Noor bagi kategori Pegawai Waran dan Kpl U Syed Amir bin Syed Zainol Hamzan bagi kategori Koperal ke bawah. No 10 Skuadron merupakan pemenang Skuadron Terbaik. Institut Latihan Tentera Udara (ITU) Ipoh merupakan pemenang bagi Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Lain-Lain Pangkat (LLP) Terbaik.



Pemenang-pemenang bagi *Airmen of the Year*, Skuadron Terbaik dan RKAT LLP Terbaik

#### 5. Penganugerahan Sayap Penerbangan Kehormat TUDM.

Commander in Chief, Royal Thai Air Force, Air Chief Marshal (ACM) Treetod Sonjance dianugerahkan Sayap Penerbangan Kehormat TUDM dalam majlis khas yang telah disempurnakan oleh PTU di Bilik Eaglenest Markas Tentera Udara (MTU) pada 16 Dis 2014.



Penganugerahan Sayap Penerbangan Kehormat TUDM kepada Commander in Chief, Royal Thai Air Force, ACM Treetod Sonjance disempurnakan oleh PTU



## OPERASI

6. TUDM terlibat dengan operasi-operasi rutin dan yang bukan rutin yang telah dijalankan sejak beberapa tahun yang lalu di samping operasi pemantauan berterusan ruang angkasa. Antara operasi-operasi yang telah dilaksanakan oleh TUDM adalah seperti berikut:

### a. Op MURNI.

Operasi ini adalah untuk memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa seperti banjir, tanah runtuh, ribut dan sebagainya di seluruh Negara. Penglibatan TUDM dalam Operasi Banjir bagi membantu mangsa banjir yang telah melanda Pantai Timur pada penghujung 2014.



Op MURNI: Banjir Pantai Timur



Operasi Pembenhian Awan



### b. Op Pembenhian Awan.

Ini adalah operasi bersama di antara TUDM dan Jabatan Meteorologi Malaysia (Met). Operasi ini menyediakan khidmat pembenhian awan dengan menggunakan pesawat C 130H untuk menggalakkan hujan turun semasa bencana kemarau atau jerebu. Operasi ini telah dilaksanakan pada bulan Mac, Ogos sehingga penghujung Oktober di kawasan tadahan air di Negeri Selangor. Satu operasi dilaksanakan pada bulan Ogos di kawasan tadahan sekitar Kuching hingga Samarahan.

### c. Misi Mencari dan Menyelamat (SAR) Pesawat MH370.

Sejak kehilangan MH370 pada 8 Mac 2014, semua aset TUDM yang terdiri daripada pesawat maritim, angkut, helikopter dan juga pesawat pejuang telah digunakan dalam usaha mengesan pesawat yang hilang. Pesawat ditugaskan mencari di kawasan Laut China Selatan, Selat Melaka, Lautan Andaman dan Lautan Hindi. Sebanyak tiga pesawat C130H telah ditempatkan di Pangkalan Udara Pearce, Australia Barat selama lebih daripada sebulan apabila pesawat dipercayai berakhir di selatan lautan Hindi.



Pesawat TUDM ditugaskan untuk mencari MH370

**d. Tragedi Penerbangan MH17.**

TUDM telah diberikan tugas membawa jenazah-jenazah penumpang pesawat MH17 yang ditembak jatuh di timur Ukraine pada 17 Jul 2014 untuk disemadikan di kampung halaman masing-masing. Pesawat C 130H dan EC 725 telah digunakan ke destinasi ke Pulau Pinang, Bukit Mertajam, Ipoh, Taiping, Pagoh, Segamat, Kuching dan Bintulu dalam beberapa siri penghantaran. Sehingga sekarang hanya dua jenazah rakyat Malaysia daripada 44 orang yang masih belum dijumpai.



TUDM membawa jenazah penumpang pesawat MH17 yang ditembak jatuh di Timur Ukraine

**e. Mencari dan Menyelamat (SAR) Pesawat Airasia QZ8501.**

TUDM telah menggerakkan sebuah Pesawat C-130H bagi misi SAR pesawat Air Asia QZ 8501 yang telah dilaporkan hilang di Laut Jawa pada jam 0724 28 Dis 2014 ketika dalam perjalanan dari Surabaya ke Singapura.

## OPERASI BERSAMA

7. Operasi Bersama yang telah dilaksanakan sepanjang 2014 adalah seperti berikut:

- a. Eyes in the Sky (EiS).
- b. Op PATKOR MALINDO.
- c. Eks PASSEX.
- d. Bantuan Bencana Alam dan Kemanusiaan Antarabangsa.

## LATIHAN DAN EKSESAIS

8. Latihan dan Eksemais yang telah dijalankan oleh TUDM di bawah Markas Pemerintahan Operasi Udara (MPOU) sepanjang 2014 adalah seperti berikut:

SIRI	EKSESAIS	TARIKH
1.	Eksemais Cobra Gold CPX – Phitsinulok, Thailand	20 Jan - 21 Feb 2014
2.	Eksemais ATG PLTB III – PU Kuantan	10 - 19 Feb 2014
3.	Eksemais AAG/AAMF – PU Butterworth	03 - 15 Mac 2014
4.	Eksemais Pahlawan CPX – PU Kuala Lumpur	17 - 29 Mac 2014
5.	Eksemais Kelawar – Sandakan	31 Mac - 13 Apr 2014
6.	Eksemais Air Thamal – PU Butterworth	05 - 16 Mei 2014
7.	Eksemais Shield 14 (FTX) – PU Kuantan/PU Butterworth/PU Gong Kedak	22 Mei - 05 Jun 2014
8.	Eksemais Teak/Balance Mint/Cope Taufan 14 (FTX) – PU Kuantan/PU Butterworth/PU Subang/PU Gong Kedak	09 - 20 Jun 2014
9.	Eksemais ATG/DKT/ASMF – PU Kuantan/PU Butterworth	04 - 13 Ogos 2014
10.	Eksemais Elang Malindo – PU Kuantan	04 - 16 Ogos 2014
11.	Eksemais Angsa 9/14 – TLDM Lumut	08 - 22 Sep 2014
12.	Eksemais TACOP – PU Subang/PU Gong Kedak	08 - 20 Sep 2014
13.	Eksemais Wira Helo – PU Butterworth	11 - 19 Sep 2014
14.	Eksemais Bersama LIMA 2014 (CPX & FTX) – PU Kuantan/PU Butterworth/PU Gong Kedak	07 - 22 Okt 2014
15.	HMG Firing – Lasarud Kota Belud	04 - 29 Nov 2014

## HUBUNGAN DIPLOMASI PERTAHANAN

9. Sepanjang tahun 2014, beberapa kerjasama dua hala telah dilaksanakan oleh TUDM bagi meningkatkan diplomasi pertahanan. Kerjasama ini melibatkan aktiviti-aktiviti berikut:

SIRI	AKTIVITI	TARIKH
1.	Lawatan Pertukaran Jurulatih Terbang PC 7 MK II dari India ke Malaysia	21 - 23 Jan 2014
2.	Lawatan Pertukaran Operator EC 725 dari Malaysia ke Perancis	17 - 24 Mei 2014
3.	Lawatan Pertukaran Operator Su30 dari India ke Malaysia	19 - 22 Ogos 2014
4.	Pacific Rim Symposium Air Power 2014	21 - 25 Sep 2014
5.	ASEAN Air Force Education and Training Working Group (AAFET-WG)	22 - 26 Sep 2014
6.	ASEAN Air Chiefs Conference (AACC)	22 - 26 Sep 2014
7.	Lawatan Pertukaran Operator Su30 Malaysia ke India	27 - 31 Okt 2014
8.	Lawatan Pertukaran Jurulatih Terbang PC 7 MK II Malaysia ke India	27 - 31 Okt 2014
9.	Lawatan Pertukaran Operator C 130 Malaysia ke India	27 - 31 Okt 2014
10	Senior Officers Exchange Program (SOEP)	17 - 19 Nov 2014
11.	Lawatan Pertukaran Operator C 130 dari India ke Malaysia	25 - 27 Nov 2014
12.	Lawatan Pertukaran Operator EC 725 dari Perancis ke Malaysia	30 Nov - 6 Dis 2014



## PERISTIWA DALAM NEGARA

### 10. Perbarisan Persaraan PTU Ke 16 Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM.

Satu istiadat perbarisan sempena persaraan PTU yang ke 16, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM telah diadakan di Pangkalan Udara Kuantan, Pahang pada 12 Sep 2014. Istiadat perbarisan ini diadakan sebagai penghormatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kepada YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM yang akan bersara dari perkhidmatan pada 11 Mac 2015 selepas 42 tahun menabur bakti di dalam perkhidmatan ATM khususnya TUDM. Di akhir acara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali bin Daud TUDM bersama isteri YBhg Puan Sri Datin Sri Asnah binti Din dibawa berarak dengan pesawat MiG-29N dengan diiringi Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota TUDM ke pesawat helikopter EC725 dan seterusnya diterbangkan meninggalkan PU Kuantan.



*Perbarisan Persaraan PTU Ke 16, Jen Tan Sri Dato' Sri Rodzali Bin Daud TUDM*

### 11. Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) TUDM Ke 56.

Sambutan HUT TUDM yang ke 56 bertemakan 'Kuasa Udara Kuasa Negara'. Tema ini dijadikan sebagai tema sambutan untuk menjelaskan mesej aspirasi TUDM kepada seluruh warganya dan rakyat Negara Malaysia sempena sambutan HUT TUDM yang ke 56 pada 1 Jun 2014. Program-program yang telah ditetapkan sempena HUT adalah seperti berikut:

- a. Tahlil dan Ceramah Agama.
- b. Perbarisan Sempena HUT TUDM ke-56.
- c. Majlis Ramah Mesra Program Kolaborasi Sekolah-sekolah.
- d. Penyampaian Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada Mantan PTU.
- e. Program Derma Darah.
- f. Majlis Santapan Beradat Bersama KDYMM Sultan Pahang Sempena HUT TUDM ke-56.
- g. Peraduan Mengarang Artikel.

## BADAN KEMAJLISAN ANGKATAN TENTERA (BAKAT)

### 12. Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara.


Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara telah diadakan pada 13 Sep 2014 di PU Kuantan. Dalam majlis tersebut, Puan Sri Datin Sri Asnah bte Din telah menyerahkan tugas sebagai

Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT TUDM kepada Datin Sri Khairani bte Mohd Zain. Majlis penyerahan tersebut telah disaksikan oleh Asisten Ketua Staf (AKS) Tadbir, Brigedier Jeneral Ahmad Tarmizi bin Elias TUDM.



Serah Terima Tugas Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara

13. BAKAT Udara memainkan peranannya sebagai sebuah pertubuhan kebajikan yang menjadi institusi kekeluargaan dalam Tentera Udara (TU). Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2014 adalah seperti berikut:



Lawatan Kebajikan ke Rumah Baitul Qasih di Rawang



Lawatan kebajikan ke rumah PW U I Jumadi, anak beliau yang mengidap kanser



Majlis Ramah Mesra Bersama BAKAT ATM & YBhg Datin Hj/Rasidah bte Hj Ibrahim, Isteri PAT Angkatan Bersenjata Brunei Serta Bakti



Majlis Bacaan Yassin dan Tahليل



Penyampaian sumbangan anak-anak yatim/anak sakit kronik/anak istimewa

## STRATEGI LAUTAN BIRU (NBOS)

14. Sepanjang tahun 2014, terdapat 4 NBOS yang telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan oleh MiDAS iaitu Rondaan Awam, Polis dan ATM (RAPAT 1M), Program Remaja Berwawasan dan Military Community Transformation Centre (MCTC) dan Program AMANITA.

SIRI	PENGLIBATAN TUGAS	TEMPOH
1.	Uniformed Policing 2 – Rondaan Awam, Polis dan Angkatan Tentera Malaysia (RAPAT 1M)	14 Dis 2012 hingga kini
2.	Uniformed Policing 2 – Program Remaja Berwawasan dengan kerjasama bersama ATM, PDRM dan Kementerian Pendidikan Malaysia	14 Nov 2012 hingga kini
3.	Military Community Transformation Centre (MCTC)	21 Nov 2012 hingga kini
4.	Uniformed Policing 2 – Program AMANITA dengan kerjasama ATM dan PDRM	01 Dis 2014 hingga kini
5.	Uniformed Policing 2 – Program AMANITA dengan kerjasama ATM dan PDRM	01 Dis 2014 hingga kini



NBOS 8: Program Summer Camp Remaja Berwawasan



NBOS 8 – Rondaan Awam, Polis dan Angkatan Tentera Malaysia (RAPAT 1M)



NBOS 8 – Military Community Transformation Centre (MCTC)



NBOS 8 – Program AMANITA

## PENUTUP

15. Secara keseluruhannya, pada tahun 2014 TUDM telah mempamerkan pencapaian cemerlang yang lebih membanggakan melalui pelbagai program dan aktiviti yang dirancang. Pencapaian tersebut merupakan indikator peningkatan prestasi dalam semua aspek operasi, latihan dan pengurusan menyeluruh organisasi dengan memberi keutamaan kepada tadbir urus yang efektif dan efisien. Komitmen berterusan dari pucuk kepimpinan dan seluruh warga merupakan asas kecemerlangan dan pemacu kepada pencapaian yang lebih baik untuk tahun 2015 dan seterusnya.







**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***ANGKATAN TENTERA MALAYSIA***




Majlis Angkatan Bersama



# MARKAS ANGKATAN BERSAMA

## ORGANISASI MARKAS ANGKATAN BERSAMA





## OPERASI DALAM NEGARA

### OP PASIR

Secara keseluruhannya, keselamatan negara berada dalam tahap yang baik dan terkawal. Op PASIR melibatkan anggota daripada ketiga-tiga perkhidmatan ATM yang ditempatkan di sepanjang Pantai Timur Sabah meliputi kawasan di antara Kudat hingga ke Tawau, Sabah yang meliputi jarak sepanjang 1,577 km. Operasi ini dilaksanakan sejak 18 September 2000 sehingga kini, di mana anggota ATM telah ditempatkan di 28 penempatan pesisir pantai dan pulau di sepanjang lokasi tersebut.

### OP SANGGAH

Op SANGGAH telah diperkenal dan dilancarkan untuk menggantikan Op SERKAP semasa perbarisan pemakaian pingat Op DAULAT di Felda Sahabat pada 29 Jun 2013 dan operasi ini adalah sepenuhnya di bawah bidang tugas ESSCOM. MK ATB 2 telah ditugaskan dengan aset laut dan darat untuk meneruskan pengoperasian menunjukkan kehadiran dan pengawasan di KTJ Op PASIR bersama-sama TUDM dan APMM. Dengan kerjasama dalam pelaksanaan perundangan daripada PDRM khususnya PPM dan APMM dalam pengoperasian, statistik pemeriksaan dan tangkapan telah meningkat.

## OPERASI LUAR NEGARA

### Operasi Luar Negara (Tugas PBB)

Bagi tahun 2014, MK AB terus menguruskan penglibatan ATM dalam misi luar negara. Kehadiran ATM di luar negara semakin dirasai dunia. Penglibatan anggota ATM dalam misi PBB telah menaikkan nama negara melalui kemampuan, dedikasi serta disiplin tinggi anggota ATM semasa penugasan. Secara umumnya penglibatan anggota ATM dengan pelbagai misi PBB adalah antara yang paling aktif. Antara misi tersebut seperti berikut:

#### ***United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL).***

Pada masa ini, penugasan ATM di misi UNIFIL melibatkan MALBATT 850 - 2 yang mula mengambil alih tugas pada 23 September 2014 dari MALBATT 850 - 1. Penempatan MALBATT adalah di Kem Ma'arakah UNP 2 - 1, Kem Tibnin dan Kem Shamrock.





Perbarisan Pemakaian Beret



Serah Terima Tugas Komandan di Kem Ma'rakah, Lubnan



Upacara Penanggalan Beret



Perbarisan Pembaruan



PTD menyematkan Pingat PNBB



Gambar Udara Kem Ma'rakah UNP 2-1 Lubnan

### Tim Pemantauan Antarabangsa - Mindanao 9 (TPA-M9).

Penglibatan Malaysia dalam TPA-M telah memasuki siri ke - 9 yang diketuai oleh Mej Jen Dato' Abd Samad bin Haji Yaakub sebagai Head of Mission (HOM) yang akan tamat bertugas pada 14 Mac 2015. Jangka masa penugasan adalah selama setahun. Atur gerak TPA - M9 adalah di Markas TPA - M9 Cotabato City. Penglibatan TPA - M9 seramai 16 orang terdiri daripada lima pegawai TD, tiga pegawai TLDM, tiga pegawai TUDM, dua pegawai PDRM dan tiga staf awam.



Majlis Serah Terima Tugas Head of Mission TPA-M9 Markas IMT



### Pegawai Pemerhati Tentera (PPT) dan Pegawai Staf (PS).

Sepanjang tahun 2014 terdapat 41 Pegawai ditugaskan sebagai PPT dan 12 PS di beberapa buah negara seperti berikut:

#### United Nations Organisation Stabilization Mission in the Democratic Republic Of Congo, (MONUSCO).

Seramai 14 Pegawai telah diatur gerak dalam misi ini sebagai PPT di mana seorang pegawai wanita ditugaskan sebagai PPT.

#### United Nation Mission for the Referendum In Western Sahara (MINURSO).

Seramai 13 pegawai telah diatur gerak dalam misi ini sebagai PPT.





PPT Membuat Rondaan dan Pemantauan



***United Nations Mission in Liberia (UNMIL).***

Sepanjang tahun 2014 seramai 7 pegawai telah diatur gerak dalam misi ini sebagai PPT.



PPT bersama Penduduk Setempat bagi Mendapat Maklumat

***United Nations Interim Security Force for Abyei (UNISFA).***

Hanya seorang pegawai dari TD telah diatur gerak ke misi ini sebagai PPT.

***United Nations Mission in Darfur Sudan (UNAMID).***

Seramai 13 pegawai telah diatur gerak dalam misi ini sebagai PPT dan PS.



Tugasan Mingguan Confidence Building Patrol di Hammidiya Camp Zalingie

***United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL).***

Seramai lapan pegawai dan seorang LLP telah diatur gerak ke kawasan misi sebagai PS.



Aktiviti 'Melukis untuk Keamanan' Naqurah HQ



Lawatan MENHAN

## LATIHAN DAN EKSESAIS

Markas ini terlibat secara langsung dalam melaksanakan Ekseesai Bersama/Gabungan. Semua ekseesai yang telah dilaksanakan mengikut jadual rancangan Kalendar Ekseesai Tahun 2014 seperti berikut:

### Ekseesai COBRA GOLD 2014.

Ekseesai ini telah dilaksanakan pada 24 Januari hingga 22 Februari 2014 bertempat di Kem Akatosarot Phitsanulok, Thailand. Konsep Ekseesai adalah Command Post Exercise (CPX), Program Khidmat Masyarakat, Jurutera, Perubatan dan Seminar Pegawai dan PTT Kanan.



Acara Bergambar COBRA GOLD

### Ekseesai BERSAMA SHIELD 2014.

Ekseesai telah dilaksanakan mulai 21 Mei hingga 4 Jun 2014 bertempat di MK IADS PU Butterworth dan Changi Naval Base (Singapura). Konsep ekseesai adalah FTX.



Gambar Kenangan



**Staff Planning Workshop Multinational Planning Augmentation Team -Tempest Express 25 (MPAT-TE 25).**

Eksesais telah dilaksanakan pada 11 hingga 20 Jun 2014 di MPC dengan dihadiri oleh 24 buah negara Asia dan Rantau Pasific anjuran bersama USPACOM.



Sesi Perbincangan MPAT TE - 25

**Malaysia - United States Amphibious Exercise 2014.**

Eksesais telah dilaksanakan mulai 26 Ogos hingga 2 September 2014 di Pantai Kg Tanduo dan Lahad Datu, Sabah.



Acara Bergambar AmpHex 2014

**Eksesais JERUNG EMAS Siri 60/14.**

Eksesais JERUNG EMAS merupakan siri latihan melawan anti-keganasan yang telah dilaksanakan oleh PASKAL bersama PETRONAS pada peringkat taktikal sejak tahun 1985. Eksesais dilaksanakan di Fasilitas KUMANG CLUSTER dan SIWA milik PETRONAS yang terletak di luar pantai Miri, Sarawak dan di MK ATM - PSOP pada 27 hingga 22 September 2014.



STAFFEX di PSOP-PESAMA



Latihan Pesawat Semasa FIT di atas KD MAHAWANGSA

### Program Jiwa Murni.

Selain melaksanakan Peacekeeping Operations di UNIFIL, MALBATT 850-1 turut menganjurkan aktiviti-aktiviti Confidence Building Measures di kawasan tanggungjawab seperti berikut:

- Kontinjen MALBATT telah mengambil inisiatif menganjurkan aktiviti gotong royong di taman permainan bagi mendekatkan dan mengeratkan hubungan kekeluargaan di antara masyarakat sekitar Ma'arakah dan MALBATT.



Aktiviti Komuniti bersama Masyarakat



- **Kempen Keselamatan Jalan Raya.** MALBATT 850-1 telah menganjurkan kempen keselamatan jalanraya di Sekolah Qana. Tujuan kempen ini diadakan adalah bagi meningkatkan kesedaran pelajar-pelajar sekolah tentang keselamatan jalan raya.



Kempen Keselamatan Jalanraya



- **Khidmat Kesihatan dan Pergigian.** Elemen Perubatan MALBATT 850-1 telah melaksanakan program bulanan secara berterusan dengan memberi khidmat kesihatan dan pergigian kepada masyarakat tempatan.



Elemen Perubatan dan Pergigian Sedang Memberi Khidmat Perubatan





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***KELAB DAN BERSATUAN BERDAFTAR***

Persatuan Suri dan Anggota Wanita  
Perkhidmatan Awam Malaysia  
*Puspanita*



## PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)

### LATAR BELAKANG PUSPANITA

PUSPANITA telah ditubuhkan di bawah peruntukan 15.1 Perlembagaan PUSPANITA. Objektif penubuhannya adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahmi antara ahli-ahli serta menggalakkan perkembangan pengetahuan kemahiran dan juga kemajuan diri contohnya dengan menghadiri kursus, ceramah, bengkel, menyertai aktiviti sukan, kelas memasak, lawatan sambil belajar dan sebagainya.

Sehingga 31 Disember 2014 bilangan ahli PUSPANITA MinDef adalah seramai 3000 orang. MinDef juga mempunyai Taskanita Permata yang beroperasi sepenuhnya dengan baik sepanjang tahun.

### AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2014

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan telah melaksanakan berbagai aktiviti sebagaimana yang telah dirancang, seperti jadual berikut, selain turut menyertai sebarang aktiviti yang dijalankan oleh PUSPANITA Kebangsaan.

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>JANUARI</b>		
1.	<b>24 Januari 2014</b> <b>Auditorium Wisma Pertahanan</b>	Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan kali ke 31 - membentangkan laporan aktiviti dan Laporan Kewangan PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan Sepanjang tahun 2014.  Seramai 730 ahli dari Wisma dan sekitar Lembah Klang telah hadir. <i>(JK Urus Setia)</i>
2.	<b>23 - 24 Januari 2014</b> <b>Foyer Wisma</b>	Bazar Jualan sempena Mesyuarat Agung PUSPANITA. Sebanyak 25 gerai telah menjalankan pelbagai perniagaan dan mendapat sambutan menggalakkan. <i>(Biro Kepenggunaan &amp; Perundangan)</i>
3.	<b>28 Januari 2014</b> <b>Auditorium Wisma Pertahanan</b>	Ceramah Sempena Maulidur Rasul 1435H bertajuk Nabi Muhammad SAW adalah Contoh Pekerja Cemerlang disampaikan oleh pegawai Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Program anjuran bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Seramai 400 orang peserta telah menghadiri program ini. <i>(Biro Kebajikan &amp; Agama)</i>

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>JANUARI</b>		
4.	<b>28 Januari 2014 Wisma Perwira</b>	Majlis Makan Malam Ladies Nite 2013 dengan tema 'Glamorous' dan dihadiri seramai 60 orang ahli. <i>(Biro Sukan &amp; Sosial)</i>
<b>FEBRUARI</b>		
5.	<b>Mulai 14 Feb 2014 - Akhir Nov Rumah PUSPANITA</b>	Kelas Jahitan Baju Kurung - Kelas telah diadakan dari jam 12.30 tghari hingga 2.30 petang hari Jumaat dua kali sebulan. Tenaga pengajar ialah Puan Saelah bt Masri dan Puan Norashikin bt Jaafar. Seramai 11 ahli PUSPANITA telah mengikuti kursus ini dengan jayanya. <i>(Biro Keusahawanan)</i>
<b>MAC</b>		
6.	<b>05 Mac 2014 Rumah PUSPANITA</b>	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja PUSPANITA Sesi 2013/2015 Bil. 1/2014. Mesyuarat tersebut membincangkan tentang aktiviti dan peruntukan perbelanjaan bagi setiap Jawatankuasa kerja sepanjang tahun 2014. <i>(JK Urus Setia)</i>
7.	<b>07 Mac 2014 Kompleks Kraf</b>	Lawatan Hari Kraf Kebangsaan 2014 - Seramai 40 ahli PUSPANITA telah menyertai lawatan tersebut di Kompleks Kraf, Jln Conlay, Kuala Lumpur. <i>(Biro Keusahawanan)</i>
8.	<b>19 Mac 2014 Rumah PUSPANITA</b>	Bengkel Pertanian Dan Mini Landskap Melalui Penanaman Sayuran/Tumbuhan Hijau Secara Hidroponik, kerjasama dengan DBKL, Kementerian Pembangunan Wilayah. Disertai 30 orang ahli PUSPANITA. <i>(Biro Pembangunan Alam Bina Lestari)</i>
9.	<b>19 Mac 2014 Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>MAC</b>		
10.	<b>28 - 30 Mac 2014</b> <b>Pulau Perhentian, Terengganu</b>	Lawatan Berpandu - GO GREEN 'Community Service' Disertai oleh 80 orang terdiri daripada ahli PUSPANITA termasuk ahli keluarga masing-masing. <i>(Biro Pembangunan Alam Bina Lestari)</i>
<b>APRIL</b>		
11.	<b>05 April 2014</b> <b>Rumah PUSPANITA</b>	Majlis Gotong Royong Rumah PUSPANITA untuk membersihkan kawasan dalam dan sekitar rumah PUSPANITA MinDef supaya kelihatan lebih ceria dan cantik. <i>(JK Urus Setia)</i>
12.	<b>23 April 2014</b> <b>Rumah PUSPANITA</b>	Perbincangan bagi mengadakan Majlis Jasamu Dikenang Timbalan Pengerusi 1 PUSPANITA Kementerian Pertahanan - membincangkan tarikh dan tempat yang sesuai untuk majlis tersebut. <i>(JK Urus Setia)</i>
13.	<b>25 April 2014</b> <b>Concorde Hotel Shah Alam</b>	Majlis Jasamu Dikenang Timbalan Pengerusi 1 PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan. - meraikan Y.Bhg Datin Hasmah bt Abu yang telah bertukar keluar ke Kementerian Dalam Negeri di atas kenaikan pangkat Y.Bhg Dato' Khalid bin Hj.Sharif <i>(JK Urus Setia)</i>
14.	<b>30 April 2014</b> <b>Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja



BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>MEI</b>		
15.	<b>10 Mei 2014</b> <b>Rumah Pusanita</b>	Kelas Biskut Hari Raya Dan Kek - Kelas khusus mempelajari membuat 4 jenis biskut dan sejenis kek. Seramai 7 ahli yang berminat telah mengikuti kelas ini. <i>(Biro Keusahawanan)</i>
16.	<b>16 - 17 Mei 2014</b> <b>Kampung Lata Kijang, Sungkai Perak</b>	Program IM4U Bersama PUSPANITA Kebangsaan di mana pelatih PLKN dan beberapa kementerian juga turut terlibat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Gotong-Royong di Kampung Orang Asli, acara menanam pokok di Hutan Lipur Kuala Woh, Tapah, senamrobik dan pelbagai lagi program diadakan. <i>(JK Urus Setia)</i>
17.	<b>21 Mei 2014</b> <b>Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
18.	<b>22 Mei 2014</b> <b>Wisma</b>	Mesyuarat Lawatan Turun Padang PUSPANITA Kebangsaan ke Kementerian Pertahanan. Membincangkan program yang akan diadakan sempena Lawatan turun padang YDP PUSPANITA Kebangsaan. <i>(JK Urus Setia)</i>
19.	<b>29 Mei 2014</b> <b>Wisma</b>	Bengkel Pemurnian Pelan Strategik PUSPANITA Kementerian Pertahanan diadakan bagi memurnikan Pelan Strategik Tahun 2014 PUSPANITA <i>(JK Urus Setia)</i>
20.	<b>30 Mei 2014</b> <b>Surau Al-Hidayah, MinDef</b>	Majlis Tahlil Arwah Perdana - pengisian program adalah bacaan Yasin, tahlil dan solat berjemaah. Majlis diadakan untuk mendoakan kesejahteraan roh ahli keluarga yang telah meninggal dunia. Seramai 120 ahli telah mengikuti program ini. <i>(Biro Kebajikan &amp; Agama)</i>

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>JUN</b>		
21.	<b>3 Jun 2014 Wisma</b>	Mesyuarat Ke 2 membincangkan perancangan Lawatan Turun Padang YDP PUSPANITA Kebangsaan ke Kementerian Pertahanan <i>(JK Urus Setia)</i>
22.	<b>4 Jun 2014 Auditorium Wisma Pertahanan</b>	Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang kepada 23 orang anak-anak ahli PUSPANITA yang telah mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR, SPM & STPM tahun 2013. Masing-masing menerima sumbangan wang tunai <i>(Biro Pendidikan &amp; Pembangunan Keluarga)</i>
23.	<b>4 Jun 2014 Auditorium Wisma Pertahanan</b>	Majlis Executive Talk - ceramah mengenai GST yang disampaikan oleh pegawai dari Kementerian Kewangan, dan ceramah bertajuk Bahaya Ancaman Syiah yang disampaikan oleh pegawai agama JAKIM. Ceramah dihadiri oleh seramai 400 orang ahli. Program ini anjuran bersama dengan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia <i>(Biro Pendidikan &amp; Pembangunan Keluarga)</i>
24.	<b>5 Jun 2014 Shah Alam</b>	Lawatan Sambil Belajar Ke Norai'ni Cookies - Lawatan ke kilang dan pembuatan biskut-biskut yang dihasilkan sendiri oleh Noraini untuk dieksport ke luar negara dan edaran ke hypermarket di seluruh Malaysia. Seramai 40 ahli PUSPANITA menyertai lawatan ini. <i>(Biro Keusahawanan)</i>
25.	<b>11 Jun 2014 Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
26.	<b>17 Jun 2014 Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
27.	<b>18 Jun Shah Alam</b>	Lawatan Sambil Belajar ke Kumpulan Media Karangkrif dan Yayasan Restu. Lawatan ini disertai oleh seramai 40 ahli PUSPANITA. <i>(Biro ICT, Seranta &amp; Penerbitan)</i>

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>JUN</b>		
28.	<b>20 Jun 2014</b> <b>Kedai PUSPANITA</b>	Semak Stok setengah tahun pertama <i>(Biro Kepenggunaan &amp; Perundangan)</i>
29.	<b>25 Jun 2014</b> <b>Rumah PUSPANITA</b>	Majlis Penyerahan 2000 Bungkus Kacang Sempena Hari Raya Aidilfitri kepada Bahagian Perkhidmatan Anggota, Markas Angkatan Tentera untuk diagihkan kepada Warga ATM. <i>(Biro Urus Setia)</i>
30.	<b>27 Jun 2014</b> <b>Taskanita MinDef</b>	Majlis Bacaan Yassin & Tahlil di Taskanita MinDef yang dihadiri seramai 40 orang terdiri daripada para ibu, AJK Taskanita, Pengerusi, Timbalan Pengerusi II dan Penyelaras Aktiviti. <i>(Biro Taskanita)</i>
31.	<b>30 Jun - 25 Julai 2015</b>	Bazar Ramadhan dibuka sepanjang bulan Ramadhan dan disertai oleh seramai 25 orang peniaga yang menyewa tapak dari PUSPANITA. <i>(Biro Kepenggunaan &amp; Perundangan)</i>
<b>JULAI</b>		
32.	<b>4 Julai 2014</b> <b>Surau Al-Hidayah, MinDef</b>	Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran Perdana - salah satu pengisian Ihya' Ramadhan dan menggalakkan ahli mendapat ganjaran berlipat kali ganda sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak. Pengisian program adalah bertadarus, khatam Al-Quran dan solat berjemaah Zohor serta solat Hajat. Seramai 98 orang peserta telah mengikuti program ini. <i>(Biro Kebajikan &amp; Agama)</i>

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>OGOS</b>		
33.	<b>20 Ogos 2014 Dewan Seroja</b>	Majlis Ramah Mesra Syawal PUSPANITA Mindef dengan Kerjasama KAKEP dan Kementerian Pertahanan – menaja 2 gerai. <i>(JK Urus Setia)</i>
34.	<b>29 Ogos 2014 Rumah Puspanita</b>	Majlis Bacaan Yasin dan Meraikan lima ahli yang akan menunaikan Haji serta Majlis Sumbangan bantuan PUSPANITA kepada 14 orang ahli PUSPANITA bertaraf ibu tunggal yang tidak berkemampuan. Pengisian program adalah bacaan Yasin, Solat Hajat dan solat zohor secara berjemaah. <i>(Biro Kebajikan &amp; Agama)</i>
<b>SEPTEMBER</b>		
35.	<b>3 September 2014 Puspanitapuri Putrajaya</b>	Seminar Perniagaan Secara <i>Online</i> - Pilihan Masa Kini anjuran PUSPANITA Kebangsaan. Seramai 13 wakil PUSPANITA MinDef telah hadir ke seminar sehari ini. <i>(Biro Kepenggunaan &amp; Perundangan)</i>
36.	<b>11 September 2014 Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
37.	<b>14 September 2014 Putrajaya</b>	Mengambil bahagian aktiviti Anjuran PUSPANITA Kebangsaan 1. Pertandingan Futsal 2. Pertandingan Aerobikthon – PUSPANITA MinDef mendapat tempat ke-2 kategori kumpulan dan tempat pertama kategori perseorangan. <i>(Biro Sukan &amp; Sosial dan Biro Kesihatan)</i>
38.	<b>17 September 2014 Taskanita MinDef</b>	Sambutan Hari Merdeka & 1 Malaysia yang melibatkan kanak-kanak, guru dan AJK Taskanita, seramai 50 orang. <i>(Biro Taskanita)</i>



BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>SEPTEMBER</b>		
39.	<b>26 September 2014 Rumah PUSPANITA</b>	Kelas Gubahan Bunga Hidup - penerangan berkenaan dengan jenis-jenis bunga yang sesuai untuk diberi hadiah harijadi, hadiah untuk pesakit, cenderahati dan teknik-teknik penyusunan bunga dengan betul mengikut seninya tersendiri. Penyertaan ahli PUSPANITA seramai 27 orang. <i>(Biro Keusahawan Dan Biro Kepenggunaan &amp; Perundangan)</i>
<b>OKTOBER</b>		
40.	<b>1 Oktober 2015 Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
41.	<b>10 Oktober 2014 Wisma</b>	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Puspanita Sesi 2013/2015 Bil. 2/2014 membincangkan aktiviti yang telah dijalankan serta peruntukan yang masih ada oleh setiap biro. <i>(JK Urus Setia)</i>
42.	<b>7 - 8 Oktober 2014 Wisma</b>	Kursus Adobe Photoshop – yang telah dihadiri oleh seramai 20 ahli PUSPANITA. Tenaga pengajar adalah pegawai teknologi maklumat dan diadakan di Bilik Latihan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). <i>(Biro ICT, Seranta &amp; Penerbitan)</i>
43.	<b>13 Oktober 2014 Megalane Indah Parade, Seri Petaling</b>	Perlawanan persahabatan Bowling bersama BAKTI di mana perlawanan dimenangi oleh Pasukan BAKTI. <i>(Biro Sukan &amp; Sosial)</i>
44.	<b>15 Oktober 2014 Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
45.	<b>29 Oktober 2014 Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>OKTOBER</b>		
46.	<b>20 - 21 Oktober 2014 Wisma</b>	Kursus Open Office - yang dihadiri oleh seramai 20 orang ahli. Tenaga Pengajar adalah pegawai Teknologi Maklumat dan diadakan di Bilik Latihan BPM. <i>(Biro ICT, Seranta &amp; Penerbitan)</i>
47.	<b>31 Oktober - 2 November Kem PLKN Benum Hill Resort, Raub, Pahang</b>	Lawatan Sambil Bersukan - Seramai 77 orang peserta telah mengikuti lawatan ini yang diisi dengan aktiviti riadah seperti kayak, jungle tracking, senamrobik dan aerobikthon dalam air juga aktiviti bersukan seperti Bola jaring, Futsal dan Tarik Tali. Peserta juga menyertai solat Maghrib dan Isyak berjemaah dan tazkirah. <i>(Biro Sukan &amp; Sosial)</i>
<b>NOVEMBER</b>		
48.	<b>1 November 2014 Kem PLKN Benum Hill Resort, Raub, Pahang</b>	Majlis Makan Malam Ladies Nite PUSPANITA MinDef Tahun 2014 bertemakan "Fairy Tales. Seramai 72 ahli menghadiri majlis ini. <i>(Biro Sukan &amp; Sosial)</i>
49.	<b>5 November 2014 Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
50.	<b>8 November 2014 Sg Besar, Selangor</b>	Lawatan perniagaan ke Kilang Nata de Coco dan melihat pembuatan Minyak Kelapa Dara <i>(Biro Kepenggunaan &amp; Perundangan)</i>
51.	<b>18 November 2014 Wisma</b>	Mesyuarat Program Profesionalisma PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan membincangkan mengenai program yang akan dijalankan dan antara program yang dicadangkan ialah pemeriksaan kesihatan dan ceramah perundangan, kesihatan dan keusahawanan. <i>(JK Urus Setia)</i>

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>NOVEMBER</b>		
52.	<b>18 November 2014</b> <b>Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
53.	<b>20 November 2014</b> <b>Petro Sains KLCC</b>	Lawatan Sambil Belajar Ke Petro Sains KLCC yang melibatkan kanak-kanak berumur 2 - 5 tahun bersama ibu bapa/ penjaga, guru dan juga AJK Taskanita seramai 70 orang. <i>(Biro Taskanita)</i>
54.	<b>21 November 2015</b> <b>Restoran Saba, Setiawangsa</b>	Majlis Perpisahan Jawatankuasa Kerja PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan meraikan jasa Bendahari (Puan Murliza Hanafiah bt Mohd Hanafiah), Penolong Bendahari (Puan Siti Zubaidah bt Jaafar) dan Ketua Biro Agama (Puan Norhayati bt Abdullah) yang bertukar keluar Kementerian Pertahanan. <i>(JK Urus Setia)</i>
55.	<b>22 November 2014</b> <b>Bakeri Ria Academy,</b> <b>Taman Melawati</b>	Bengkel mempelajari membuat 14 jenis Roti Dan Donat - menggalakkan pembuatan sendiri roti dan kaum hawa melibatkan diri dalam perniagaan. Di samping itu, Chef Farid (pengusaha bakeri) memberi penerangan produk-produk halal dan teknik-teknik menjadi seorang usahawan. Peserta membuat sendiri berjenis-jenis roti yang lembut dan pelbagai perisa donat dapat dihasilkan. Seramai 52 orang ahli PUSPANITA telah menyertai bengkel tersebut. <i>(Biro Keusahawanan)</i>
56.	<b>25 November 2014</b> <b>Dewan Seroja</b>	Senamrobik di Dewan Seroja
57.	<b>27 November 2014</b> <b>Rumah PUSPANITA</b>	Mesyuarat Persiapan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan Kali ke 32 yang membincangkan mengenai agihan tugas, jempunan dan perbelanjaan bagi persediaan mesyuarat tersebut, yang dijangka diadakan pada 21 Januari 2015. <i>(JK Urus Setia)</i>

BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>DISEMBER</b>		
58.	<b>5 Disember 2014 Hulu Langat Selangor</b>	Projek Jiwa Murni ke Rumah Anak Yatim - PUSPANITA MinDef telah menyumbangkan barangan seperti kain pelikat, selimut serta peralatan/pekakasan taman. Di samping itu, disampaikan juga sumbangan peribadi berupa tuala muka dan juga wang tunai. Program ini dianjurkan bersama dengan Kelab kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) <i>(Biro Pendidikan &amp; Pembangunan Keluarga Dan Biro Kebajikan &amp; Agama)</i>
59.	<b>5 Disember 2014 Wisma Perwira</b>	Majlis Sejambak Kenangan Setulus Ingatan meraikan Y.Bhg Datin Sri Hjh Normah bt Karim Pengerusi PUSPANITA di atas persaraan Y.Bhg Dato' Dr. Hj. Ismail bin Hj Ahmad Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan. Turut diraikan ialah Y.Bhg Datin Nor Azian bt Adnan; Timbalan Pengerusi 3 di atas persaraan Y.Bhg Dato' Zulkifli bin Hj. Abdul Karim dan Y.Bhg Datin Foziyah bt Nasir; Timbalan Pengerusi 2 di atas kenaikan pangkat Y.Bhg Dato' Jalil bin Marzuki yang bertukar keluar MinDef. <i>(JK Urus Setia)</i>
60.	<b>6 - 8 Disember 2014 Pulau Langkawi</b>	Ceramah Motivasi Psikologi Kanak-kanak dan Kekeluargaan oleh Prof Dr Huzili bin Hussin, Dekan UNIMAP yang melibatkan penyertaan guru Taskanita, AJK Taskanita, Pengerusi, Timbalan Pengerusi II dan Ketua-ketua Biro PUSPANITA seramai 23 orang. Turut dijalankan Lawatan Sambil Belajar sekitar Pulau Langkawi. <i>(Biro Taskanita Dan Biro Sukan &amp; Sosial)</i>



BIL	TARIKH / TEMPAT	INFO AKTIVITI
<b>DISEMBER</b>		
61.	<b>11 Disember 2014</b>	Kunjungan Mesra Kepada Y.Bhg. Datin Sri Zahrah Binti Che Hussain, Pengerusi PUSPANITA MinDef yang menggantikan Y.Bhg Datin Sri Hjh Normah bt Karim. <i>(JK Urus Setia)</i>
62.	<b>12 Disember 2014 Rumah Puspanita</b>	Pemeriksaan Kesihatan Dan Ceramah Berkaitan Kanser Payudara Dan Kanser Servik yang dilaksanakan dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Kesihatan Markas ATM. Peserta diberi peluang membuat pemeriksaan percuma kesihatan, pemeriksaan payu dara dan <i>pap smear</i> . Seramai 35 peserta telah hadir pada sesi ceramah dan pemeriksaan tersebut. <i>(Biro Kesihatan)</i>
63.	<b>13 - 16 Disember 2014 Padang/Bukit Tinggi Sumatera</b>	Lawatan ke Padang/Bukit Tinggi Sumatera di mana seramai 24 orang ahli PUSPANITA telah mengikuti lawatan ini.  Antara tempat-tempat yang dilawati ialah Perkampungan Anai, Pandai Sikek, Batu Sengkar, Tasik Singkarak serta membeli belah di Pasar Atas Bukit Tinggi. <i>(Biro Pendidikan &amp; Pembangunan Keluarga)</i>
64.	<b>18 Disember 2014 Puspanitapuri, Putrajaya</b>	Seramai 14 ahli PUSPANITA MinDef telah menghadiri Seminar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) anjuran Bersama Puspanita Kebangsaan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan. <i>(Biro ICT, Seranta &amp; Penerbitan)</i>
65.	<b>30 - 31 Disember 2014 Wisma</b>	Kursus Movie Maker yang dihadiri oleh seramai 20 orang ahli PUSPANITA. Tenaga Pengajar adalah pegawai Teknologi Maklumat dan diadakan di Bilik Latihan BPM. <i>(Biro ICT, Seranta &amp; Penerbitan)</i>

## AKTIVITI LAIN SEPANJANG TAHUN

PUSPANITA juga mengadakan Kuliah Agama Bulanan setiap Jumaat pada Minggu keempat setiap bulan yang dikendalikan oleh Biro Kebajikan & Agama. Seperti juga aktiviti senamrobik, majlis ilmu ini juga sentiasa mendapat sambutan daripada ahli PUSPANITA dan wargakerja Mindef.

Pada tahun 2014 juga sebanyak 32 permohonan kebajikan merangkumi tuntutan khairat kematian ibu, bapa, suami, anak atau ahli, tuntutan masuk wad (rawatan lebih daripada 3 hari) dan tuntutan bencana alam telah diproses dan diserahkan kepada penerima.

### “WANITA SEPAKAT NEGARA MENINGKAT”

#### LAWATAN KE PETROSAINS





### BENKEL PEMBELAJARAN MEMBUAT ROTI DAN DONAT



### KURSUS FOTOGRAFI





BAZAR RAMADHAN DAN BAZAR MESYUARAT AGUNG



MAJLIS SERAH TUGAS



SUMBANGAN BANTUAN BANJIR





### MESYUARAT AGUNG TAHUNAN



### KARNIVAL SUKAN TAHUNAN





LADIES NIGHT



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN PUSPANITA KE-33



SENAMROBIK





**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**  
***KELAB DAN BERSATUAN BERDAFTAR***




BADAN KEBAJIKAN KELUARGA  
ANGKATAN TENTERA  
BAKAT



# BADAN KEBAJIKAN KELUARGA ANGGARAN TENTERA (BAKAT)

## CARTA ORGANISASI BADAN KEBAJIKAN KELUARGA ANGGARAN TENTERA (BAKAT) JEMAAH TETINGGI BAKAT ATM





## PERISTIWA DALAM NEGARA

### 1. Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yassin Sempena Insiden MH370.

Insiden kehilangan pesawat MH 370 pada 8 Mac 2014 telah mencetuskan pelbagai spekulasi dan persepsi daripada semua individu terutamanya keluarga penumpang pesawat MH 370. Oleh itu, dengan rasa simpati, Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yassin BAKAT ATM sempena mendoakan keselamatan penumpang MH 370 telah diadakan pada 11 Mac 2014 di Dewan Bankuet, Rumah BAKAT ATM. Majlis ini dihadiri oleh 250 ahli BAKAT dari setiap perkhidmatan ATM. Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, YBhg Puan Sri Dato' Hajah Umi Kalsom binti Wan Awang, Ahli-Ahli Jemaah Tertinggi BAKAT ATM serta pegawai dan anggota daripada Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Majlis Solat Hajat ini telah dipimpin oleh Brigedier Jeneral Haji Kamarudin bin Haji Mamat, Pengarah KAGAT.



Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yassin oleh ahli-ahli BAKAT ATM untuk penumpang MH 370

### 2. Penglibatan Bakat ATM Dalam Perbarisan Hari Merdeka Ke-57.

Pada 31 Ogos 2014 seramai 100 orang ahli BAKAT ATM telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam perbarisan sempena Hari Kemerdekaan Ke-57 di Dataran Merdeka. Objektif perbarisan ini adalah untuk memupuk dan melahirkan semangat cintakan negara serta menerapkan semangat kerjasama, setiakawan dan pemantapan daya ketahanan dari segi mental dan fizikal. Penglibatan ahli-ahli BAKAT ATM dalam perbarisan ini merupakan satu penghormatan daripada pihak kerajaan.



Ahli-ahli BAKAT ATM semasa dalam Perbarisan Sempena Hari Kemerdekaan Ke-57 di Dataran Merdeka

### 3. Pertandingan Bowling Meraikan Isteri-Isteri Penasihat Pertahanan Asing Sempena Hari ATM Ke-81.

Pertandingan Bowling meraikan Penasihat Pertahanan Asing telah diadakan dengan jayanya pada 18 Nov 2014 di Tropicana Golf and Country Club, Petaling Jaya, Selangor. Pertandingan Bowling ini merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh BAKAT Bahagian Staff Perisikan Pertahanan (BSPP) yang melibatkan 30 orang isteri Penasihat Pertahanan Asing dan 30 orang ahli BAKAT ATM. Pertandingan ini dimulakan dengan balingan perasmian oleh YBhg Puan Sri Dato' Hajah Umi Kalsom binti Wan Awang, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM. Salah satu objektif pertandingan ini adalah untuk mengeratkan silaturrahim dalam kalangan ahli BAKAT ATM dan isteri Penasihat Pertahanan Asing serta mewujudkan hubungan dua hala, berkongsi pendapat dan budaya dalam kalangan mereka.



Ahli-ahli BAKAT ATM bersama Isteri-Isteri Penasihat Pertahanan Asing

## BAKAT DARAT

### 4. Lawatan Ibu Kepala Staf Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Darat (KASAD).

Nyonya Nenny Trimurti, isteri kepada Kepala Staf Tentera Nasional Indonesia Angkatan Darat (KASAD) bersama dua orang isteri Pegawai Tertinggi TNI telah membuat lawatan ke BAKAT Darat pada 27 hingga 29 Okt 2014. Rombongan tersebut disambut oleh YBhg Puan Sri Norlida bte Hj Abdul Mubin, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat dan dibawa melawat ke Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Al-Mawaddah. Atas dasar persahabatan dan hubungan akrab, Nyonya Nenny Trimurti telah menyumbangkan peralatan sokongan pelajaran yang bernilai RM 4,500.00.



YBhg Puan Sri Norlida bte Hj Abdul Mubin Menerima Rombongan Ibu KASAD Untuk Lawatan Ke PPDK Al- Mawaddah, Kem Perdana Sg Besi



## BAKAT LAUT

### 5. Aktiviti Pelayaran Anak-Anak Yatim Dan Murid-Murid Sekolah Rendah Kebangsaan TLDM Bersama Kapal TLDM.

Aktiviti pelayaran ini merupakan aktiviti tahunan BAKAT Laut sempena Hari TLDM yang disambut pada tanggal 27 Apr pada setiap tahun. Aktiviti ini telah diadakan pada 29 Apr 2014 di atas salah sebuah Kapal Peronda TLDM iaitu KD KELANTAN. Aktiviti ini telah diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut iaitu Ybhg Puan Sri Sarah bte Ab Ghafar bersama ahli-ahli BAKAT Laut Lumut. Seramai 100 orang anak-anak yatim dan pelajar daripada Sekolah Rendah Kebangsaan Pangkalan TLDM telah dijemput untuk menyertai pelayaran di sekitar Pulau Pangkor yang bermula pada jam 9.00 pagi sehingga jam 4.00 petang. Aktiviti sebegini di yakini mampu memupuk semangat keperwiraan di dalam diri setiap generasi muda.



Murid-murid sekolah bergambar bersama sebahagian daripada kru Kapal KD KELANTAN

## BAKAT UDARA

### 6. Lawatan Sehari Madam Udomluck, Isteri Commander-In-Chief, Royal Thai Air Force.

BAKAT Udara telah menerima kunjungan hormat daripada Madam Udomluck Sonjance, isteri kepada *Commander-In-Chief of Royal Thailand Air Force* dalam rangka lawatan beliau ke Kuala Lumpur pada 16 Dis 2014 yang lalu. Lawatan sehari itu di sambut oleh YBhg Datin Sri Hj Khairani bte Mohd Zain, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara dan Ahli Jemaah Tertinggi BAKAT Udara. Selain berpeluang mengenali budaya Malaysia, lawatan itu juga bertujuan untuk mengukuhkan jalinan diplomatik antara Malaysia dan Thailand.



Aktiviti yang dilaksanakan oleh Madam Udomluck semasa lawatan ke Kuala Lumpur



## BAKAT GABUNGAN MARKAS ATM

### 7. Lawatan Kebajikan BAKAT Gabungan MK ATM Ke Rumah Jagaan Dan Rawatan Orang Tua AI – Ikhlas.

Pada 15 Mei 2014, BAKAT Gabungan MK ATM telah mengadakan lawatan ke Rumah Jagaan dan Rawatan Orang Tua AI – Ikhlas bertempat di Puchong, Selangor. Pengerusi BAKAT Gabungan, YBhg Datin Hajah Siti Aisyah binti Mohd Sidek dan ahli-ahli BAKAT yang lain turut menyertai lawatan ini. Tujuan lawatan ini ialah untuk memupuk rasa kasih sayang dan penghargaan kepada orang tua. Penghuni rumah jagaan ini terdiri daripada 66 orang warga emas, iaitu 44 wanita dan 22 lelaki. Antara sumbangan yang diberikan adalah bantuan kewangan, lampin pakai buang, ubat – ubatan, pakaian dan barang keperluan harian yang lain. Lawatan ini secara amnya dapat memberi kesedaran tentang tanggungjawab dalam menghargai warga emas.



*BAKAT Gabungan MK ATM semasa lawatan kebajikan ke Rumah Kebajikan AI – Ikhlas*






**KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

Jalan Padang Tembak, 50634 Kuala Lumpur.

Tel: (60)3-2059 8400 Faks: (60)3-2691 4163

Emel : portal@mod.gov.my

 Kementerian Pertahanan Malaysia

[www.mod.gov.my](http://www.mod.gov.my)